

Jilid I  
Bil. 98



Hari Isnin  
28hb November, 1983

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEENAM  
*Sixth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

## KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 13805]

PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA:

Pendermaan Darah [Ruangan 13842]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1984:

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 59 hingga B. 61 [Ruangan 13842]

Maksud B. 62 [Ruangan 13905]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat  
[Ruangan 13841]

Anggaran Pembangunan, 1984:

Jawatankuasa—

Maksud P. 59 hingga 61 [Ruangan 13842]

Maksud P. 62 [Ruangan 13905]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,  
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang  
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO  
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.  
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO  
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,  
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH  
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGGU DATO'  
AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P.,  
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH  
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu  
Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,  
J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,  
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,  
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGION, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J. P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

- Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S, A.B.S. (Batang Lumar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).

- Yang Berhormat DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEE SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

- Yang Berhormat DATO HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik  
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang  
Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (BINTULU).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Isnin, 28hb November, 1983

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*  
*pergunakan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

ANAK SYARIKAT PKEN

1. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) berapakah jumlah anak syarikat-anak syarikat di bawah jagaan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) yang telah ditutup atas arahan Kerajaan dan berapakah yang telah ditutup atas sebab-sebab pertimbangan dan perakuan pihak pengurusan anak syarikat-anak syarikat secara sendiri;
- (b) adakah semua pegawai dan kakitangan yang cekap telah diserapkan ke mana-mana anak syarikat-anak syarikat lain yang telah maju. Berapa ramai yang menyeleweng telah dikenakan tindakan tatatertib;
- (c) apakah Kementerian akan mengkaji semula semua anak syarikat-anak syarikat Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri seluruh negara untuk memastikan kecekapan dan

kemajuan mereka sentiasa berada di tahap yang menguntungkan; dan

- (d) adakah Y.B. Menteri bercadang akan menimbangkan juga dasar pengswastaan anak-anak syarikat yang kurang berjaya dan yang berjaya dalam strategi mengelakkan penutupan kepada anak syarikat-anak syarikat yang boleh menjejaskan imej Perbadanan Negeri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud):** Tuan Yang Dipertua, soalan ini telah dijawab semasa menjawab soalan daripada Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 27hb Oktober, 1983. Dengan hal yang demikian, saya tiada apa-apa hendak menambah pada hari ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

*(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah tidak hadir).*

HICOM—PEMBORONG-  
PEMBORONG TURNKEY

3. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Perdana Menteri menyatakan berapakah wang-wang HICOM telah dipertanggungkan (committed) kepada pemborong-pemborong turnkey asing bagi penubuhan projek-projek memasuki surat-surat intent yang ditandatangani dan sama ada

'financing' adalah melalui kredit-kredit eksport daripada Kerajaan-kerajaan kontraktor itu dan jika ya, bagaimanakah "commitments" ini mempengaruhi pembayaran imbalan negara kita semasa tempoh kemelesetan ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang Dipertua, setakat ini sejumlah \$1,788,391,867.55 telah dipertanggungkan kepada pemborong-pemborong turnkey asing bagi tujuan penubuhan projek-projek memasuki surat intent yang ditandatangani. Di samping itu, sejumlah \$923,243,525.93 merupakan financing melalui kredit-kredit eksport daripada Kerajaan-kerajaan kontraktor yang terlibat. Perkhidmatan di dalam financing melalui kredit-kredit eksport ini dikira tidak menjejaskan imbalan pembayaran negara kita semasa tempoh kemelesetan ini. Ini adalah kerana kita diberikan tempoh tanggungan bayaran grace period kira-kira 3-5 tahun. Tempoh pembayaran balik juga adalah agak lama kira-kira 8-15 tahun.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri berapa banyakkah peruntukan yang diberi untuk keseluruhan projek HICOM yang berjalan sekarang dan apakah kewangan itu akan didapati daripada luar negeri atau wang itu telah pun disediakan ataupun daripada manakah wang yang diperuntukkan bagi projek-projek tersebut?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, maklumat yang ada pada saya tadi sebagaimana yang saya telah sebutkan adalah sebenarnya jumlah besar yang diperuntukkan kepada HICOM untuk projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan HICOM ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Justine Jinggut.

*(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Justine Jinggut tidak hadir).*

#### KETUA JABATAN ANESTHETIK HOSPITAL UNIVERSITI

**5. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah Ketua Jabatan Anestetik enggan bekerjasama dengan Pakar Bedah Jantung Hospital Universiti, Petaling Jaya, Dr Razali Hashim mengenai mengadakan pakar bius untuk pembedahan jantung, menyebabkan lebih daripada 100 kes untuk pembedahan telah ditangguhkan. Adakah siasatan telah apakah keputusannya dan adakah benar masalah ini timbul kerana cemburu bahawa Dr Razali Hashim kebetulan pula sedang menjadi popular sebagai pakar bedah jantung Hospital Universiti.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang Dipertua, persoalan tentang tidak adanya kerjasama antara Ketua Jabatan Anestetik dengan Pakar Bedah Jantung Hospital Universiti mengenai ketiadaan pakar bius untuk pembedahan jantung adalah tidak benar.

Sebenarnya penangguhan lebih dari 100 kes pembedahan yang dimaksudkan itu adalah disebabkan kekurangan tenaga Anestetik dan kekurangan kemudahan-kemudahan yang terdapat di Unit Rawatan Rapi itu sendiri. Masalah cemburu kepada kepopularan Dr Razali Hashim tidak timbul. Semua pihak memberikan perkhidmatan dalam satu kumpulan dan sehingga ini kerjasama yang diberikan oleh semua pihak untuk perkhidmatan pembedahan Hospital Universiti adalah memuaskan.

**Tuan Daud bin Dato Haji Taha:** Adakah benar satu perkakas mesin bius yang telah dibeli oleh Universiti Hospital untuk kegunaan Anesthetik telah tidak dapat digunakan selama lebih setahun disebabkan oleh kerana perkara-perkara yang tidak dapat diatasi oleh pihak universiti. Saya hendak tahu adakah ini menyebabkan satu daripada masalah yang menyebabkan lebih 100 kes bedah jantung ditangguhkan dan apakah sebab-sebab mengapa mesin itu telah tidak dapat digunakan sehingga sekarang.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, tadi saya pun telah sebutkan penangguhan lebih dari 100 kes pembedahan ini bukan oleh sebab mesin anesthetik tidak boleh digunakan atau tidak ada kerjasama di antara pihak anesthetis dengan pakar bedah. Sebab ada penangguhan ini oleh kerana adalah kekurangan tenaga anesthetis dan ini sedang diatasi dan berkenaan ada satu unit mesin bius ini, saya akan menyasiat tetapi boleh diberikan makluman di sini adalah cukup unit mesin anesthetik ini yang boleh digunakan walaupun ada satu dua unit yang kadangkala ada masalah.

**Tuan Daud bin Dato Haji Taha:** Tuan Yang Dipertua, satu mesin berjumlah \$1 million lebih yang masih belum lagi dapat dipergunakan tetapi kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kerana tidak cukup tenaga anesthetis. Jadi, sepatutnya tidak dibeli tetapi kenapa juga dibeli mesin berharga \$1 juta itu hingga sekarang ini terbengkalai.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Saya tidak sedar ada satu unit mesin anesthetik yang \$1 million ini, barangkali apa Yang Berhormat menimbulkan ialah heart machine untuk operation yang special ini. Tetapi ini saya akan menyasiat dan akan memberi keterangan yang lebih lanjut kepada Yang Berhormat.

## RANCANGAN FELDA/FELCRA— MASALAH PENEROKA

**6. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah Kementerian ini sedar, di dalam usaha pembukaan Rancangan-rancangan Tanah baru seperti yang dilakukan oleh Rancangan FELCRA, FELDA di seluruh negara, terdapat berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh para-para peneroka terutamanya dalam masalah persekolahan anak-anak, perkhidmatan kesihatan, bekalan air dan elektrik. Adakah pihak Kementerian ini telah atau akan membuat satu penyelarasan dengan beberapa Kementerian/Jabatan yang terlibat supaya pembukaan-pembukaan Rancangan tanah di masa depan akan benar-benar dapat memberikan kemudahan kepada peneroka-peneroka yang ditempatkan ke rancangan-rancangan tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Zainal Abidin bin Zin):** Tuan Yang Dipertua, bagi makluman Yang Berhormat, Kementerian saya sedar mengenai masalah-masalah kemudahan-kemudahan sosial seperti sekolah, perkhidmatan kesihatan, bekalan air, bekalan elektrik yang dihadapi oleh peneroka-peneroka di rancangan-rancangan tanah yang baru yang dimajukan oleh FELDA, FELCRA dan agensi-agensi pembangunan tanah yang lain. Oleh itu sudah menjadi dasar dan amalan Kementerian saya merancang pembinaan kemudahan ini di tiap-tiap rancangan yang melibatkan penempatan peneroka-peneroka sebelum mereka dibawa masuk ke rancangan-rancangan tersebut.

Dalam hal itu ada terdapat masalah pelaksanaan dalam mengadakan sekolah-sekolah, bekalan elektrik dan bekalan air untuk kawasan-kawasan tinggi dan lain-lain kemudahan asas

yang diperlukan untuk peneroka-peneroka ini. Namun demikian, agensi-agensi di bawah Kementerian saya telah cuba mengatasi masalah-masalah berkenaan dengan mengadakan kemudahan-kemudahan berbentuk sementara seperti menjadikan rumah-rumah peneroka sebagai sekolah-sekolah rendah, sekolah TADIKA, menjadikan klinik, pondok polis dan balairaya.

Di samping itu bagi mengatasi masalah bekalan air di kawasan-kawasan tinggi penyediaan bekalan air sementara berupa sistem tangki digunakan. Sebagai contohnya di rancangan-rancangan FELDA terdapat sebanyak 242 buah rumah peneroka telah digunakan untuk tujuan-tujuan seperti yang telah saya sebutkan. Sementara itu bagi Rancangan FELCRA pula sebanyak 4 buah rumah telah dipinjamkan bagi tujuan-tujuan yang sama.

Bagi bekalan air pula sebanyak 46 buah tangki dengan muatan 800 gelen setangki dengan kos pembinaan sebanyak \$4,620 tiap-tiap satu tangki dan 83 buah tangki dengan muatan 400 gelen setangki dengan kos pembinaan tiap-tiap satu tangki \$3,255 telah pun disediakan bagi Rancangan-rancangan FELDA.

Sementara itu sebanyak 6 buah Rancangan FELCRA juga terlibat dengan sistem bekalan air sementara ini dan kos yang terlibat ialah \$450,473.00.

Tuan Yang Dipertua, bagi bekalan elektrik, walaupun pihak FELDA tidak menyediakan generator tetapi peneroka-peneroka secara berkumpulan digalakkan menggunakan generator. Dalam soal ini FELDA sentiasa membantu segala urusan berkaitan perlesenan dan teknikal.

Dengan usaha-usaha ini sebanyak 13 buah rancangan yang melibatkan 5,296 peneroka telah menggunakan sistem generator secara berkumpulan.

Selanjutnya pihak FELDA dengan kerjasama LLN telah berusaha untuk menambah bilangan rancangan yang akan dibekalkan dengan kemudahan elektrik secara tetap.

Bagi tahun 1984 peruntukan sebanyak \$5 juta telah diluluskan bagi tujuan tersebut.

Bagi mengatasi masalah-masalah kemudahan sosial ini, Kementerian saya telah mengadakan sebuah Jawatankuasa Penyelaras Kemudahan Awam yang dianggotai oleh Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang terlibat dalam menyediakan segala kemudahan-kemudahan awam.

Jawatankuasa ini bertindak untuk mengkaji, meneliti dan menyelaras segala keperluan kemudahan sosial bagi rancangan-rancangan pembangunan tanah baru supaya dapat dilaksanakan mengikut jadual dan prioriti.

**Tuan Othman bin Abdul:** Soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk memberi satu package programme kepada institusi-institusi pembangunan tanah ini misalnya dalam usaha untuk membina jalan raya ataupun memberi bekalan air supaya ia tidak bergantung kepada jabatan-jabatan yang lain.

**Tuan Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang Dipertua, dalam soal pembinaan dan pengurusan pembangunan ini telah dijalankan oleh Kementerian ini mengikut agensi-agensi yang berkenaan. Walau bagaimanapun, sehingga ini kita masih bergantung kepada beberapa agensi-agensi Kerajaan yang lain bagi mendapatkan kemudahan-kemudahan ini. Umpamanya kita tidak dapat menjalankan package programme untuk kemudahan polis umpamanya kerana ia melibatkan dari segi keselamatan dan kita juga tidak dapat menjalankan package programme untuk kesihatan ataupun bidan kerana

ini merupakan kepakaran yang tertentu dalam masalah ini. Walau bagaimanapun, keseluruhan Jawatankuasa ini bertindak bagi menyelaraskan pembangunan kemudahan awam keseluruhannya.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengenai masalah perkhidmatan kesihatan kepada peneroka-peneroka yang baru masuk ke sesuatu Rancangan Tanah FELDA di mana peneroka-peneroka ini adalah terlalu produktif menyebabkan kadangkala mereka ini pada tiap-tiap tahun menghantar isteri-isteri mereka bersalin di hospital-hospital Kerajaan.

Jadi, masalahnya ialah oleh kerana baki pendapatan-pendapatan setelah ditolak hutang-hutang peneroka yang baru masuk ini ada kadangkalanya negatif, kalau positif cuma lebih kurang \$5, \$10 ataupun \$15 sebulan sudah tentulah mereka ini tidak berkemampuan untuk membiayai perkhidmatan perubatan ini.

Soalnya, adakah pihak FELDA menyedari tentang masalah ini. Kalau FELDA sedar tentang adanya masalah sedemikian, tidakkah boleh pihak FELDA berunding dengan pihak Kementerian Kesihatan agar mereka ini dapat diberikan perkhidmatan perubatan percuma ataupun sekurang-kurangnya mereka ini dikenakan bayaran yang paling minima sekali.

**Tuan Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang Dipertua, saya rasa kalau saya jawab bagi pihak Kementerian Kesihatan adalah tidak kena pada tempatnya. Cuma saya ingin menyeru kalau ada pihak-pihak peneroka yang menghadapi masalah kemasukan ke hospital ini terdapat peraturan terpaksa membayar lebih kerana ianya menjadi peneroka, saya ingat kita boleh merundingkan dengan Kementerian Kesihatan. Tetapi apa

yang biasa kita difahamkan penduduk-penduduk kampung ataupun rakyat yang berpendapatan rendah adalah diberi perhatian oleh pihak Kementerian Kesihatan ini. Tetapi satu soalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi tentang pendapatan peneroka sebanyak \$5 dan \$15, saya kurang bersetuju dengan saranan ini, Tuan Yang Dipertua, kerana pada masa ini kita ada memberi satu guarantee income kepada peneroka—bagi rancangan getah \$250 sebulan yang telah masuk dalam block system dan \$350 bagi rancangan kelapa sawit dan \$350 ini adalah satu pendapatan yang kita tetapkan bukanlah seperti \$5 dan \$15. Kalau \$5 dan \$15, Tuan Yang Dipertua, pada hari ini sudah tentu sangat kurang orang memohon untuk menyertai Rancangan FELDA ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan penghabisan.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi beberapa kemudahan asas dan juga kemudahan sosial telah diadakan untuk peneroka-peneroka di Rancangan-rancangan FELDA dan FELCRA. Selain daripada kemudahan-kemudahan tersebut masalah persekolahan adalah satu perkara yang amat berat dihadapi oleh peneroka-peneroka. Jadi, apakah langkah sementara ataupun langkah jangka pendek yang ada di dalam rancangan Kementerian ini bagi membantu untuk mengatasi masalah perhubungan anak-anak ataupun murid-murid di kalangan peneroka-peneroka untuk pergi dan balik ke sekolah, misalnya menyediakan pengangkutan ataupun cara-cara lain.

**Tuan Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang Dipertua, kemasukan peneroka-peneroka ke rancangan pada peringkat awalnya adalah mengikut kehendak peneroka dan mengikut

penyusunan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah khususnya FELDA dan FELCRA, tetapi dalam jangkaan kita untuk menempatkan orang-orang ini pihak Kementerian kita khasnya agensi kita telah mengadakan kemudahan tempat tinggal, tetapi bagi mengadakan kemudahan sekolah ini bukanlah tanggungjawab pihak Kementerian kita, ianya menjadi tanggungjawab Kementerian Pelajaran.

Walau bagaimanapun kita sentiasa memberi kerjasama dengan Kementerian Pelajaran, contohnya seperti yang telah saya berikan tadi, ada beberapa buah rumah peneroka yang sepatutnya diduduki oleh peneroka telah kita berikan kepada Kementerian Pelajaran sebagai pinjaman sementara bagi menggunakan kemudahan bilik-bilik darjah dan sebagainya dan kalau masih terdapat lagi beberapa kawasan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam masalah ini, kita telah mengarahkan kepada agensi-agensinya kita untuk memberi kemudahan-kemudahan pertolongan yang lain seperti pengangkutan dan sebagainya. Kita harap masalah ini tidak menjadi satu masalah besar kepada peneroka di kawasan kita dalam soal pembangunan, dalam soal kemudahan perhubungan.

Tuan Yang Dipertua, pihak FELDA sendiri dalam beberapa rancangan yang tertentu telah sanggup membina beberapa bangunan untuk memberi kemudahan tempat ataupun bilik darjah bagi sekolah-sekolah ini. Apa yang kita harap Kementerian Pelajaran berganding dengan kita untuk mengatasi masalah yang sama.

#### INSTITUT BERAKAN KUALA TERENGGANU

7. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar

terdapat sebuah sekolah swasta di Kuala Terengganu "Institut Berakan" yang digunakan bagi tujuan meresapkan fahaman politik dan tujuan-tujuan politik sebuah Parti Politik. Jika tidak, bolehkah satu penyiasatan dijalankan dan jika didapati bukti-bukti yang cukup, adakah Kerajaan akan bertindak membatalkan lesen sekolah tersebut dan mengambil tindakan sesuai terhadap pihak yang berkenaan.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, Institut Berakan Kuala Terengganu itu telah didaftarkan di bawah Akta Pelajaran, 1961 pada tahun 1977. Satu penyiasatan telah pun dijalankan dan setakat ini Kementerian Pelajaran tidak mendapati sebarang bukti yang menunjukkan sekolah tersebut digunakan untuk meresapkan fahaman politik dan tujuan-tujuan politik sebuah parti politik. Sekiranya sekolah tersebut didapati digunakan untuk meresapkan fahaman politik dan tujuan-tujuan politik, Kementerian ini akan mengambil tindakan sewajarnya di bawah Akta Pelajaran, 1961.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana di negara kita sekarang banyak sekolah-sekolah swasta didirikan dan termasuk Institut Gerakan, bagaimanakah . . . . .

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat, institut apa?

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Institut Berakan.

**Tuan Yang Dipertua:** Tadi pada mulanya Yang Berhormat kata "Gerakan".

**Wan Mohd. Najib din Wan Mohamad:** Jadi bagaimanakah Kerajaan menentukan sekolah-sekolah swasta ini akan mengikut kurikulum yang disediakan oleh Kerajaan, dan adakah pemeriksaan dijalankan bagi menentukan kehendak-kehendak kurikulum Kerajaan dan adakah guru-guru yang mengajar di sekolah swasta itu didaftarkan bagi menentukan perjalanan sekolah itu mengikut kehendak-kehendak Kerajaan dan Akta yang diadakan itu?

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu, Kementerian Pelajaran ada mengambil langkah-langkah untuk sentiasa menyiasat dan mengawal prestasi sekolah-sekolah persendirian macam Institut Berakan ini dan pendaftaran untuk menjalankan institut swasta ini perlu diberi dari tahun ke setahun bukan apabila sudah didaftar boleh terus dijalankan dengan tidak terhad masa. Pendaftaran yang diberi ialah untuk satu tahun sahaja dan apabila institut swasta atau persendirian ini dan lain-lain institut persendirian mesti membuat permohonan baru untuk tahun baru dan di masa itu jikalau ada bukti-bukti institut itu tidak menjalankan tugas pelajaran mereka setaraf dengan sekolah-sekolah Kerajaan, pendaftaran permohonan untuk didaftarkan akan ditolak oleh Kementerian Pelajaran dan juga guru-guru yang berkhidmat di dalam sekolah-sekolah begini juga perlu didaftar di Kementerian Pelajaran.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, apakah syarat-syarat yang ditentukan oleh pihak Kementerian Pelajaran dalam mengenakan pihak swasta ataupun

dalam memberi lesen kepada pihak swasta membuka sekolah persendirian?

Yang kedua, adakah pihak Kementerian Pelajaran sedar bahawa bukan sahaja di Terengganu tetapi juga di Kelantan terdapat setengah-setengah sekolah swasta yang digunakan menjadi alat ataupun pusat gerakan anti-nasional dan menentang Kerajaan?

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi ialah satu, dengan izin, allegation yang serius dan jikalau Yang Berhormat ada bukti-bukti, saya harap ini akan dikemukakan kepada Kementerian saya dan Kementerian Pelajaran akan mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut kuasa yang diberi di dalam Akta Pelajaran, 1961.

Kriteria-kriteria yang harus diikuti ialah satu institut yang ingin didaftarkan di bawah Akta Pelajaran ini perlu memberi bukti pentadbiran dan juga guru-guru untuk sekolah yang ingin didaftarkan adalah dari orang yang ada qualification yang selaras dengan kehendak-kehendak Kementerian Pelajaran dan juga bangunan yang mereka ingin menggunakan adalah sesuai dengan kemudahan-kemudahan asas.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebagaimana kita diberitahu baru sekejap tadi bahawa tidak ada bukti-bukti yang diresapkan di dalam sekolah-sekolah swasta ini fahaman-fahaman politik. Memang kita setuju bahawa dalam sukatan pelajaran mereka, memang sukatan itu sama dengan sukatan yang diberi oleh Kementerian Pelajaran, tetapi masalahnya sekarang ialah sejauh mana pihak Kementerian membuat satu pengawasan terhadap aktiviti-aktiviti sampingan yang dilaksanakan oleh sekolah-sekolah yang berkenaan

di samping itu juga sejauh mana pihak Kementerian dapat mengadakan satu pengawasan selain daripada aktiviti-aktiviti sampingan yang diaturkan oleh sekolah yang berkenaan, tetapi juga dari segi moral pelajar-pelajar dan juga keselamatan pelajar-pelajar yang berkenaan kerana soal moral di negeri-negeri yang lahir sekolah-sekolah swasta ini boleh menjejaskan sekolah-sekolah yang di bawah Kementerian Pelajaran sendiri.

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan sekolah yang disebut iaitu Institut Berakan, Kementerian saya belum menerima apa-apa sungutan dari ibu bapa-ibu bapa atau aduan dari penuntut-penuntut berkenaan dengan sekolah ini tidak mengikut kurikulum yang telah diputuskan oleh Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran sentiasa mengadakan lawatan oleh pihak Inspectorate of Schools dan mereka adalah memberi laporan berkenaan sekolah-sekolah swasta ini. Tetapi apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi untuk memberi perhatian yang lebih kepada beberapa sekolah swasta yang mungkin menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak begitu sihat, Kementerian Pelajaran akan mengambil perhatian yang berat dan jikalau Yang Berhormat ada maklumat-maklumat tertentu haraplah diberi kepada Kementerian saya dan saya berjanji bahawa Kementerian saya akan menjalankan siasatan yang mendalam.

**Tuan Ismail Mansor bin Said:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Di dalam siasatan Timbalan Menteri Pelajaran berhubung dengan Institut Berakan ini, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran mendapati bahawa bangunan yang digunakan ini adalah merupakan sebuah tempat duduk dan berhampiran dengan jalan raya? Dan jika demikian halnya Yang Berhormat

mendapati bahawa ianya sesuai untuk dijadikan sebagai sebuah sekolah swasta? Yang kedua sama ada beliau sedar atau tidak bahawa Pesuruhjaya PAS Negeri Terengganu telah diberi jadual yang khusus untuk memberi ceramah dan kuliah kepada penuntut-penuntut di sana?

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, seperti saya telah sebutkan setakat ini kita belum mendapatkan bukti-bukti tertentu. Tetapi saya berjanji apabila kita mendapat bukti-bukti tertentu dan juga sungutan daripada ibu bapa atau murid-murid dan kita pun sentiasa mengambil perhatian terhadap kes-kes macam ini dan akan mengambil tindakan jikalau dianggap perlu.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang penghabisan.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, saya hendak tanya kepada Timbalan Menteri, oleh kerana pihak Kementerian telah menjalankan siasatan khas kepada sekolah ini dan didapati tidak ada digunakan sekolah ini untuk tujuan politik sebuah badan politik, saya hendak bertanya beberapa soalan yang ringkas sahaja. Pertama, bilakah kajian ini dibuat? Kedua, bagaimana kajian ini dibuat? Ketiga, siapakah pemilik institut ini yang utamanya dan siapakah tenaga-tenaga pengajar yang utama yang mendukung institut ini?

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, siasatan ini telah dibuat oleh Pejabat Pelajaran Negeri dan maklumat Yang Berhormat ingin tahu ialah Institut Berakan telah ditubuhkan oleh Encik Abu Bakar bin Chik pada lewat tahun 1976 dan didaftarkan pada 12hb Januari, 1977 di Kuala Terengganu sebagai sebuah sekolah menengah swasta bertujuan memberi pelajaran untuk membolehkan calon-calon

persendirian memasuki peperiksaan-peperiksaan SRP, SPM dan STPM aliran Sastera.

Semenjak dari penubuhannya, sekolah ini telah mendapat sambutan baik daripada ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut terutama anak-anak yang atas sebab-sebab tertentu tidak dapat memasuki ataupun menyambung di sekolah-sekolah bantuan Kerajaan.

Walaupun diketahui dari awal lagi bahawa dasar Encik Abu Bakar bin Chik pengasas dan juga Pengetuanya ialah memberi tumpuan yang lebih menekan kepada penuntut-penuntutnya mengamalkan peradaban Islam dan kemudiannya penglibatan Pengetua tersebut dalam parti politik sehingga beliau terpilih sebagai ahli Pas dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu semasa diadakan pilihanraya umum 1982, kepercayaan ibu bapa masih tidak terjejas untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut yang pada masa ini mempunyai bilangan penuntut-penuntut yang seramai 841 orang dalam Tingkatan III hingga Tingkatan VI.

Setakat ini walaupun penyiasatan pertama tidak mendapatkan apa-apa bukti tertentu tetapi Kementerian saya terus memberi perhatian yang serius kepada sekolah ini. Seperti saya sudah sebutkan tadi, saya memberi jaminan jikalau kita dapat bukti-bukti dan juga dapat sungutan dari mana-mana pihak pun kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Ban Hong Keong.

*(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Ban Hong Keong tidak hadir).*

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail.

*(Soalan No. 9 Y.B. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail tidak hadir).*

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Newman Gaban.

*(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Newman Gaban tidak hadir).*

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Mutang Tagal.

*(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Mutang Tagal tidak hadir).*

## PENGIRIMAN WANG KE LUAR NEGERI—JUMLAH

**12. Tuan Khadri bin Sabran** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah wang negara ini yang mengalir keluar negeri kerana menyara hidup anak isteri dan keluarga mereka yang berada di negara asal mereka dalam masa setahun.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang Dipertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum Malaysia mengamalkan satu sistem kawalan peruntukan wang asing yang agak liberal. Ini bermakna aliran masuk dan keluar modal atau wang boleh dilakukan secara bebas tanpa apa-apa masalah.

Seseorang individu misalnya boleh mengirimi wang keluar negeri sehingga \$10,000 pada bila-bila masa tanpa kelulusan dari Bank Negara atau mana-mana bank. Hanya pengiriman wang yang melebihi \$10,000 sahaja perlu mendapat kelulusan dari Bank Negara dan baru-baru ini pula kuasa meluluskan "remittance" ini telah pun diberi kepada bank-bank perdagangan dan kelulusan diberi secara bebas tanpa apa-apa masalah. Oleh kerana kebanyakan daripada pengiriman wang keluar negeri oleh seseorang

bermastautin kepada anak-isteri atau keluarganya di luar negeri adalah pada keseluruhannya dalam lingkungan \$10,000 iaitu remittance yang tidak perlu mendapat kelulusan pihak berkuasa maka tidak ada perangkaan yang terperinci mengenai berapa banyak jumlah remittance yang dibuat untuk tujuan tersebut. Apa-apa perangkaan yang dikutip mengenai aliran masuk dan keluar wang adalah dalam bentuk kategori yang meluas bertujuan untuk menyenangkan proses kelulusan remittance tersebut dan dengan itu dapat menggalakkan aliran masuk modal pelabur-pelabur asing ke negeri ini. Perangkaan ini pun tidak memberi gambaran yang lengkap, kerana tiap-tiap kategori perangkaan itu termasuklah berbagai-bagai jenis aliran masuk dan keluar modal yang mungkin tidak dapat diketahui dengan tepat. Oleh yang demikian, maka tidaklah dapat saya memberi angka yang tepat jumlah wang keluar dari negeri atau negara ini untuk penyelenggaraan hidup anak isteri dan keluarga seseorang pemastautin yang berada di luar negeri.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:**

Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa pengiriman wang lebih daripada \$10,000 perlulah mendapat kelulusan daripada bank negara. Jadi saya ingin bertanya, adakah kelulusan itu mudah diperolehi dan kalau tidak, apakah syarat-syarat yang diperlukan oleh seorang pengirim dan adakah pernah permohonan untuk mengirim wang lebih daripada \$10,000 itu ditolak oleh pihak bank.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang Dipertua, seperti saya katakan tadi kebenaran untuk mengirim wang keluar negeri sebanyak \$10,000 sekarang ini telah pun diberi kepada bank perdagangan, tidak perlu lagi meminta kebenaran dari Bank

Negara. Setakat yang saya tahu tidak ada sebarang kes di mana seseorang hendak mengirim wang sebanyak \$10,000 ke atas yang tidak dibenarkan.

**Tuan Yang Dipertua:** \$10,000 ke atas itu maknanya lebih daripada \$10,000.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri Kewangan menyatakan bahawa pengiriman wang \$10,000 ke bawah untuk dihantar kepada kaum keluarga di luar negeri tidak payah melalui Bank Negara. Jadi adakah Timbalan Menteri sedar atau tidak bahawa kemungkinan dengan cara pengiriman \$10,000 kepada kaum keluarga di negara lain, keluarga yang menghantar itu sekarang ini pandai. Katanya Kerajaan benarkan setakat \$10,000, jadi mereka hantar sekali \$10,000 dan dalam masa dua tiga bulan lagi hantar \$10,000, lama-lama setahun sampai sejuta ringgit. Cara macam ini berlaku, sepertimana tektik yang dibuat di Singapura; beli barang di Singapura, misalnya buah apple 10 biji dengan harga \$2, jadi satu hari peniaga di Johor Bahru ini boleh bawa ke Johor 10 trip berulang alik dengan jalan kaki sahaja. Jadi apakah langkah-langkah tertentu bagi Kementerian ini mengatasi supaya perkara ini tidak berlaku dan adakah Kemeterian sedar dalam masalah ini?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang Dipertua, seperti saya katakan tadi kawalan pertukaran wang asing bagi negara kita adalah liberal. Sekali lagi saya menyatakan bahawa kiriman kurang daripada \$10,000 tidak perlu mendapat apa-apa kebenaran. Dahulu hendak menghantar \$10,000 ke atas, ertinya lebih daripada \$10,000 memerlukan kebenaran daripada Bank Negara. Sekarang ini kuasa itu telah pun dipindahkan kepada bank perdagangan. Ertinya tidak perlulah pergi ke Bank Negara, pergi ke bank

perdagangan sudah cukup. Mereka boleh beri kebenaran menghantarnya. Kita tidak memikirkan yang perkara ini akan mendatangkan masalah.

Berhubung dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Matang tadi sama ada kita sedar atau tidak sedar, jawabnya kita sedar tetapi ini bukan masalah, maka dengan kerana itu tidak menjadi hal sama ada mereka hendak hantar ataupun tidak—tidak apa.

**Tuan Yang Dipertua:** Kita benarkan?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Kita benarkan, tidak ada hal langsung.

**Tuan Yang Dipertua:** Tidak ada masalah.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tidak ada.

### **PULAU LANGKAWI SEBAGAI PELABUHAN BEBAS**

**13. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menjadikan Pulau Langkawi sebagai sebuah pelabuhan bebas ekoran permintaan Kerajaan Negeri Kedah.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan belum lagi membuat sebarang keputusan menjadikan Pulau Langkawi sebagai pelabuhan bebas. Walau bagaimanapun bagi menggalakkan industri pelancongan di Pulau Langkawi maka kemudahan kedai bebas cukai di tempat-tempat yang sesuai akan diberi pertimbangan. Kemudahan ini boleh menjadi satu penarikan kepada pelancong-pelancong dari luar negeri yang datang ke pulau itu. Di samping itu sekiranya ada industri perkilangan untuk digalakkan bertempat di pulau itu, Kerajaan sedia menimbangkan insentif yang perlu bagi syarikat perkilangan itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang Dipertua, mengenai galakan Pulau Langkawi sebagai sebuah pusat pelancongan, adakah benar bahawa Kerajaan akan membenarkan satu kasino ditubuhkan di Pulau Langkawi?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Mengapa tidak cukupkah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pergi ke kasino di Genting? Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakannya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah benar atau tidak benar? Jangan impute improper motives. Adakah benar atau tidak benar?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang Dipertua, setakat yang saya tahu tidak ada.

### **LAWATAN KE CHINA**

**14. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikan rakyat Malaysia yang telah dibenar melawat negara Komunis China kerana tujuan perdagangan, rawatan kesihatan dan menziarahi keluarga dan adakah Kerajaan akan terus melanjutkan kebenaran lawatan ini pada masa-masa akan datang.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang Dipertua, saya telah pun menjawab soalan yang lebih kurang serupa maksudnya dengan soalan ini ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera pada 7-11-1983. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan saya itu.

## JEMAAH HAJI YANG DIHANTAR PULANG

**15. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah benar Kerajaan Arab Saudi telah menghantar pulang tujuh orang bakal haji dari Malaysia kerana melanggar peraturan dan undang-undang memasuki negara itu; jika ya, apakah langkah-langkah positif yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan terhadap mereka yang telah menjatuhkan imej dan maruah negara;
- (b) benarkah di antara mereka yang terlibat itu ada membawa sebanyak 25 keping gambar berukuran besar dan lebih 100 keping gambar berukuran kecil gambar Ayatullah Khomeini dan risalah-risalah yang bertentangan dengan undang-undang negara Arab Saudi, jika ya, apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan kerana sikap mereka itu boleh menjejaskan hubungan baik di antara Malaysia dengan Arab Saudi dan menyulitkan lagi pemeriksaan ke atas para Jemaah Haji dari Malaysia di masa akan datang; dan
- (c) memandangkan kesukaran Kerajaan untuk memastikan pemergiaan para Jemaah Haji ke Mekah pada masa akan datang tidak akan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan aturan dan peraturan undang-undang kedua-dua negara (Malaysia-Arab Saudi), adakah Kerajaan akan melarang bakal-bakal jemaah haji akan datang supaya tidak boleh pergi ke Mekah selain menerusi

Lembaga Urusan dan Tabung Haji, serta menerusi pemeriksaan yang rapi.

29-11-83.

**6. Tuan Abdul Rahman bin Suliman** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan kepada seramai tujuh orang telah dihantar pulang dan tidak dibenarkan menunaikan ibadah Haji kerana melanggar peraturan mengunjungi Saudi Arabia;
- (b) adakah Kerajaan akan mengetatkan lagi syarat-syarat untuk menunaikan ibadah Haji mestilah melalui LUTH sahaja; dan
- (c) adakah Kerajaan sedar iaitu terdapat pihak persendirian menggunakan penerbangan secara pelancong sama ada melalui Mesir atau Negara Ketiga untuk mendapat kebenaran masuk ke Mekah di Musim Haji. Jika sedar apakah sikap Kerajaan mengenai perkara ini.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang hampir sama maksudnya daripada Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar untuk 29-11-83.

Tuan Yang Dipertua, adalah benar Kerajaan Saudi menghantar pulang 7 orang Jemaah Haji Malaysia kerana mereka itu melanggar peraturan dan undang-undang memasuki negara itu. Mereka yang terlibat itu ada membawa gambar-gambar Ayatullah Khomeini dan risalah-risalah yang dianggap bertentangan dengan undang-undang negara Saudi. Tindakan ketujuh-tujuh Jemaah Haji itu amat dikesali. Di dalam hal ini juga

Kerajaan telah pun memaklumkan kepada Kerajaan Arab Saudi bahawa tindakan segelintir Jemaah Haji itu adalah tindakan orang-orang perseorangan. Walau bagaimanapun hubungan Kerajaan kita dengan Kerajaan Arab Saudi tidak terjejas oleh kerana hubungan yang sedia ada antara Malaysia/Arab Saudi adalah diasaskan kepada pertalian persaudaraan yang telah lama wujud dan persefahaman yang erat antara pemimpin-pemimpin kedua-dua negara dengan kata-kata lain kedua-dua negara mempunyai hubungan yang matang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan lanjut masih lagi dibuat mengenai latar belakang dan kegiatan-kegiatan orang-orang ini. Tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap mereka setelah siasatan itu selesai kelak.

Untuk mengelakkan peristiwa serupa ini berulang lagi, Kerajaan berhasrat untuk mewajibkan Jemaah Haji yang ingin menunaikan fardhu lagi supaya menggunakan khidmat Lembaga Urusan dan Tabung Haji, dengan cara yang demikian bakal-bakal haji akan dapat diawasi dan dinasihatkan supaya mematuhi kehendak-kehendak dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi semasa mereka berada di Saudi menunaikan fardhu haji.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah Yang Berhormat Menteri dapat memberitahu siapa-siapaakah 7 orang rakyat Malaysia yang telah dihantar pulang oleh pihak Kerajaan Saudi Arabia sewaktu mereka bertujuan hendak menunaikan fardhu haji baru-baru ini? Kalau tidak dapat hendak beritahu kerana dalam penyiasatan pihak Kerajaan terhadap latar belakang

orang-orang ini, bilakah penyiasatan ini akan selesai; 6 bulan ataupun setahun lamanya? Kalau boleh beritahu bayangan, apakah di antara 7 orang ini terdiri daripada anggota-anggota parti politik di Malaysia?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, saya minta maaf list ketujuh-tujuh orang yang terlibat itu tidak ada bersama saya. Itu jawapan yang pertama.

Yang keduanya tentang siasatan yang sedang dijalankan itu, saya tidak dapat pastikan bilakah siasatan itu akan selesai. Tentu ia akan mengambil masa dan saya percaya walaupun akan mengambil masa tetapi tidaklah menjadi tujuan Kerajaan untuk melengah-lengahkan dalam hal penyiasatan ini. Oleh sebab maklumat-maklumat itu tidak ada pada saya, jadi saya minta notis.

**Tuan Daud bin Dato Haji Taha:** Tuan Yang Dipertua, dalam siasatan Kerajaan apakah sebenarnya motif mereka yang membawa 25 keping gambar serta risalah-risalah mengenai Ayatullah Khomeini ini kerana kalau mereka hendak pergi ke Mekah menunaikan ibadat haji tentulah bukan gambar-gambar atau risalah-risalah yang tidak kena-mengena dengan ibadat haji dibawa ke sana. Jadi apakah tujuan mereka sebenarnya ke sana dan membawa risalah-risalah tersebut? Selain daripada itu, adakah lain-lain orang yang terlibat dalam masalah ini?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya katakan tadi kes ini masih dalam penyiasatan. Jadi saya tidak dapatlah memberi kepastian apakah sebab-sebabnya maka gambar-gambar dan risalah-risalah itu telah dibawa, tetapi yang boleh diagakkan ialah untuk penyebaran agaknya.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Menteri adakah ketujuh-tujuh mereka yang disuruh balik ke Malaysia semasa mereka menunaikan fardhu haji ini adakah mereka ini orang-orang Malaysia yang terdiri daripada golongan syiah, sebagaimana orang-orang Iran, termasuk pemimpinya Ayatullah Khomeini adalah terdiri daripada orang syiah, orang Islam tetapi penganut syiah. Adakah ketujuh-tujuh orang ini orang golongan syiah juga ataupun cuba hendak memperkembangkan syiah kepada golongan orang-orang kita yang kita tahu orang Malaysia ini adalah terdiri daripada ahli sunnah wal-jamaah?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, setakat maklumat yang ada pada kita sekarang ini tidak menunjukkan yang mereka itu adalah orang yang berfahaman syiah.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan bahawa pihak Kerajaan sedang membuat siasatan dan hasilnya belum dipisahkan sama ada bila masa dapat diumumkan. Saya ingin bertanya, ketujuh-tujuh orang ini yang disiasatnya adakah di dalam tahanan Polis ataupun masih berada dalam masyarakat seperti orang-orang lain?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, mereka bukan dalam tahanan.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Menteri tadi ada mengatakan bahawa langkah bagi mengelakkan perkara ini berlaku lagi ialah dengan cara mendaftarkan diri

masuk Tabung Haji. Soalan saya, sejauh mana Tabung Haji dapat mengawal keadaan ini kalau melalui Tabung Haji.

Yang kedua, bagi orang-orang yang hendak menunaikan fardhu haji, sejauh mana pula Tabung Haji dapat mengawal orang-orang itu masuk melalui Tabung Haji. Sebab apa yang saya tahu visa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Arab Saudi kadang-kadang ada dikeluarkan di Malaysia ini kepada orang yang tidak melalui Tabung Haji dan ada juga orang-orang yang pergi ke Mekah itu mendapatkan visa di Cairo umpamanya ataupun di India. Jadi sejauh mana langkah-langkah supaya perkara ini tidak berlaku.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, mengikut pengalaman Tabung Haji yang mentadbirkan hal ehwal kebajikan ahli-ahli jemaah haji dari Malaysia, sepanjang pengalaman Lembaga Tabung Haji itu tidak adalah berlaku di mana ahli-ahli jemaah haji yang di bawah kelolaan Tabung Haji itu telah menjalankan kegiatan-kegiatan yang menentang Kerajaan Saudi kerana ini bolehlah dikatakan disebabkan adanya penerangan-penerangan yang telah diberi dengan rapi, dengan baik dan adanya kertas-kertas panduan dan nasihat yang dihantar kepada semua ahli-ahli jemaah haji yang naik haji dengan khidmat Tabung Haji itu.

Memanglah saya katakan bahawa kalaulah ada di antara ahli jemaah haji itu sengaja hendak membuatkan sesuatu, mungkin kita tidak dapat menghalangnya. Tetapi kalaulah mereka menaiki haji ke Mekah dan menggunakan khidmat Tabung Haji, maka saya percaya bolehlah kawalan itu dibuat dan kita yakin juga sekurang-kurangnya ia akan dapat mengawal mereka itu dan menjauhkan mereka daripada mengambil tindakan-tindakan yang tidak diingini.

Satu lagi berhubung dengan pemberian visa, pihak Tabung Haji melalui Wisma Putra sedang berusaha sekarang ini untuk mendapat kerjasama daripada Kedutaan Arab Saudi supaya nanti visa-visa yang hendak dikeluarkan untuk tujuan naik ke Mekah itu hendaklah dikeluarkan kepada mereka yang telah mendaftar dan naik haji dengan khidmat Tabung Haji itu. Perkara ini masih dalam rundingan.

Berhubung dengan warganegara Malaysia yang berada di luar negeri yang hendak naik haji melalui Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri, kita sedang mempertimbangkan sama ada peraturan yang sama dapat digunakan atau tidak. Tetapi dalam hal ini belum sebenarnya dapat dipastikan kerana kita pun ada ramai warganegara Malaysia yang ada di luar negeri, terutama mereka yang sedang berkhidmat dengan Kedutaan Malaysia.

#### **PENSWASTAAN TERHADAP PEMBINAAN RUMAH KOS RENDAH**

**16. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada pembinaan rumah kos rendah Kerajaan akan diswastakan, selari dengan dasar penswastakan; dan
- (b) apakah syarat-syarat dan garis-garis panduan untuk menswastakan projek-projek tersebut.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Yang Dipertua, untuk menjawab soalan (a) Yang Berhormat itu, secara dasarnya Kerajaan bersetuju bahawa projek

rumah awam kos rendah boleh dilaksanakan mengikut konsep penswastakan.

Mengenai soalan (b) Yang Berhormat itu, setakat ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan belum lagi menentukan syarat-syarat secara garis panduan untuk menswastakan projek-projek kerana Kementerian ini masih lagi mengkaji implikasi penswastakan projek-projek rumah awam kos rendah. Walau bagaimanapun, sebelum Kementerian menentukan syarat-syarat dan garis panduan, Kementerian akan berunding terlebih dahulu dengan Kerajaan Negeri memandangkan bahawa pelaksanaan projek-projek tersebut secara amnya adalah dikenalikan oleh mereka dan tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang berkenaan.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu adakah Kerajaan bercadang kerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan pemaju-pemaju swasta untuk membina rumah-rumah kos rendah yang banyak di tiap-tiap negeri demi mencapai sasaran-sasaran yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang Dipertua, memanglah hasrat Kerajaan untuk membina dengan lebih banyak lagi rumah-rumah kos rendah sama dengan pihak swasta bagi rakyat kita di negara ini.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Jika boleh diizinkan berhubung dengan hasrat Kerajaan hendak menswastakan rumah kos rendah, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat manakah prestasi sektor swasta terhadap pelaksanaan rumah murah

yang diberikan kepada swasta itu sendiri oleh kerana perkara ini ada hubungannya dengan soal yang asal.

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang Dipertua, di bawah Rancangan Malaysia Keempat pihak swasta adalah ditugaskan untuk membekalkan sebanyak 90,000 unit rumah kos rendah. Setakat hari ini laporan yang kami dapat menunjukkan bahawa rumah-rumah kos rendah yang didirikan oleh pihak swasta ini adalah di bawah 15%.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh kerana terdapat pengumuman-pengumuman Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini bahawa sebahagian Kerajaan-kerajaan Negeri telah bersetuju melancarkan projek-projek pembinaan kos rendah ala pengswastaan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan.

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang Dipertua, setakat hari ini Kerajaan Negeri yang telah melaksanakan projek membina rumah kos rendah ini secara ataupun ala pengswastaan adalah Negeri Sembilan, Negeri Melaka dan Kedah misalnya sedang di dalam perbincangan atau perancangan untuk melaksanakan projek ini seperti mana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

**Tuan Yang Dipertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 4, 8, 9, 10 dan 11 adalah diberi di bawah ini).*

## PINJAMAN KERAJAAN KELANTAN ATAS PROJEK PEMBANGUNAN

**2. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan iaitu dalam tempoh setengah penggal Rancangan Malaysia Keempat (RME) Kerajaan Negeri Kelantan yang memperolehi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak kira-kira \$115.64 juta dipinjamkan semula kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) untuk membiayai beberapa projek yang bertujuan memenuhi objektif-objektif tertentu. Nyatakan secara terperinci TIGA sahaja daripada objektif-objektif itu, iaitu:

- (a) Pembangunan Kawasan Perindustrian yang melibatkan peruntukan sebanyak \$18.7 juta;
- (b) Perumahan, yang melibatkan sebanyak \$9.5 juta; dan
- (c) Pelaburan, yang melibatkan wang sebanyak \$19.04 juta.

### **Dato' Sabbaruddin Chik:**

- (a) Pinjaman sebanyak \$18.7 juta yang memenuhi objektif pembangunan kawasan perindustrian adalah untuk membiayai Projek Kawasan Pengkalan Chepa II, yang melibatkan kawasan seluas 408 hektar (996 ekar).
- (b) Pinjaman berjumlah \$9.5 juta di bawah objektif Perumahan ialah untuk tiga projek perumahan yang tertentu, iaitu Perumahan Universiti Sains Malaysia (\$5.5 juta), Perumahan di Kawasan Perindustrian Tanah Merah (\$2.0 juta) dan Perumahan di kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa II (\$2.0 juta).

- (c) Jumlah sebanyak \$19.04 juta di bawah kategori pelaburan adalah melibatkan 8 pinjaman untuk tujuan penyertaan ekuiti dan pinjaman semula oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dalam 5 buah syarikat anaknya.

#### BAJA AMMOPHOS KEPADA PETANI

**4. Tuan Justin Jinggut** minta Menteri Pertanian adakah beliau sedar bahawa baja-baja yang diberikan kepada petani-petani yang menanam padi bukit di Sarawak tidak mencukupi. Dengan adanya konsep Kerajaan untuk menghentikan "shifting cultivation" kebanyakan daripada petani-petani bertanam di satu kawasan sahaja, juga adakah Kementerian tersebut bercadang untuk melaksanakan "terrace farming" seperti di Filipina dan di Indonesia kerana kebanyakan kawasan di Sarawak adalah berbukit-bukit. Jika ada, bila dan jika tidak, mengapa.

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Penjualan baja Ammophos kepada petani-petani padi huma di bawah rancangan bantuan kepada penanam-penanam padi telah dimulakan oleh Jabatan Pertanian Sarawak dalam tahun 1959. Berdasarkan kepada hasil-hasil penyelidikan, penggunaan Ammophos pada kadar 10 lb. dengan 5 gantang benih padi seekar adalah menghasilkan hasil yang lumayan. Jabatan Pertanian Sarawak telah menyediakan Ammophos untuk petani-petani padi huma dengan kadar harga subsidi \$1.00 bagi 10 lb. Penjualan Ammophos ini adalah untuk rawatan biji benih sahaja dan kadar yang diberikan adalah mencukupi untuk menampung keperluan penanam-penanam padi huma di negeri ini. Pada tahun 1983

Jabatan Pertanian Sarawak menyediakan 1,000 tan baja Ammophos dengan harga \$1.0 juta.

Berhubung dengan penanam teres padi huma, kajian hingga hari ini menunjukkan bahawa pembinaan teres bagi keadaan di Sarawak adalah mahal dan kosnya boleh mencapai \$5,000/ekar. Keadaan tanah dan daerah di Sarawak didapati tidak sesuai untuk penanaman padi secara "terrace farming" seperti yang dilakukan di Filipina dan di Indonesia oleh kerana kebanyakan lereng-lereng bukit di Sarawak adalah pendek dan curam dengan tanahnya tidak berupaya menampung air untuk keperluan tanaman. Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menggalakkan penanaman padi huma cara teres. Walau bagaimanapun kajian-kajian mengenai perkara ini adalah diteruskan.

#### PENGGALAN TENTERA LAUT DI RAJA MALAYSIA— ANGGARAN

**8. Tuan Ban Hon Keong** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa banyakkah wang telah dianggarkan untuk projek Pengkalan Tentera Laut di Raja Malaysia (TLDM) di Lumut itu, dan berapa banyak telah dibelanjakan sehingga selesai pembinaan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Peruntukan yang telah dianggarkan bagi projek Pengkalan Tentera Laut di Raja Malaysia (TLDM) di Lumut adalah sebanyak \$1,500 juta. Pembelanjaan ini meliputi pembinaan kemudahan asas, bangunan dan alat kelengkapan.

Projek ini telah dimulakan dalam tahun 1973 dan sehingga bulan September 1983 perbelanjaan sebenar

projek ini adalah sebanyak \$936.6 juta dan projek ini masih dalam pelaksanaan.

### **TANAH TERBIAR—RANCANGAN**

**9. Datin Paduka Hajjah Zaleha Ismail** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, menyatakan apakah rancangan-rancangan Kerajaan bagi memajukan lebih kurang 800,000 hektar tanah terbiar di negara ini.

**Tuan Zainal Abidin bin Zin:** Sebagaimana yang pernah saya jelaskan semasa menjawab soalan-soalan Yang Berhormat Tuan Mokhtaram bin Rabidin pada 10hb November, 1983 dan pada 11hb November 1983 ada dua buah agensi di bawah Kementerian saya yang melibatkan diri dalam program memajukan tanah-tanah terbiar ini selain daripada agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian. Oleh kerana soalan Yang Berhormat adalah lebih kurang sama dengan kedua-dua soalan yang telah saya jawab itu saya rasa tidaklah perlu lagi saya menjelaskan dengan panjang lebar berkenaan dengan perkara ini.

### **PENDATANG HARAM—KEJADIAN JENAYAH**

**10. Tuan Newman Gaban** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa oleh kerana orang-orang pelarian yang berada di Sabah sekarang ini mengakibatkan kejadian jenayah-jenayah seperti membunuh dan merompak semakin hari meningkat dan jika ya, apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Saya telah pun menjawab soalan yang lebih kurang serupa maksudnya dengan soalan ini ketika menjawab

pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan dan Sibu pada 7hb dan 17hb November, 1983. Oleh yang demikian saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan saya itu.

### **TELEFON DI BAHAGIAN KELIMA—KEMUDAHAN**

**11. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan selain daripada kemudahan "radio call" yang terdapat di kampung jauh dari luar bandar di Bahagian Kelima, Sarawak, adakah Kerajaan bercadang membekalkan kemudahan telefon ke tempat-tempat tersebut di Bahagian Kelima, Sarawak dan jika tidak, mengapa.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Kementerian saya sentiasa berusaha untuk memperbaiki kemudahan telefon bagi penduduk di pedalaman di Bahagian Kelima Sarawak. Walau bagaimanapun hasrat kerajaan ini tidaklah dapat ditunaikan kepada semua rakyat dengan sekali gus memandangkan kepada masalah geografi kawasan dan juga kemampuan kewangan yang sentiasa terhad. Oleh itu, perancangan dan pelaksanaannya terpaksa dibuat berperingkat-peringkat.

Dengan demikian, kemudahan "radio call" yang digunakan di 22 buah stesyen di Bahagian Kelima Sarawak, dan di mana boleh akan dicuba untuk digantikan dengan perkhidmatan telefon cara biasa. Untuk tujuan ini tinjauan kemungkinan akan dibuat untuk mengadakan perkhidmatan telefon secara biasa di Merapok, Trusan dan Nanga Medamit, di Bahagian Kelima Sarawak.

Banyak tempat di kawasan pendalaman Bahagian Kelima Sarawak terpaksa dihubungi melalui kemudahan "radio call" kerana:

- (a) Keadaannya yang jauh, menyulitkan untuk mengadakan litar-litar hubungan di antara tempat tersebut dengan ibusawat-ibusawat telefon yang sedia ada.
- (b) Keadaan geografi kawasan tersebut yang berbukit bukau, adalah menghalang pancaran gelombang radio yang sempurna.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan Kementerian Kebajikan Masyarakat telah diluluskan dalam Jawatankuasa seluruh Dewan.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan Kementerian Kebajikan Masyarakat telah diluluskan dalam Jawatankuasa seluruh Dewan.

## PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA

### PENDERMAAN DARAH

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak memberi tahu sedikit iaitu Unit Pendermaan Darah sekarang dalam operasi di ruang lobi Parlimen. Jika ada siapa-siapa jua pun yang hendak menderma, haraplah berbuat demikian. Terima kasih.

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984

#### DAN

#### USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1984

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 dan Anggaran Pembangunan, 1984 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari Keempat belas).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

*Maksud B. 59, B. 60 dan B. 61 (Jadual)—*

*Maksud P. 59, P. 60 dan P. 61 (Anggaran Pembangunan, 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 59, B. 60, B. 61 dan Kepala Pembangunan P. 59, P. 60 dan P. 61 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahaskan.

3.35 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):**  
Tuan Pengerusi, saya sebut P. 59, muka surat 600, Butiran 5—Projek—Terengganu Haidro di mana ada peruntukan sejumlah \$734 juta dan untuk tahun ini \$58 juta.

Tuan Pengerusi, dalam kempen Kerajaan Memandang ke Timur, Syarikat-syarikat Jepun dan Korea Selatan adalah ambil alih dengan secara besar-besaran projek-projek pembangunan pembinaan di negara kita dan menafikan kontraktor-kontraktor dan pekerja-pekerja tempatan peluang-peluang mereka. Kerajaan adalah mempertahankan perkara ini atas sebab bahawa boleh dapat kemahiran-kemahiran untuk pekerja-pekerja tempatan dan juga pemindahan teknologi. Tetapi ada pengalaman yang sebenarnya menunjukkan bahawa sangat sedikit sahaja kemahiran dibahagikan kepada pekerja-pekerja tempatan dan pun sangat kurang pemindahan teknologi.

Dalam perkara ini baru-baru ini satu kumpulan wakil-wakil pekerja-pekerja dalam Projek Haidro Kenyir Terengganu, apa yang kita bincangkan di sini yang membelanjakan \$734 juta ada datang berjumpa saya untuk harapan bahawa saya boleh bawa kepada Dewan yang mulia ini tuduhan-tuduhan mereka, komplek-komplek mereka terhadap Hyundai Construction Co. Ltd. yang sudah dapat kontrak untuk membina Kenyir Dam ini dan supaya pun boleh menjadi satu pengajaran kepada masyarakat dan negara kita. Mereka yang datang untuk berjumpa saya ialah Mat Jusoh bin Mat, Setiausaha; Azihar bin Cik, Pemangku Pengerusi, Musa bin Mat Zain, Bendahari, Yusof bin Taib, Ahli Jawatankuasa Kesatuan Pekerja-pekerja Pembinaan Cawangan Ulu Terengganu, dan Hyundai Construction Co. Ltd., sudah pecahkan usaha mereka untuk

unionise pekerja-pekerja tempatan dan untuk mendapat recognition. Inilah komplek mereka.

Pertama, bilangan pekerja-pekerja tidak mahir daripada Korea terlalu ramai. Pada 4hb Disember, 1982 terdapat 760 orang daripada pekerja daripada Korea dan kira-kira 990 pekerja tempatan. Pada 1hb Februari, 1983 pekerja-pekerja Korea meningkat kepada 870 orang. Kedatangan pekerja-pekerja Korea yang begitu ramai adalah bercanggah dengan dasar Kerajaan untuk memberi peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan amnya pada rakyat Malaysia yang ingin mendapat nikmat dari arus pembangunan di negara kita. Pekerja-pekerja Korea terdiri dari pekerja-pekerja biasa seperti pemandu jentera, tukang kayu dan lain-lain dan ada pun masih dalam status apprentice sahaja. Kerja-kerja ini memangnya mampu dilakukan oleh pekerja-pekerja tempatan. Pekerja-pekerja tempatan tidak diberi kesempatan untuk mendapatkan teknologi daripada kemahiran pekerja-pekerja Korea tetapi sebaliknya pekerja-pekerja Korea datang ke sini untuk belajar dengan pekerja-pekerja daripada sini dan ini adalah lagi bercanggah dengan dasar Kerajaan.

Kedua, pembuangan pekerja-pekerja. Pembuangan pekerja dibuat sewenang-wenangnya tanpa diberi sebarang notis terlebih dahulu. Misalnya seorang yang bernama Abdullah bin Ismail telah dibuang kerja tanpa notis dengan alasan bahawa pekerja ini telah tua sedangkan umurnya 44 tahun dan telah bekerja dengan projek haidro 2 tahun yang lepas.

Dua orang lain lagi yang dibuang dengan alasan bahawa pekerja ini cacat anggota sedangkan semasa diambil bekerja dua tahun yang lepas

mereka sudah memang begitu. Dua orang itu ialah Abdullah bin Mohamad dan Tahir bin Yunus.

Nombor tiga, perbezaan gaji. Gaji yang diterima oleh pekerja tempatan jauh lebih rendah daripada yang diterima daripada pekerja Korea walaupun jenis pekerjaan yang dibuat adalah sama. Alasan yang diberi ialah pekerja-pekerja kita tidak mahir, misalnya pekerja-pekerja tempatan cuma mendapat di antara \$20 hingga \$30 bagi kerja membawa kenderaan berat. Tetapi diketahui bahawa pekerja-pekerja Korea mendapat \$50 hingga \$60 bagi kerja ini. Pekerja tempatan dibayar antara \$10 hingga \$15 sehari terutama buruh am dan buruh separuh mahir. Memandangkan tempat kerja yang jauhnya di pedalaman iaitu 45 kilometer dari Kuala Terengganu dan tinggal di kongsi-kongsi kerja yang berbeza dengan berek-berek pekerja-pekerja Korea serta dengan kerja yang merbahaya amatlah tidak wajar dibayar dengan gaji yang begitu rendah.

Perbezaannya pula dengan gaji pekerja-pekerja Korea melalui risik pekerja-pekerja tempatan tiada seorang pun pekerja Korea dibayar gaji kurang daripada \$1,000 sebulan, tidak termasuk elaun lain sedangkan mereka ini membuat kerja yang sama.

Bahaya kerja di Projek Hydro Kenyir boleh dibayangkan daripada kenyataan bahawa lebih kurang 20 orang pekerja ada mati, dari lebih daripada 100 peristiwa kemalangan.

Keempat, arahan kerja bertindih. Seorang pekerja tempatan menerima arahan yang tidak selari daripada dua tiga orang Ketua Kerja Korea. Kadangkala arahan yang diterima adalah bertindih di antara satu sama lain. Ini mengelirukan pekerja tempatan menyebabkan prestasinya menurun. Setengah-setengah peraturan cuma dikenakan kepada pekerja tempatan dan tidak kepada

pekerja Korea. Misalnya bagi pemandu-pemandu jentera berat tempatan diarahkan supaya mengikuti peraturan memandu dengan tepat dan jika mereka engkar, tindakan diambil ke atas mereka. Tetapi pekerja-pekerja Korea bebas untuk tidak mengikuti peraturan ini.

Kelima, kemudahan bekerja. Kemudahan yang diberi adalah berbeza. Misalnya ada pekerja-pekerja Korea makan minum mereka adalah ditanggung oleh pihak majikan tetapi tidak diberi kepada pekerja-pekerja tempatan. Alat penyelamat tidak dibekalkan kepada pekerja simen dan ini membahayakan keselamatan mereka.

Keenam, semasa orang Korea tidak menghormati adat susila orang Malaysia khasnya orang Melayu oleh kerana kebanyakan pekerja-pekerja di sana ialah daripada kaum orang Melayu. Dalam pergaulan antara pekerja-pekerja tempatan dan pekerja-pekerja Korea, pekerja-pekerja Korea banyak menyentuh soal-soal sensitif yang menyakit hati pekerja-pekerja tempatan. Mereka langsung tidak menghormati adat susila orang Malaysia. Pekerja tempatan selalunya dimarahi dengan kata-kata yang kasar dan biadap walaupun atas kesalahan-kesalahan yang kecil.

Pekerja-pekerja Korea tidak pernah memikirkan akan masalah perhubungan atau, dengan izin, communication problem, puncanya kesilapan menerima arahan-arahan kerja mereka sewenang-wenangnya memaki hamun seolah-olah kesalahan itu sengaja dilakukan oleh pekerja-pekerja tempatan.

Kata-kata sensitif ditujukan kepada pekerja-pekerja tempatan. Seperti Malaysia tidak bagus, dengan izin, "all Malaysians are bananas". Atau maki hamun dalam bahasa Korea, "sikaii"

maknanya anak anjing, atau “sibalama” kata lucu. Dan banyak lagi yang pekerja-pekerja tempatan tidak faham.

Mereka berlagak lebih dari penjajah sedangkan mereka ini datang sebagai pekerja bukan tuan. Bukan sekadar maki hamunnya sahaja, malahan tingkah laku yang kasar juga. Mereka membaling batu apabila memanggil pekerja tempatan, memukul kepada pekerja tempatan dengan topi atau helmet jika membuat sedikit kesilapan. Pernah pada satu ketika seorang pekerja tempatan yang bekerja dengan Syarikat Perunding Snowy Mountain Engineering dibelasah oleh sekumpulan pekerja-pekerja Korea yang menimbulkan kemarahan pekerja-pekerja tempatan.

Semua masalah ini daripada “Memandang ke Timur”, adalah disampaikan kepada pihak yang berkuasa, termasuk Yang Berhormat dari Ulu Terengganu di mana projek hydro ini ada ditempatkan dan juga kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang ada dalam Dewan ini. Tetapi nampaknya tidak ada apa-apa berkesan. Sekumpulan wakil mereka pun ada berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan beliau ada berjanji bahawa beliau akan pergi ke Kenyir untuk mengesan dengan sendiri apa yang sebenarnya dan mereka sangat suka hati balik memberitahu kepada semua pekerja bahawa Yang Berhormat Menteri akan datang. Dan mereka ternanti-nanti akan kedatangan Yang Berhormat Menteri untuk siasat penyelewengan, penindasan dan kehadiran buruh-buruh asing. Tetapi Yang Berhormat Menteri tidak pergi, sungguhpun beliau pergi untuk merasmikan persidangan perwakilan UMNO Ulu Terengganu di Kuala Brang 14 Kilometer sahaja dari Kenyir dan semua menunggu oleh kerana sudah sampai 14 kilometer sahaja tentu datang ke Kenyir. Dan semua

menunggu satu hari yang penuh tetapi tidak tengok Yang Berhormat Menteri.

Apabila Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos ada pergi ke kawasan itu pada bulan Jun 1981, pihak Syarikat Hyundai dengan sengaja mahu memberi satu gambaran yang tidak sebenar, menyuruh pekerja-pekerja tempatan balik ke berek untuk memberi satu pandangan bahawa pekerja-pekerja tempatan sangat malas, jentera-jentera tidak digunakan dan perlulah lebih banyak pekerja-pekerja Korea untuk menghabiskan projek hydro itu.

Pekerja-pekerja sangat tidak puas hati khasnya dengan Ahli Parlimen mereka—nampaknya beliau tidak ada di sini oleh kerana sungguhpun berkali-kali mereka mengengahkan masalah mereka kepada Yang Berhormat dari Ulu Terengganu, Ahli Parlimen mereka, tetapi beliau berlagak sebagai bukan MP untuk Ulu Terengganu, beliau berlagak nampaknya sebagai MP untuk Hyundai. Ahli Parlimen untuk Hyundai dan selalu bercakap bagi pihak Hyundai. Satu kes yang baik ialah mengenai apa yang saya ada sebutkan tadi mengenai seorang tempatan dibelasah oleh sekumpulan orang Korea oleh kerana beliau tidak mahu meluluskan kerja-kerja mereka tidak sampai mutu dan dia dipukul. Kenapa pekerja-pekerja Korea yang salah di bawah Penal Code tidak dihukum, tidak dibawa ke mahkamah? Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu datang untuk menyelesaikan perkara itu. Perkara ini patut menjadi satu “lesson” kepada pekerja-pekerja orang asing, tidak boleh datang ke sini mahu buat apa pun boleh buat. Dan kenapa pihak berkuasa baharu bertindak apabila pekerja di sana marah dan memukul orang-orang Korea. Baharulah pihak berkuasa bertindak.

Tuan Pengerusi, pekerja-pekerja di sana pun sangat tidak puas hati dengan seorang dalam Hyundai yang menjaga personnel, menjaga labour masalah pekerja, dan saya dapati beliau ialah seorang saudara mara dekat Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu, yang sepatutnya mahu beri orang-orang Korea tahu adat resam orang Melayu, adat resam orang Malaysia dan bukan lebih dahsyatnya lebih Korean daripada Hyundai, lebih Korean daripada Hyundai.

Ada satu contoh di mana seorang wakil pekerja-pekerja yang sudah bekerja 3 tahun sebagai pemandu Dump Truck 35 tan dan dalam bulan Julai tahun ini, dia beritahu kepada seorang Korean bahawa dia mahu pergi menunaikan Haji dan orang Korea itu kata baik, boleh, boleh ambil masa dua-tiga bulan. Apabila beliau sampai masa untuk pergi Haji, dia pergi cari Pegawai itu, nama dia ialah Wan Mohd. Noor untuk mendapat cuti. Wan Mohd. Noor kata lebih baik "retrench", bukan cuti. Ini sikap lebih Korean daripada Korean. Korean pun cakap boleh cuti dua-tiga bulan, orang Malaysia sendiri suruh berhenti. Kenapa diupah oleh Hyundai jadi lebih Hyundai daripada Hyundai?

Tuan Pengerusi, saya berharap bahawa kes Hyundai di Kenyir, Terengganu membolehkan Kerajaan kaji semula dasar memandang ke Timur oleh kerana kita tidaklah patut membenarkan orang-orang Korea atau Jepun datang untuk menindas pekerja-pekerja Malaysia. Untuk mengatasi masalah pengganguran mereka semua datang ke sini bekerja dan menafikan pekerja-pekerja tempatan untuk bekerja dan tanpa menghiraukan hak dan adat resam rakyat di sini.

Saya berharap bahawa Kerajaan patutlah "reprimand" Hyundai oleh

kerana tak menghiraukan hak-hak, sensitiviti pekerja-pekerja Malaysia oleh kerana sudah gagal untuk impart kemahiran kepada pekerja-pekerja tempatan, oleh kerana sudah gagal untuk memindahkan teknologi. Langsung tidak ada program untuk training. Selepas wakil-wakil pekerja berjumpa Yang Berhormat Menteri itu, mungkinlah Yang Berhormat Menteri ada bertanya pihak Hyundai, apa ini komplek tak ada training pekerja-pekerja? Oleh kerana itu selepas itu di "Kenyir Work Site" ada poster-poster cakap mengenai ada training program akan datang tetapi itu di masa akan datang sahaja—belum sampai.

Lagi satu perkara saya mahu tanya di sini, kos asal Haidro Kenyir itu ialah \$250 juta. Sekarang kalau kita tengok dalam Budget, sebelum tengok itu saya dapati sudah naik (esclate) \$684 juta, saya mendengar lagi naik sudah sampai \$720 juta, saya tengok Budget lebih \$734 juta, tiga kali ganda naik. Kenapa? Bolehkah Yang Berhormat Perdana Menteri berdiri di sini untuk memberi satu keterangan ataupun tidak ada maklumat-maklumat, tidak boleh jawab?

Dalam bulan Ogos, 1982, 4 orang pekerja tempatan yang juga digaji oleh Hyundai untuk membina projek Jambatan Penang ada melancarkan satu mogok kilat oleh kerana layanan buruk juga terhadap pekerja tempatan. Dan saya haraplah bahawa Kerajaan patut monitor semua projek-projek Hyundai, semua semua firma-firma/syarikat-syarikat Korea-Jepun untuk memperindungi kepentingan-kepentingan, hak-hak sensitiviti-sensitiviti pekerja-pekerja Malaysia dan juga kepentingan negara.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

3.54 ptg.

**Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda):** Tuan Pengerusi, menyentuh B. 59 Butiran 1100, Program (1) Pentadbiran Am, muka surat 597.

Walaupun telah banyak diperkatakan mengenai kesulitan masalah mengenai telefon terutamanya mengenai kurang memuasnya pendengaran bagi kawasan-kawasan yang tertentu, terutamanya bagi pekan-pekan kecil yang boleh ditakrifkan sebagai pekan-pekan di luar bandar, memang telah banyak dan memang telah lama, tetapi perkara itu masih lagi berlaku sehingga hari ini, masih terdapat kawasan-kawasan yang kemudahan telefonnya masih lagi pada peringkat yang lama, masih terdapat alat-alat yang lama yang digunakan untuk perhubungan telefon ini.

Bagi negeri Kedah misalnya terdapat di kawasan Sik, kawasan Pokok Sena yang masih lagi menggunakan alat yang lama di mana adalah sukar untuk menghubungi kawasan-kawasan itu terutamanya pada musim hujan. Dengan itu, saya meminta Kementerian ini supaya dapat memperbaiki hubungan telefon ini kerana ianya makin sehari semakin menjadi satu perkara yang mustahak kepada segolongan masyarakat yang berkehendakkan kemudahan telefon itu terutamanya kepada ahli-ahli perniagaan, orang-orang yang ingin untuk mendapat kemudahan di dalam perniagaan kerana mustahak bagi mereka untuk berhubung bagi memajukan perniagaan mereka. Sekali lagi saya dalam hal ini meminta kepada Kerajaan supaya menyegerakan bagi memperbaiki dan menukar alat-alat yang lama kepada alat-alat yang baru supaya kemudahan telefon itu dapat digunakan dengan memuaskan.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh  
*mempengerusikan Mesyuarat*).

Perkara yang kedua dalam soal ini yang telah lama juga diperkatakan dan telah banyak sungutan-sungutan di dalam akhbar-akhbar tempatan iaitu mengenai tunggakan bil telefon ini. Memang telah banyak dan saya dapati sehingga sekarang ini pun tunggakan di dalam Bil telefon itu masih lagi tertera walaupun telah banyak sungutan dan rungutan yang diutarakan.

Saya tidak faham mengapa perkara ini boleh berlaku pada hal bayaran telah dibuat dengan segera. Pernah saya sendiri telah membuat bayaran sehari selepas menerima bil telefon tetapi bil yang hadapan yang diterima masih lagi tertera, terdapat tunggakan yang telah pun saya bayar itu.

Saya tidak tahu bagaimanakah cara-cara pencaruman dibuat oleh pihak Telekom, mungkin boleh jadi saya membayar di Alor Star dan wang yang saya bayar itu dihantar ke Kuala Lumpur untuk dimasukkan dahulu dalam ledger pembayaran. Soalnya sekarang ini tempat penerimaan bayaran, itu sawat tempat yang menerimanya adalah di Kuala Lumpur tetapi Jabatan yang mengeluarkan "reminder" untuk pemotongan telefon adalah di Alor Star. Walaupun kita telah bayar, kemudian peringatan untuk memotong telefon dikeluarkan oleh Bahagian Trafik di Alor Star untuk memotong telefon yang kita gunakan pada hal kita telah menjelaskan tiga minggu sebelumnya. Ini suatu perkara yang perlu diperbaiki.

Saya tidak tahulah, tidak dapat untuk memikirkan bagaimanakah sistem yang digunakan oleh Telekom ini di dalam usaha untuk mengadakan, mengelokkan, memperbaiki sistem pembayaran ini. Kalau sekiranya boleh diikuti melalui cara pembayaran LLN misalnya, mudah dan tidak banyak tunggakan yang diberi, tidak banyak tunggakan yang ditunjukkan kepada bil-bil yang telah pun kita

terima. Saya minta pihak Kementerian supaya memperbaiki soal ini supaya ia tidak menimbulkan keraguan kepada pengguna-pengguna telefon.

*P. 59, Butiran 11 Rancangan Mini Haidro.*

Di dalam Rancangan Mini Haidro ini walaupun peruntukannya telah ditiadakan, hanya token sebanyak \$10 tetapi setelah meneliti program, pembangunan infrastruktur ini terutamanya bekalan letrik luar bandar yang telah pun saya sebutkan dahulu bahawa ada peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, adalah untuk membiayai program-program projek bagi tahun 1983 sahaja yang akan dilaksanakan pada tahun 1984. Ini pula program bagi mini haidro ini telah pun dipotong peruntukannya. Dan sememangnya projek mini haidro ini adalah bagus, baik untuk kawasan-kawasan pendalaman yang mempunyai punca air untuk menghidupkan haidro ini.

Perkara ini boleh dilakukan dan saya dapati tidaklah begitu mahal kos pembinaan bagi mini haidro ini. Di dalam kawasan saya memang telah pun terdapat satu mini haidro di kawasan Sik yang telah pun berjaya diadakan. Dan saya merayu kepada Kementerian ini supaya dapat memberikan kembali kewangan, peruntukan bagi mini haidro ini.

Perkara yang ketiga dan yang terakhir bagi saya dalam B. 61, Jabatan Perkhidmatan Pos, Butiran 1100, Program (3) Pentadbiran Am dan Perkhidmatan, muka 605.

Di dalam Perkhidmatan Pos ini saya inginlah mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang telah pun setakat ini berjaya memuaskan hati masyarakat sekurang-kurangnya buat masa ini dalam usaha untuk menyampaikan surat-surat yang dihantarkan melalui Pejabat Pos.

Tetapi terdapat beberapa kelemahan, kekurangan, maksud saya di dalam Jabatan Pos ini perlu diperbaiki. Misalnya kekurangan posman bagi satu-satu kawasan. Saya contohkan bagi satu pekan kecil di tempat saya di pekan Pendang yang mempunyai 70,000 orang penduduk, 200 buah kampung, posmennya hanyalah 10 orang. Hitung panjang satu orang posman mengawal atau menjaga 20 buah kampung dalam satu hari. Ini satu perkara yang rumit bagi seorang posman yang juga mempunyai tenaga manusia untuk menguasai satu kawasan yang luas baginya. Jadi saya meminta supaya pihak Kementerian dapat menambahkan posmen-posmen supaya mereka dapat memberi tugas dan menjalankan tugas dengan baik dan sempurna bagi kampung-kampung. Kampung pendalaman sudah pastilah sukar untuk mereka sampai.

Misalnya, kampung saya sendiri hanya satu minggu dua kali sahaja dimasuki oleh ataupun dilawati oleh posman dengan surat-surat yang dikirimkan. Jika sekiranya pertambahan boleh diberi kepada Jabatan Pos ini untuk menambah kakitangan itu maka beban bagi sesuatu posman itu adalah kurang dan kawasan yang dikuasai ataupun kawasan bagi satu posman itu boleh dkecilkan dan dengan ini perkhidmatan yang boleh diberikan adalah lebih memuaskan.

Persambungan dengan ini adalah berkaitan juga dengan Butiran dalam P. 61 ini tentang Kenderaan-kenderaan dan Kelengkapan-kelengkapan.

Bagi kawasan-kawasan pendalaman yang saya maksud tadi kenderaan-kenderaan, motorsikal-motorsikal perlulah diadakan, perlulah diperbanyakkan. Motorsikal yang telah lama perlulah digantikan supaya mereka ini dapat memberi perkhidmatan yang baik kerana

kawasan pendalaman kalau sekiranya hendak menggunakan basikal sahaja maka perkara ini bagi saya mustahil bagi seorang posman itu untuk menjelajah ke kampung-kampung yang jauh hubungannya misalnya, mendaki bukit bagi kawasan saya atau mungkin melalui beberapa lorong di dalam satu kawasan untuk sampai ke tempat-tempat yang dituju. Jadi saya meminta supaya Butiran 3 ini—Kenderaan-kenderaan dan kelengkapan-kelengkapan yang hanya token ward \$10.00 diadakan supaya Kerajaan dapat menambahkan kenderaan-kenderaan bagi khidmat-khidmat posman-posman di kawasan luar bandar.

Dengan itu saya menyokong peruntukan bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

4.05 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Pengerusi, saya mahu merujuk muka 600, P. 59, Butiran 12 dan 14—“Gas Turbine” di Stesyen Jambatan Connought dan Solar Elektrifikasi.

Tuan Pengerusi, sungguh pun Kerajaan hendak bekal electricity atau tenaga electricity untuk tiap-tiap keluarga di negara kita, tetapi kalau kos atau bayaran electricity sangat mahal, ini tidak berapa elok oleh sebab orang-orang yang duduk di luar bandar atau kampung-kampung baru atau di kawasan setinggian atau lain-lain tempat ialah orang miskin dan pendapatan mereka sangat rendah. Oleh sebab itu, sungguhpun bekalan elektrik kita ialah daripada satu source ke satu source major ialah diesel, minyak diesel pun ada sedikit daripada hydro-electricity tetapi oleh sebab minyak sekarang mahal oleh sebab itu bayaran elektrik sangat mahal juga untuk rakyat jelata. Sebab itu kita mesti mahu cari lain sumber-sumber

untuk ada tenaga electricity. Misalnya, di sini ada satu “Gas Turbine” di Stesen Jambatan Connought. Kita hendak tahu sungguhpun ada \$13 juta untuk bina ini tetapi sampai sekarang tidak ada dilaksanakan. Ada satu token sahaja \$10.00 dalam tahun ini dan kita mahu tahu daripada Kementerian sampai sekarang apa stage sudah sampai untuk membina “Gas Turbine”.

Kita pun ada dapat penerangan Kerajaan ada menjual LPG, dengan izin, Liquefied Petroleum Gas untuk lain negara macam Jepun tetapi dalam negara kita, kita belum ada LPG untuk mengeluarkan tenaga elektrik untuk kita rakyat.

Di sini saya ingin Kerajaan memberitahu atau pandangan kalau Gas Turbine dibina dan akan datang adakah murah kalau dibandingkan dengan tenaga dari punya sumber, misalnya, minyak gas, minyak diesel atau hydro-elektrik.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan solar elektrifikasi itu satu source yang kalau boleh dicapai kita boleh beri perkhidmatan yang murah kepada penduduk-penduduk di Malaysia. Kuasa solar banyak di dalam negara kita, oleh sebab negara kita ada di dalam equatorial belt. Dan saya harap Kerajaan ada minat untuk menyelidik hal ini sungguh pun ada \$1 juta untuk solar electrification tetapi sampai sekarang kita tidak nampak apa kesan berkenaan kuasa daripada solar electrification. Barangkali Kerajaan atau Kementerian tidak minat untuk ada solar electrification oleh sebab ini teknologi sangat sulit atau rumit dan lain negara juga macam Jepun, France dan Amerika Syarikat pun tidak sampai satu keadaan di mana solar electrification ada disampai di rumah tiap-tiap keluarga. Tetapi oleh sebab tiap-tiap hari ada tenaga solar, kita ada sun di sini, saya harap Kementerian kena ambil inisiatif untuk ada satu jabatan penyelidikan

atau research department, menyelidik atau Research berkenaan solar electrification.

Saya rasa dalam negara kita banyak orang yang jujur yang ada otak (brains) dan inisiatif.

Misalnya, pada masa dahulu IMR atau Institute of Medical Research dan Rubber Research Institute pun ada beri banyak sumbangan kepada negara. Dia gunakan bukan orang asing tetapi orang kita sendiri. Dia ada keluar banyak sumbangan atau faedah kepada negara kita. Dan baru-baru ini beberapa bulan dahulu Universiti Malaya sendiri ada pakar-pakar, scientist yang beri faedah berkenaan kegunaan minyak kelapa sawit boleh jadi diesel oil.

Saya juga ingat ada penduduk-penduduk kita di sini yang pakar dalam bidang sains, bolehlah menyasat atau menyelidik di mana kita boleh pakai solar energy. Oleh sebab, kalau kita ada solar energy, saya ingat ini adalah satu sumber tenaga yang rendah harganya. Kalau Kementerian ada mempunyai minat menyelidiki solar energy, bolehlah Kerajaan memberi scholarship kepada penuntut-penuntut kita pergi ke negara-negara lain bagi menyasat dan study, misalnya di negeri Perancis, Amerika Syarikat dan Jepun dan apabila mereka balik sesudah menjadi graduan, mereka bolehlah bekerja di Jabatan Tenaga Solar ini, mereka mempunyai nucleus atau core untuk dijadikan research.

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sedikit di bawah muka surat 603, P. 60 dan juga muka surat 605, B. 41, Butiran 1100, Program (1).

Saya hendak menyebutkan Jabatan Telekom dan Jabatan Pos sekali oleh sebab dua jabatan ini ada banyak berkaitan.

Tuan Pengerusi, kita nampak di sini di bawah P. 60 ada peruntukan \$650

juta untuk pembangunan bagi Jabatan Telekom, tetapi saya tidak nampak ada detail atau Maksud yang menjelaskan di manakah wang ini boleh dibelanjakan, wang ini adalah sangat besar sekali iaitu \$650 juta. Saya harap Kementerian yang berkenaan atau Menteri yang berkenaan boleh memberitahu mengenai perkara ini dan kita hendak tahu di manakah ianya dibelanjakan untuk mana-mana projek, oleh sebab wang sekarang ini sangat susah hendak mendapatkannya dan juga Perkhidmatan Telekom tidak berapa baik, kerana kita nampak ada banyak aduan atau tuduhan daripada rakyat jelata mengatakan tidak ada cukup telefon. Apabila mereka memohon telefon, terpaksa menunggu satu dua tahun barangkali baru dapat sebuah telefon. Dan sesudah dapat telefon pula ia mengatakan selalunya susah hendak dengar, sungguhpun panggilan itu bukannya jauh hanya seperti Kuala Lumpur atau Melaka. Ini disebabkan banyaknya cross wiring. Dan juga selalunya ada break down, telefonnya selalu rosak. Ini menunjukkan Perkhidmatan Telefon tidak berapa sesuai. Mereka mengadu yang bayaran panggilan jauh sudah naik terlalu tinggi kalau dibandingkan dengan bayaran dahulu. Diharap Kerajaan dapat menimbangkan perkara ini. Sebab, kalau sudah ada satu sistem moden, sepatutnya bayaran itu tidaklah payah meningkat sangat tinggi. Ada juga orang mengadu bahawa panggilan daripada luar negeri seperti London atau Australia, apabila kita bercakap ianya sangat terang (clear) tetapi panggilan daripada negeri kita keluar negeri sangat tidak baik, itulah yang selalu ditanyakan. Barangkali sistem telefon kita tidak moden, sudah out dated. Saya harap Kementerian yang berkenaan dapat memberi penerangan atau penjelasan.

Tuan Pengerusi, sekarang kita telah masuk satu zaman penerangan—information age. Saya harap

Kementerian ini akan menimbangkan lagi peranan telekom dan pos untuk masuk satu zaman baharu iaitu zaman information. Kalau tidak, kita ada lagi satu sistem yakni antiquated yang lama. Ini tidak boleh masuk zaman information dan ini boleh merosakkan kemajuan ekonomi kita. Oleh sebab dalam lapangan ekonomi kita mesti ada satu sistem telekom dan pos yang modern, boleh bercakap dalam zaman baharu atau zaman information age. Sungguhpun kita ada mempunyai telefon tetapi sistem telefon kita tidak berapa sesuai dan tidak elok.

Di negara-negara lain sekarang ini sudah ada electronic mail, ada visual telephone, video news dan juga untuk peniaga-peniaga atau corporation-corporation dan juga ada sistem video business penerangan. Sungguhpun sistem ini dijalankan dalam negara lain tetapi kalau negara kita hendak masuk zaman information, kita mesti timbangkan mengenai peranan telekom dan pos. Kita tidak mahu lagi berjalan seperti kereta lembu dibandingkan dengan motokar atau mahu masuk dalam zaman penerangan.

Saya harap Menteri yang berkenaan boleh memberi satu penjelasan berkenaan dengan perkara ini dan menyusun satu sistem lagi iaitu sistem baharu untuk memberi faedah kepada rakyat kita dan boleh memajukan ekonomi kita.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Batu Pahat.

4.15 ptg.

**Tuan Daud bin Dato Haji Taha (Batu Pahat):** Bismillah-irrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh B. 59, Butiran 2—Projek-projek Membekal dan lain-lain, muka surat 599.

Tuan Pengerusi, di dalam rancangan Kementerian ini untuk memberi kepuasan nikmat lampu letrik kepada rakyat Malaysia, yang mana kita sebagai rakyat sepatutnya mengucapkan berbilang terima kasih, kerana apa yang telah dicapai oleh Kementerian ini adalah lebih daripada yang kita harapkan. Saya sangat tidak bersetuju dengan saranan daripada Ahli Yang Berhormat dari Seremban yang mengatakan seolah-olah negara kita ini bukan bertambah maju bahkan telah bertambah mundur.

Saya ingat beliau ini mungkin datang daripada kawasan yang mundur tetapi saya tidak percaya Seremban telah tertinggal dalam pembangunan. Kerana apabila kita bercakap di sini hendaklah kita menggunakan asas-asas yang betul bukan sahaja, dengan izin, membabi buta menuduh Kerajaan dengan isu-isu yang tidak tepat dan tidak benar.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada P. 59 Butiran (2) saya suka menyentuh mengenai kuasa tenaga elektrik di kawasan-kawasan luar bandar khususnya di kawasan saya di Batu Pahat di kawasan Rengit dan kawasan Senggarang yang mana saya telah pun membangkitkan perkara ini kepada pegawai-pegawai di sana tetapi saya telah difahamkan perkara ini masih lagi sedang diselenggarakan tetapi oleh sebab kerana perkara ini telah berjalan agak lama juga jadi saya harap pihak Kementerian dapat melakukan sesuatu untuk kebaikan mereka yang menggunakan kuasa elektrik dan seterusnya mengharapkan supaya mereka dapat menikmati rancangan TV yang mana boleh memberi faedah, penerangan kepada mereka khususnya dalam masa negara kita ini sedang begitu giat membangun.

Selain daripada itu, ada juga di dalam penyelenggaraan pemberian api letrik luar bandar yang mana termasuk di dalam Kementerian Pembangunan

Negara dan Luar Bandar, bekalan-bekalan yang tertinggal telah dipindahkan kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk mengambil alihnya. Maka oleh yang demikian, saya minta kepada Kementerian ini supaya menentukan kepada tempat-tempat yang ketinggalan bekalan ini diberikan bekalan dengan secepat mungkin kerana ini menimbulkan satu masalah sosial penduduk setempat kerana di satu tempat di mana mereka mendiami, menduduki di satu kawasan berjiran, tetapi di satu tempat di situ juga ada rumah-rumah yang tidak dapat bekalan elektrik disebabkan oleh ketinggalan dalam mana kita kurang pasti mengapa perkara ini berlaku. Oleh yang demikian sentiasa menjadi satu perkara yang menimbulkan masalah bukan sahaja kepada pegawai-pegawai bahkan juga kepada Wakil-wakil Rakyat.

Dalam perkara ini, saya harapkan prioriti atau keistimewaan diberikan kepada tempat-tempat yang tertinggal ini supaya mereka bersama-sama menikmati elektrik yang mana telah pun dinikmati oleh rakan-rakan jiran-jiran mereka yang mereka mendiami di satu tempat yang sama.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh kepada Maksud B. 60, Butiran 1—Pembayaran kepada Telekom untuk Projek Pembangunan sebanyak \$650 juta.

Dalam pembangunan kita yang begitu pesat kita kadangkala terlupa dengan keadaan-keadaan yang dihadapi oleh mereka yang kurang bernasib baik yang tertinggal oleh kerana bukan sahaja disebabkan oleh kerana keadaan, tetapi disebabkan oleh kerana kemungkinan keadaan kewangan yang menyebabkan tercetusnya perkara-perkara yang demikian. Tetapi walau bagaimana pun kita mestilah memikirkan cara-cara mana kita patut menyelesaikan

masalah-masalah ini. Apa yang saya maksudkan ialah kedudukan telefon-telefon untuk penduduk-penduduk luar bandar. Saya faham kadangkala perkampungan-perkampungan itu adalah jauh daripada bandar. Dengan yang demikian keterangan yang diberi kepada saya ialah untuk menghantar sebuah public telephone ataupun telefon luar bandar memakan belanja yang besar jika dibandingkan dengan perbekalan telefon di satu kawasan perumahan yang berada di dalam bandar.

Tuan Pengerusi, apabila kita kaji kedudukan struktur penduduk, mereka yang mendiami di dalam bandar sentiasa di dalam keuntungan kerana sekiranya satu projek perumahan dibina atau diadakan dalam satu bandar, projek perumahan itu diadakan dalam masa dua atau tiga tahun dengan penduduk-penduduk baru yang datang daripada tempat-tempat yang lain akan terus bukan sahaja mendapati bekalan-bekalan api dan air serta rumah-rumah dan jalan raya-jalan raya yang bertar dan cantik bahkan terus mendapat kemudahan telefon dan sebagainya. Tetapi mereka yang duduk di luar bandar yang telah mengusahakan perkampungan-perkampungan asal yang telah menjadi mereka yang memulakan pembangunan di kawasan perkampungan itu yang mana ada kalanya perkampungan itu memakan masa 80 tahun tetapi sekarang ini masih lagi menghadapi kekurangan-kekurangan seperti telefon, api elektrik, air, kadangkala ada di satu kawasan saya kesemuanya tidak ada. Jalan raya tiada, air tiada, elektrik tiada, telefon pun sampai separuh jalan. Walhal mereka inilah pengasas pembangunan di kawasan itu. Tetapi mereka yang datang kemudian yang duduk di dalam bandar, yang berkemampuan kewangan telah mendapatkan segala kemudahan. Tetapi di dalam setiap kali pilihan raya mereka yang ketinggalan inilah yang

menentukan kejayaan Kerajaan untuk terus memerintah. Tetapi mereka yang di dalam bandar yang mengundi parti-parti pembangkang telah mendapat segala-segala kemudahan. Jadi, saya harap pihak Kerajaan memikirkan di mana letaknya terima kasih kita, kepada pembangkang ataupun pengundi kita.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh mengenai keadaan telefon-telefon yang kurang memuaskan di kawasan Batu Pahat walaupun di kawasan lain saya berterima kasih, saya suka memberi terima kasih kepada pihak berkenaan yang telah menjalankan tugas mereka dengan baik memberi kepuasan kepada pengguna-pengguna telefon. Tetapi di kawasan saya, di Batu Pahat, telephone line ke Batu Pahat ada susah sedikit, selalu susah hendak dapat, saya ingat kekurangan line. Oleh itu, saya puji tetapi haraplah dapat pertimbangan daripada Kementerian untuk dapat masalah di kawasan saya ini diselesaikan.

Saya terpaksa juga menyentuh sedikit mengenai B. 59, Butiran 1100 berkenaan dengan masalah yang sedang hangat diperbincangkan sekarang mengenai cadangan Kerajaan untuk menukarkan Operator Wanita untuk bekerja pada malam hari.

Saya bukan menentang cadangan ini tetapi saya ingin mengemukakan persoalan. Mengapakah perkara ini perlu pula difikirkan sekarang. Kalau perlu, menasabah segala hujah-hujah. Saya mencadangkan supaya penelitian yang sehalus-halusnya hendaklah dibuat supaya Operator-operator Wanita yang bekerja malam ini diberikan keselamatan yang sempurna pergi dan balik semasa bekerja dan menentukan supaya mereka tidak terlibat di dalam kegiatan-kegiatan yang merosakkan moral. Selain daripada itu, hendaklah kita memberi

pertimbangan kepada Operator-operator yang mempunyai anak-anak kecil yang terpaksa menjaga anak-anak mereka pada malam hari dan menentukan supaya anak-anak yang mereka menjaga ini menjadi mereka yang menjadi berguna kepada masyarakat di masa akan datang, kerana ibu-ibu itu sangat perlu untuk berada di rumah khususnya pada malam hari kerana mereka itulah boleh memberikan kasih sayang serta layanan yang baik kepada anak-anak kecil supaya mereka boleh membesar dalam keadaan yang sempurna supaya boleh terhindar daripada kegiatan-kegiatan yang begitu memburukkan keadaan masyarakat sekarang ini yang saya percaya besar sebabnya ialah kurang mendapat kasih sayang atau penelitian daripada ibu bapa.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Maksud B. 59, Butiran 14 dan Butiran 15 mengenai Solar Electrification ataupun kuasa elektrik menggunakan cahaya matahari dan juga Penjana Kuasa dari Sekam Padi.

Di dalam masa kita sekarang sedang menghadapi keadaan kekurangan tenaga yang mana kita sekarang sudah mula pula kembali kepada menggali atau mencari tenaga dengan menggunakan kuasa coal ataupun arang batu disebabkan oleh kekhuatiran kita akan kehabisan minyak, maka adalah perlu bagi kita memikirkan cara-cara yang lebih senang untuk kita mendapatkan kuasa iaitu seperti kuasa matahari.

Saya sukalah memberi tahniah kepada pihak Kementerian kerana telah berusaha menjalankan berbagai-bagai percubaan untuk memberi kesan yang begitu baik untuk mencapai sesuatu kejayaan di dalam penggunaan solar energy sebagai satu kuasa tenaga. Kita tidak boleh mengharap kepada negara-negara Amerika, Eropah dan sebagainya kerana saya percaya mereka tidak

berapa sangat berminat untuk menjayakan solar energy ini kerana negara mereka kurang mendapat cahaya matahari. Banyak masa negara mereka musim sejuk, musim fall ataupun musim buah, dengan sebab itu kurang mendapat kuasa daripada matahari tetapi di negara kita yang sentiasa boleh dikatakan lebih 80% mendapat cahaya matahari maka kita terpaksa menggunakan inisiatif kita dengan sesungguhnya dengan tidak sangat mengharapkan kepada kuasa-kuasa besar ataupun negara-negara lain yang saya percaya bukan sahaja tidak minat mungkin mahu memberikan satu tekanan ataupun satu-satu cara bagaimana supaya kita tidak berjaya di dalam usaha-usaha kita untuk mencapai kejayaan di dalam kegunaan tenaga melalui matahari.

Tuan Pengerusi, di dalam kita memikirkan bagaimana kita patut mengusahakan ini, perlu sekali saya ingat kita memikirkan keadaan, yang pertama ialah bagaimana cara-cara ini boleh sampai kepada mereka yang mana setakat sekarang ini disebabkan oleh cara infrastruktur itu untuk kita menyampaikan tenaga-tenaga elektrik itu begitu mahal, maka hendaklah kita memikirkan supaya cara-cara ini kita boleh gunakan khas kepada mereka yang sudah hendak mendapat kuasa elektrik dengan cara sekarang ini. Maksud saya hendaklah kita dahulukan mereka yang di luar bandar, walaupun dengan cara kecil-kecilan. Orang-orang kita, saintis-saintis kita tidak kurang dengan ilmu pengetahuan yang mendalam yang mana mereka telah pun berjaya membuat berbagai-bagai kejayaan. Satu daripadanya ialah berjaya menukarkan minyak kelapa sawit menjadi minyak diesel.

Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 15 Penjana Kuasa dari Sekam Padi, saya juga telah mendengar penerangan mengenai apa yang telah

dikatakan oleh, kalau tidak silap saya, Menteri Perusahaan Awam mengenai langkah-langkah yang diambil untuk menjayakan penggunaan kuasa ini daripada sekam padi. Saya harap di dalam perkara ini kalau Kerajaan tidak berkemampuan untuk melaksanakan dengan secepat mungkin, apakah tidak boleh difikirkan supaya pihak swasta melibatkan diri di dalam perkara ini. Selain daripada itu hendaklah tumpukan penglibatan ini kepada perkara-perkara lain juga seperti misalnya industri-industri sampingan seperti yang kita tahu sekam-sekam padi ini boleh juga digunakan untuk membuat "air-cool fan" yang dilakukan di India dan juga membuat kertas. Jadi kita bolehlah laksanakan sebagai satu "multiple project" dengan menggunakan sekam-sekam padi tadi.

Tuan Pengerusi, saya dengan ini menyokong anggaran pembangunan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Tenggaroh.

4.35 ptg.

**Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh):** Terima kasih Tuan Pengerusi dan kesempatan yang Tuan Pengerusi berikan kepada saya pada petang ini akan saya gunakan hanya untuk membahaskan ataupun membicarakan Maksud B. 59 Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Saya pergi kepada Butiran 11, muka surat 600, Tajuk—Rancangan Mini-Haidro; (i) 22 rancangan; (ii) 82 rancangan, berjumlah kesemuanya 104 rancangan di mana anggaran bagi tahun 1984 hanya token vote sahaja.

Tuan Pengerusi, untuk melaksanakan satu Rancangan Mini-Haidro kita memerlukan belanja

beratus-ratus ribu ringgit dan apabila satu Rancangan Mini-Haidro ini siap akan kelihatanlah faedah dan nikmat yang boleh dirasakan oleh penduduk setempat di mana Rancangan-rancangan Mini-Haidro itu sendiri diadakan dan di dalam konteks Rancangan Mini-Haidro ini, saya akan membuat suatu pengkhususan terhadap suatu Rancangan Mini-Haidro di Kahang, Batu 28 iaitu di kawasan pilihanraya saya sendiri.

Apa yang saya dapati melalui rancangan ini ialah yang pertamanya rancangan yang diadakan di Kahang, Batu 28 itu memberikan faedah kepada pesawah-pesawah di mana apabila air sungai diempang, maka pesawah-pesawah akan mudah untuk mendapat bekalan air. Di samping itu pula faedah yang kedua pesawah-pesawah mengharapkan agar apabila rancangan mini-haidro ini siap kelak mereka akan mendapat bekalan api bagi menyelesaikan masalah kegelapan pada waktu malam bagi penduduk yang tinggal jauh di kawasan luar bandar.

Dua perkara ini yang mereka nampak kerana pesawah-pesawah ataupun penduduk-penduduk yang tinggal di luar bandar apabila mendengar perkataan "api" maka tangkapan mereka, mereka akan menghadapi suatu zaman yang cerah pada masa-masa yang akan datang.

Sehubungan dengan ini, inginlah saya membangkitkan masalah yang dihadapi ekoran daripada pembangunan mini-haidro di Kahang, Batu 28 itu. Masalah yang dihadapi sekarang ialah mini haidro tersebut tidak siap dan kerja-kerja bagi projek tersebut sudah lama ditinggalkan oleh pemborong-pemborong yang diamanahkan. Oleh kerana peruntukan pada tahun 1984 saya lihat di sini tidak ada, maka masalah ketidak siapan atau tergendalanya projek itu akan berlarutan di sepanjang tahun 1984 dan jika

sekiranya sesuatu tidak diusahakan maka masalah tidak siapnya projek tersebut akan berlarutan pula pada tahun-tahun yang akan datang.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, melalui penelitian dan pengamatan saya terhadap projek yang saya khususkan ini ialah saya dapati bahawa projek mini-haidro ini tidak memberikan faedah dan manfaat kepada majoriti ataupun kepada bilangan ramai masyarakat setempat. Dalam erti kata yang lain, hanya sebilangan kecil sahaja masyarakat setempat yang dapat menikmati kemudahan api letrik daripada projek mini-haidro ini.

Saya telah difahamkan oleh beberapa orang yang bolehlah saya anggap mahir berhubung dengan perkara ini iaitu melalui maklumat yang diberikan kepada saya bahawa rancangan mini-haidro di Kahang, Batu 28 ini hanya boleh membekalkan api letrik kepada lebih kurang 20 keluarga sahaja sedangkan penduduk-penduduk di kawasan tersebut jumlah keluarganya melebihi 100. Jadi oleh kerana pada peringkat awal pendirian mini-haidro ini sudah pun memberi satu gambaran seperti yang saya katakan tadi harapan yang cerah pada masa yang akan datang pada setiap penduduk. Oleh kerana perkara ini boleh memberi manfaat kepada hanya segelintir masyarakat setempat maka saya rasa dan saya mencadangkan kepada Kerajaan agar pada masa-masa yang akan datang jika sekiranya program untuk mendirikan mini-haidro ini akan dilaksanakan atau akan ditambah bilangannya pada masa-masa yang akan datang maka Kerajaan haruslah mengkaji semula rancangan-rancangan mini-haidro ini pada masa yang akan datang supaya ianya dilaksanakan di samping memastikan sama ada mini-haidro ini benar-benar dapat memberi faedah kepada seluruh rakyat setempat, setimpal dengan kos untuk

membangunkan sesuatu rancangan mini-haidro ini. Dan kajian semula ini hendaklah dilaksanakan berdasarkan kepada viability rancangan-rancangan mini-haidro yang telah dilaksanakan pada masa-masa yang lepas.

Yang ketiganya, sukalah saya mencadangkan di sini bahawa Kerajaan menyudahkan rancangan-rancangan mini-haidro yang masih belum siap. Di Kahang, Batu 28 rancangan mini-haidro itu sudah siap, tiang-tiang api sudah dipacak sampai ke rumah orang yang ke-20 sahaja, tiang api batu pula tu, bukan kayu, Tetapi wayar letrik belum lagi diadakan sedangkan penduduk-penduduk di sekitar kawasan 20 buah rumah sudah pun membuat wiring masing-masing di dalam rumah mereka. Jadi oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini dan pihak-pihak yang bertanggungjawab pun ada di sini, saya harap agar rancangan-rancangan mini-haidro yang masih belum disiapkan untuk carilah mana-mana sumber kewangan supaya projek tersebut dapat disiapkan agar projek ini atau program ini dapat mencapai ke arah matlamat yang dicatatkan terlebih awal berkaitan dengan program mewujudkan rancangan mini-haidro di dalam negara kita ini.

Sekian, Tuan Pengerusi, akhir sekali, saya ingin menyatakan sokongan saya terhadap belanjawan bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bagi tahun 1984. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.46 ptg.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin menyampaikan penghargaan kepada Kementerian ini di atas perkhidmatan yang telah diberikan kepada rakyat di

negara kita, khususnya di kawasan Parlimen saya Padang Rengas sama ada pihak LLN ataupun Telekom dan Pos.

Walau bagaimanapun, seperti selalu saya katakan "mana gading yang tidak retak dan mana bumi yang tidak ditimpa hujan" tentulah ada sedikit sebanyak perkara yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya suka menyentuh B. 59 muka surat 597, Butiran 1100, Program (1)—Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, walaupun saya katakan tadi pihak pegawai dan kakitangan khususnya di peringkat negeri dan daerah telah memberikan khidmatnya yang boleh dibanggakan juga oleh masyarakat akan tetapi oleh sebab barangkalilah saya ingat kerana kawasan penyeliaan ataupun penjagaan seseorang pegawai itu terlalu luas maka tentulah sukar bagi mereka untuk membahagikan masa dan tenaga untuk mempertingkatkan daya perkhidmatan yang boleh memberi kepuasan kepada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan khususnya di kawasan luar bandar. Saya memberi contoh umpamanya kalau pegawai LLN di Kuala Kangsar itu dia terpaksa menjaga daerah Kuala Kangsar dan Ulu Perak iaitu kawasan yang sangat luas. Kalau di Kuala Kangsar maknanya kalau masuk Sungai Siput sudah ada 2 Ahli Parlimen, 3 di Padang Rengas dan 4 di Gerik; 4 kawasan Parlimen seorang pegawai yang diberi amanah oleh pihak LLN bertanggungjawab di dalam membuat penyelesaian berhubung dengan masalah-masalah permohonan-permohonan rakyat di kawasan itu.

Biasanya masalah rakyat di kawasan luar bandar ini dipertimbangkan dan dibahaskan atau dibincangkan dalam Majlis-majlis Mesyuarat Tindakan Daerah. Manakala pegawai-pegawai

ini tidak dapat hadir di dalam mesyuarat-mesyuarat seperti itu bermakna masalah-masalah yang timbul di dalam kawasan itu tidak dapat siapa pun bertanggungjawab atau menjelaskan kepada hadirin. Maka sebab itu seringkali terpaksa perkara itu ditangguhkan. Umpamanya, kalau saya bangkitkan iaitu biasanya Tuan D.O. sebagai pengerusi, saya hendak tahu, fasal ini misalnya perkara 231. Dia kata: Yang Berhormat, Pegawai LLN tidak datang, kita tunggulah bulan depan.

Bila kami balik ke kawasan untuk berdialog, masa berdialog dengan rakyat amat sukar bagi Wakil-wakil Rakyat hendak menjelaskan kepada orang ramai bagaimana kedudukan-kedudukan ini. Inilah selalu berlaku bukanlah bermakna pegawai ini tidak mahu bekerja ataupun memberi perkhidmatan yang baik, tetapi saya fikir barangkali tenaga masa mana lagi hendak mentadbir di pejabat, menghadiri mesyuarat dan bermacam-macam lagi. Oleh sebab itu saya rasa patutlah pihak pentadbir peringkat pusat ini dapat memberi perhatian di mana kawasan-kawasan yang agak luas difikirkan sukar bagi pihak pegawai-pegawai di peringkat daerah itu untuk menyelesaikan masalah mereka, patutlah sama ada diberi penolongnya untuk membantu supaya masalah rakyat dapat disesuaikan dan imej Kerajaan akan dapat dipertahankan.

Jadi, kalau sekiranya dari sebulan ke sebulan pegawai itu tidak hadir maka perkara itu bertambah kusut, bertambah sulit dan menjadi berbagai-bagai masalah. Masalah sosial, masalah politik akan berbangkit dan mungkin kita bimbang, kita takut akan berlaku pula perbalahan, pertengkaran di antara pihak pegawai-pegawai Kerajaan dengan pemimpin-pemimpin politik atau Wakil-wakil Rakyat. Ini tidak diinginkan dan tidaklah menjadi hasrat kita sebagai Wakil

Rakyat memanglah sentiasa kita hendak menjalinkan hubungan, hendak membantu pegawai-pegawai Kerajaan sedaya-upaya yang boleh kerana kedua-dua pihak ini mempunyai tujuan dan matlamat yang sama iaitulah untuk memberi kebahagiaan kepada rakyat dan juga kepada negara. Maka tidak ada sebab yang kita mesti bertelingkah, salah faham, tetapi oleh kerana barangkali sepertimana saya katakan tadi, kerana tidak hadir umpamanya dalam mesyuarat dan sebagainya mungkin akan timbul kata-kata yang boleh menyinggung perasaan, masing-masing mempunyai perasaan, sebab itu saya harap dapat diberi perhatian.

Yang kedua, di dalam perkara yang sama, Program (2)—Perancangan dan Penyelidikan. Saya juga berharap supaya pihak Kementerian ini dapat terus mempertingkatkan tentang keupayaan, kemahiran ataupun kecekapan kakitangan kita jika perlu latihan-latihan bukan sahaja di dalam negara kita, kalau perlu patutlah dihantar keluar negeri supaya mendapat pengalaman dan pengetahuan yang lebih kerana kadangkala apabila misalnya kita beritahu kepada pegawai-pegawai telekom mengapa bila saya angkat telefon kita boleh dengar orang lain bercakap. Jadi, selalu kita komplek macam itu dan pegawai itu mengatakan, saya pun tidak tahu apa yang hendak buat. Pegawai itu mengatakan “saya tidak tahu apa yang hendak buat”, bermakna dia perlu lagi diberi latihan supaya dia tahu buat, macamana cara hendak mengelak supaya keadaan-keadaan itu tidak terus berlaku begitu. Tidak bolehlah jawab: saya tidak tahu, tamat setakat itu. Pihak yang di atas khususnya Kementerian ini patut beri lagi pengetahuan yang lebih kepada kakitangan kita, latihan-latihan yang lebih berkesan supaya dapat memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang

lebih baik sepertimana yang seringkali disungut-sungutkan atau dirungut-rungutkan oleh orang ramai.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh pula berkenaan dengan Maksud B. 59, muka surat 600 Butiran (11)—Program Mini-Hydro. Kalau kita lihat kepada Program 11 ini peruntukan yang diberi hanyalah kepada 22 rancangan ini untuk tahun 1983 sebanyak \$33,700,000. Pada tahun 1984 nampaknya tidak ada langsung. Walau bagaimanapun, saya berharaplah kerana perkara ini walaupun kita tidak memastikan tetapi di dalam masa lawatan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ke dalam pilihan raya kecil di Kendering dahulu saya telah bertanya kepada beliau bahawa bagaimana dengan projek Mini-Hydro di Kampung Luat Lenggong itu. Yang Berhormat Menteri telah menjawab projek itu akan diteruskan. Usaha-usaha kajian, bancian dan sebagainya telah dibuat, tetapi apabila saya tengok tidak ada peruntukan—pada tahun 1984 ini, hati saya telah mula berdebar, adakah projek Mini-Hydro di Kampung Luat yang dicadangkan pada tahun yang lalu akan diteruskan untuk keperluan sebanyak 800 pengguna atau 800 buah rumah.

Tuan Pengerusi, Kampung Luat ini adalah sebuah kampung tradisional terletak di seberang sungai Perak yang terbuka sejak ratus tahun yang lalu. Di sini tidak ada kemudahan asas sepertimana mereka yang tinggal di kawasan-kawasan di tepi-tepi jalan raya. Walau bagaimanapun, usaha-usaha telah dibuat, pihak Kerajaan telah memberi sedikit sebanyak peruntukan. Kita telah mengadakan jalan-jalan simen dan kita telah berjanji dengan penduduk-penduduk di sini akan berusaha untuk memberikan apa sahaja kemudahan yang difikirkan sesuai dan munasabah, kebetulan pada tahun lepas ada Projek Mini-Hydro dan kita telah memohon mendapat sokongan daripada pihak

negeri dan jaminan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya berharap projek ini akan dapat diteruskan pada tahun ini iaitu Projek Mini-Hydro di Kampung Luat. Jika sekiranya projek ini dapat diselenggarakan, kemungkinan api ini boleh disampaikan ke sebuah kampung yang berhampiran iaitu di Kampung Beng, Lenggong. Setakat ini pihak RISDA telah diberi sedikit peruntukan untuk mengadakan projek elektrik di Kampung Beng ini oleh RISDA menggunakan generator, tetapi kaedah yang dibuat oleh RISDA ini pun saya rasa tidak dapat memberikan kesejahteraan secara menyeluruh kerana hanya untuk lebih 50 buah rumah sahaja yang dapat sedangkan beratus-ratus buah rumah lagi masih tidak ada bekalan api elektrik. Dengan adanya bekalan api elektrik di Luat kelak menerusi Mini-Hydro ini dapatlah kita mententeramkan masyarakat di Kampung Beng yang belum dapat bekalan elektrik itu. Hari ini apabila kita mengadakan dialog di tempat itu, mereka telah mengatakan macamana RISDA satu agensi boleh beri elektrik untuk 50 buah rumah, fasal apa Kerajaan tidak boleh beri. Kita telah menearangkan bahawa usaha sedang dibuat jika sekiranya bekalan Projek Mini-Hydro di Luat ini dapat disiapkan, kemungkinan api dapat dibekalkan ke kawasan kampung yang berhampiran dengan Kampung Luat itu.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Maksud B. 60, muka surat 603, berkenaan dengan Perkhidmatan Telekom.

Hari ini masyarakat atau rakyat di dalam kawasan Parlimen Padang Rengas khususnya bolehlah merasa bangga di atas perkhidmatan yang diberi oleh pihak Jabatan Telekom ini. Boleh dikatakan banyaklah juga kawasan-kawasan yang kita fikirkan perlu dan mustahak iaitu di pendalaman yang sukar membuat

perhubungan dengan masyarakat luar, maka telah dibekalkan dengan telefon-telefon awam di kawasan luar bandar.

Akan tetapi, yang menjadi masalahnya apabila berlaku satu kerosakan, kadangkala terbiar hingga sampai 2-3 bulan. Jadi masyarakat di situ tentulah yang sudah berasa mendapat nikmat kemudahan membuat hubungan dengan dunia luar, apabila sudah rosak, putus hubungan tidak dibaiki, maka timbullah rasa marahnya kerana seolah-olah mereka mengatakan indah khabar daripada rupa; ada telefon tetapi tak boleh pakai. Apabila perkara ini dibuat hubungan dengan pihak-pihak Pegawai Telekom, salah satu alasannya mengatakan sukar untuk mendapat bahan-bahan ganti.

Satu perkara yang suka saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini, kalau boleh, apabila mendapat aduan-aduan daripada orang ramai berlaku kerosakan, sekurang-kurangnya 2-3 hari selepas itu patutlah pihak Jabatan ini menghantarkan pegawainya berjumpa dengan Ketua Kampung menceritakan kedudukan yang sebenarnya, janganlah sampai bulan depan diadu pun tak datang juga tengok, sampailah mereka datang mengadu kepada Wakil Rakyat barulah mereka memberi perhatian. Saya rasa tidaklah elok begitu. Bukanlah kami Wakil Rakyat tak hendak bekerja, tetapi sampai perkara-perkara telefon rosak pun terpaksa rakyat keluar duit tambang dan pergi berjumpa dengan Wakil Rakyat hendak cerita semata-mata telefon itu sudah rosak. Sebaik-baiknya kalau boleh, biarlah pihak pentadbir Telekom itu selalu membuat tinjauan, sama ada pergi sendiri ataupun membuat hubungan daripada Pejabat Telekom itu untuk memastikan bahawa tiap-tiap telefon yang dibekalkan kepada masyarakat awam di kampung-kampung luar

bandar itu sentiasa dalam perhatian atau dalam keadaan yang baik. Mereka boleh tahu kalau sama ada telefon itu rosak atau tak rosak, pihak Pegawai Telekom tahu. Bukanlah kita hendak galakkan rakyat itu manja, rakyat pun tidak kita galakkan begitu, memang memberikan kerjasama, tetapi sampai berminggu-minggu, berbulan-bulan perkara ini terbiar begitu sahaja, saya rasa ini kurang baik. Ini akan menjejaskan imej atau mutu perkhidmatan Jabatan ini sendiri.

Oleh sebab itu, saya berharaplah pada masa-masa akan datang perlulah pihak Jabatan ini membuat atau berikhtiar dengan apa cara untuk membuat hubungan dengan pengguna-pengguna ini supaya memastikan telefon itu sentiasa boleh dipakai.

Sebenarnya berhubung dengan masalah telefon rosak selalu di kawasan Lenggong ini bukan sahaja untuk orang awam, tetapi untuk saya sendiri sebagai Ahli Parlimen di situ kadang-kadang 3-4 hari tak ada, tak boleh dipakai. Yang anihnya bila diberitahu tidak terus datang, kadang-kadang 2, 3, 4 hari barulah nak datang, barangkali ini pun macam saya kata tadi, agak mereka fikir kerja hendak buat terlampau banyak, apapun saya tak tahulah, tetapi sampai 3-4 hari baru datang. Inilah yang menjadi masalah-masalah kepada penduduk-penduduk.

Bagi penduduk-penduduk di kawasan Gerik dengan Keroh pula, ini barangkali ada hubungannya dengan teknikal, di sana bertambah sukar lagi. Kadangkala kalau hendak buat hubungan orang Gerik dengan Keroh walaupun sejauh 30 batu, tetapi lebih cepat kita pergi berjumpa orang itu dan kita balik; orang yang membuat telefon tak dapat lagi. Itulah keadaannya baik tak baik telefon di kawasan Gerik. Jadi seolah-olah lebih baik kita pergi sendiri daripada

membuat hubungan telefon. Kita pergi sendiri dapat buat urusan dan balik; orang ini tak dapat lagi buat hubungan dengan telefon. Itu keadaan di Gerik.

Keadaan di Lenggong tidaklah seburuk itu, cuma selalu rosak, sebulan barangkali 2, 3, 4 kali rosak, bila rosak sampai 2-3 hari. Saya tak tahu apakah puncanya. Apabila kita tanya kepada pegawai ini di dalam mesyuarat-mesyuarat, dia mengatakan kerana barangkali tidak ada keupayaan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik oleh sebab saya pun tak tahu apa bahasa teknikalnya, saya kata kalau begitu keadaannya lebih baik tak usah beri dia telefon. Apa makna kita tambahkan pengguna, tetapi selalu rosak. Kalau boleh pakai 4, beri 4. Keupayaan yang ada di situ beri 4, 4 cukup, tetapi biarlah terjamin telefon itu boleh kita pakai. Jangan kita beri banyak-banyak, tetapi tak boleh hendak pakai, hendak buat apa?

Walau bagaimanapun, setakat ini saya berterima kasih nampaknya usaha-usaha sedang dibuat di kawasan itu sepanjang-panjang jalan daripada Kuala Kangsar ke Lenggong itu saya nampak sudah korek-korek parit, barangkali untuk mengatasi masalah-masalah yang ada. Cuma saya ingatkan supaya perkara-perkara yang seperti ini apabila kita merancang untuk memberi perbekalan telefon patutlah diambil perhatian. Tidak guna kita hendak banyakkkan pengguna telefon, tetapi pengguna-pengguna itu selalu menghadapi berbagai-bagai masalah.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh pula P. 61, muka surat 608, Butiran 1, Pejabat Pos dan Rumah Kediaman.

Perkhidmatan Pos di kawasan Parlimen Padang Rengas ini boleh dikatakan baik sekarang ini, tidak timbul masalah posmen dan

sebagainya, semuanya berjalan dalam keadaan yang baik. Cuma penduduk-penduduk di sana merasa kesal oleh kerana kebanyakan Pejabat-pejabat Pos ini dibuat sebelum Perang Dunia Kedua dahulu, jadi mereka pun berasa iri hati manakala melihat kawasan-kawasan lain sudah membangun, apatah lagi pula jika didapati Pejabat Pos itu sudah rosak, contohnya seperti Pejabat Pos yang ada di Padang Rengas. Padang Rengas ini adalah satu kawasan yang sedang membangun, di sini ada satu projek yang besar, iaitu Projek Kilang Simen yang belanjanya beratus-ratus juta tentulah memerlukan perkhidmatan pos yang teratur, baik dan sempurna.

Selain daripada itu, di situ juga ada Pusat Latihan RISDA, dicadangkan sekolah vokasional, ada klinik, ada sekolah menengah, ini selain daripada masyarakat umum yang tinggal jauh di pedalaman. Oleh sebab itu, pihak Kerajaan dan pihak Kementerian ini telah pun bersetuju pada dasarnya supaya Pejabat Pos Padang Rengas ini dibuat satu bangunan baru dan tapaknya telah disediakan, tetapi malangnya sebab keadaan kemelesetan, perkara itu nampaknya telah ditangguhkan.

Saya berharaplah, mungkin barangkali pihak Yang Berhormat Menteri pun telah mendapat salinan surat rayuan daripada penduduk-penduduk Padang Rengas itu yang dihantar kepada Yang Berhormat Menteri dan salinannya kepada saya, saya baru terima sahaja di dalam bulan ini juga, iaitu mendesak Kerajaan supaya dapat meneruskan rancangan untuk membina Pejabat Pos di Padang Rengas itu. Jadi sempena dengan perbincangan mengenai Kementerian ini saya rasa kenalah pada tempatnya saya menyuarakan hasrat rakyat supaya rancangan untuk membina Pejabat Pos yang baru di Padang Rengas itu akan dapat diteruskan pada tahun hadapan ini.

Sekianlah, dengan ini saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini B. 59 sehingga B. 61 dan juga P. 59 dan P. 61

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Ahli dari Sungai Besi.

*5.10 ptg.*

**Tuan Chan Kok Kit (Sungai Besi):** Tuan Pengerusi, saya sentuh Maksud B. 59, Butiran (Kod) 1100. Gaji dan Upahan, Program (1) Pentadbiran Am dan Maksud B. 61, Jabatan Perkhidmatan Pos, Butiran (Kod) 1100, Gaji dan Upahan, Program (1) Perkhidmatan Mel.

Tuan Pengerusi, Laporan Ekonomi Tahun 1983 dan 1984 telah mengatakan bahawa dalam tempoh 1977 hingga 1982 permintaan bagi Perkhidmatan Telefon telah bertambah pada kadar purata sebanyak 21% setahun, sementara kadar pemasangan telefon kekal pada paras 75% daripada jumlah permintaan. Bilangan pemohon yang sedang menunggu untuk mendapatkan kemudahan telefon telah meningkat kepada 190,000 orang dalam tahun 1982 berbanding dengan kira-kira 76,500 orang dalam tahun 1977.

Tuan Pengerusi, permintaan dari pelanggan persendirian untuk mendapatkan kemudahan telefon telah bertambah besar kerana telefon kini telah menjadi satu keperluan dan bukan satu tanda kemewahan. Saya telah menerima banyak aduan daripada penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan khasnya pekedai-pekedai yang mengadu bahawa mereka telah menunggu selama 2 hingga 3 tahun untuk mendapatkan kemudahan telefon. Kerap kali mereka diberitahu bahawa permintaan mereka tidak dapat dilayan disebabkan kekurangan talian. Aduan yang sama juga saya terima

daripada penghuni-penghuni kawasan perumahan baru. Ramai dari penghuni-penghuni ini telah menunggu bertahun-tahun untuk mendapatkan kemudahan telefon. Di kawasan saya ada di antara pemohon-pemohon ini yang terdiri daripada doktor-doktor yang merungut kerana ketiadaan telefon dan disebabkan ini mereka menghadapi kesukaran untuk "respond" kepada keadaan-keadaan kecemasan. Saya menggesa Jabatan Telefon supaya melipatgandakan usaha-usahanya untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dengan menyediakan kemudahan-kemudahan telefon dengan seberapa segera yang boleh.

Saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Perkhidmatan Pos. Boleh dikatakan hampir semua Pejabat Pos di Wilayah Persekutuan terdapat barisan panjang orang-orang yang berbaris untuk membeli setem, menghantar wang dan sebagainya. Ini menyebabkan ketidakselisaian kepada rakyat jelata dan saya menggesa supaya kakitangan-kakitangan memastikan terdapat perkhidmatan yang lebih cekap dan licin di Pejabat-pejabat Pos kita.

Akhirnya saya ingin juga meminta pihak Jabatan Pos menyiasat dalam hal kelambatan yang berlaku dalam pengirisan surat-surat. Saya diberitahu sepucuk surat yang diposkan di Petaling Jaya mengambil masa 5 hari untuk sampai ke destinasi di Kuala Lumpur. Apakah sebabnya keadaan begitu boleh berlaku? Adalah jelas ada suatu yang kurang baik dalam sistem pos kita dan besarlah harapan saya kiranya pihak yang berkenaan dapat memberi perhatian kepada perkara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Larut.

5.15 ptg.

**Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa (Larut):** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang memberi peluang kepada saya menyatakan sedikit sahaja mengenai Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini iaitu saya cuba menyentuh muka surat 600, Butiran 3, Projek Haidro-Elektrik Kenering dan Bersia.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya mengambil peluang mengucapkan setinggi terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dalam usaha-usaha untuk memperluaskan penyampaian kuasa elektrik atau tali api kepada rakyat kita di seluruh negara khususnya penduduk-penduduk yang belum menerima tali api seperti penduduk-penduduk luar bandar.

Saya suka merakamkan penghargaan kerana pihak Lembaga Letrik Negara telah membina 3 jana kuasa besar di Perak. Yang pertama di Temenggor dan dalam Butiran 3 ini ialah sambungan projek yang dibawahnya Projek Haidro-Elektrik di Kenering dan di Bersia. Ertinya Temenggor yang di atas sekali kuasa api ini telah disampaikan, saya rasa ke Pantai Timur, ke Kelantan, dan Terengganu dan janakuasa yang di bawahnya ialah Bersia dan haidro di bawahnya lagi ialah Kenering dan di bawah daripada itu sebagaimana kita faham di Chenderoh yang mula-mula sekali diadakan di tanahair kita.

Pengorbanan yang begitu besar telah diberi oleh Kerajaan dan rakyat negeri Perak yang mana sebuah kampung telah ditenggelami air, hanya menjadi kenangan pada masa ini iaitu Temenggor dalam kenangan. Penduduk-penduduk Temenggor telah dipindahkan ke satu kampung baru—dibuat perkampungan baru, dibuka hutan di kawasan Air Ganda.

Terima kasih kepada pihak Lembaga Letrik Negara yang memberi perhatian menyediakan perkampungan dan kebun-kebun ataupun tanah-tanah untuk perusahaan mereka. Apa yang patut diberi perhatian lagi bahawa keadaan penduduk-penduduk yang dipindahkan ini tidak mendapat keadaan tanah yang sesuai bagi mereka untuk bercucuk-tanam kerana didapati kawasan tersebut tidak dapat ditumbuhi dengan tanaman-tanaman yang sesuai seperti getah ataupun kelapa, tidak dapat subur tumbuhnya di kawasan tersebut. Semoga pihak Lembaga Letrik Negara memberi perhatian bersama Kerajaan Negeri Perak dalam usaha pemulihan kepada penduduk-penduduk yang telah kita pindahkan dari Temenggor yang ditenggelami kampung halaman mereka termasuk rumah, masjid, sekolah dan sebagainya itu, mereka sanggup berpindah ke kawasan baru yang sepatutnya pemulihan hidup mereka di kawasan baru patutlah diberi pandangan dan perhatian yang sesuai dan selesa.

Tuan Pengerusi, Projek Haidro-Elektrik di Bersia dan di Kenering sedang dibina dan tali apinya adalah diharapkan supaya dapat dipancarkan ke kawasan negeri Perak bersama, selain daripada kuasa api itu disampaikan kepada negeri-negeri lain di Semenanjung ini kerana penduduk-penduduk di kawasan Ulu Perak sendiri dan juga kawasan saya, Kawasan Larut dan kawasan-kawasan yang lain di kawasan perbatasan atau sempadan, yang masih belum mendapat kuasa tali api ini, yang mereka hanya dapat melihat kabel-kabel besar merintang di hadapan mereka ataupun melalui kampung-kampung mereka. Oleh itu, saya adalah membuat gesaan dan merayu dengan sepenuhnya di bawah peruntukan-peruntukan yang ada patutlah diberi perhatian kepada kawasan-kawasan tersebut supaya

rakyat. kita tidak terasa runsing memerhatikan bahawa kuasa-kuasa tali api ini hanya dapat dilihat dan tidak dapat diguna ataupun diterima oleh penduduk-penduduk tempatan, dan ini telah digunakan oleh anasir-anasir yang tidak sihat untuk meracuni pemikiran rakyat di atas usaha-usaha menyampaikan tenaga elektrik kepada rakyat kita khasnya mereka yang sedang menanti-nanti untuk mendapatkan kuasa elektrik.

Bagi kawasan saya sendiri iaitu kawasan Larut mempunyai dua kawasan Dewan Undangan Negeri yang sedang disampaikan sedikit demi sedikit kuasa elektrik ini yang mana kekurangan power yang sepenuhnya bagi menyampaikan kuasa-kuasa elektrik ini kepada kampung-kampung yang boleh disambung dengan urusan-urusan pentadbiran biasa.

Oleh itu saya merayu dan mengesyorkan supaya kuasa-kuasa api daripada jana kuasa Bersia dan Kenering ini dapat dimasukkan pusat ibusawat besar di negeri Perak dan disalurkan melalui line biasa ke kawasan-kawasan yang tersebut.

Memandangkan kawasan Larut dan juga kawasan Ulu Perak ini adalah kawasan keselamatan termasuk dalam kawasan KESBAN juga yang perlu diberi perhatian supaya masyarakat tempatan dapat diberi pandangan atau layanan semoga anasir-anasir yang tidak diingini tidak dapat meracuni pemikiran rakyat di kawasan tersebut.

Baharu-baharu ini kita berterima kasih kepada pihak Lembaga Letrik yang telah cuba menyambungkan tali api dari Batu Kurau ke Ijok iaitu berpunca daripada pusat kilang getah MARDEC di Batu 20 untuk disambungkan kepada sekolah menengah di Redang Panjang dan juga kampung-kampung jalan baharu Sungai Segar, Ijok. Apa yang menjadi perbincangan hangat di antara penduduk-penduduk kampung yang

berhampiran ialah kawasan Batu 20 itu sendiri yang mana punca api itu diambil daripada kilang MARDEC tidak dapat disampaikan dalam tempoh ini hanya ditarik jauh panjang untuk disampaikan kepada sekolah menengah dan kawasan Jalan Baharu dan Sungai Segar, Ijok. Dan untuk menanamkan tiang-tiang bagi Jalan Baharu dan Sungai Segar ini diletakkan dahulu di Kampung Bagan Baru iaitu kawasan perkampungan yang ramai penduduknya dalam tempoh darurat dahulu kita pindahkan orang tinggal di situ maka apabila mereka melihat tiang-tiang elektrik ini, bergembiralah penduduk yang menyatakan tidak lama lagi kita akan mendapat kuasa elektrik. Tetapi akhirnya menjadi rasa sesal dan malang kepada mereka kerana tiang yang telah diletakkan itu diangkat semula untuk dipasangkan di kampung yang lain iaitu kampung yang saya sebutkan Jalan Baharu di Sungai Segar, Ijok.

Jadi, menimbulkan kegelisahan yang terpaksa kita mengadakan dialog dan memberi nasihat supaya bersabar, mungkin dapat disambungkan kemudian nanti, insya Allah.

Saya adalah merayu dan berharap benar peruntukan yang akan datang ini supaya Kampung Bagan Baru dan juga FELDA Ijok itu dapat kuasa letrik disambungkan dalam rancangan yang boleh kita jayanya secepat yang menasabah.

Begitu juga di kawasan Dewan Undangan Negeri Selama kuasa-kuasa tali api ini sedang disampaikan ke kawasan-kawasan yang sesuai tetapi ada satu kawasan yang sangat-sangat memerlukan iaitu tidak jauh daripada Pekan Selama sendiri iaitu Kampung Baru Sungai Terap dan kawasan-kawasan yang sekelilingnya, penduduk-penduduk di sini adalah sangat-sangat berharap supaya kuasa elektrik ini dapat disampaikan ke Kampung Baharu Sungai Terap dan

kawasan kampung-kampung tradisi atau kampung asal di kawasan sekelilingnya. Begitu juga di kawasan Kubu Gajah dan perkampungan-perkampungan sekelilingnya.

Saya juga berterima kasih kepada pihak Kementerian Tenaga yang telah dapat merancang dan sedang menjayakan minihydro iaitu di bawah muka surat 600, Butiran 11—satu, mini hydro ini diadakan di kawasan Ulu Ijok untuk menyampaikan api elektrik bagi kawasan-kawasan penduduk di kawasan Ulu Ijok dan satu lagi ialah di kawasan Ulu Selama yang diduga untuk dapat mengeluarkan api bagi kampung-kampung yang tidak dapat melalui saluran-saluran biasa. Adalah diharapkan dua projek ini dapat diteruskan mengikut jadual dan dapat menyampaikan tali api tidak lama lagi kepada penduduk-penduduk di kawasan yang berkenaan.

Walaupun dalam rancangan tahun ini di bawah 22 rancangan dan 82 rancangan ini, tidak termasuk peruntukan bagi tahun ini tetapi memandangkan bahawa projek yang sedang berjalan itu sebagai sambungan projek-projek tahun lalu, adalah diharapkan supaya perkara ini dapat dijayakan dan dapat hendaknya rakyat dan penduduk-penduduk kawasan itu menikmati kuasa elektrik supaya boleh mereka membangun bersama-sama dengan penduduk-penduduk lain yang sedang menikmati kuasa elektrik atau pun api elektrik bagi kegunaan rumah dan mungkin boleh digunakan juga bagi menjalankan perusahaan-perusahaan kecil, dapat dijayakan industri-industri dan lain-lain yang memerlukan kegunaan kuasa tenaga elektrik.

Tuan Pengerusi, memandangkan penduduk-penduduk di sini sepertimana yang saya katakan tadi ialah kawasan keselamatan dan juga penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah, kalau

dibandingkan dengan sosio-ekonomi income percapita, bagi penduduk-penduduk jika dibandingkan bahawa penduduk-penduduk kawasan ini adalah yang berpendapatan agak kurang dibandingkan dengan penduduk-penduduk yang lain.

Oleh itu saya merayu kepada pihak Kementerian memberi perhatian yang agak khusus dan istimewa semoga perkara ini dapat kita selaraskan dengan kemajuan-kemajuan yang sedang kita jayakan bagi seluruh negara. Bagi pihak rakyat seluruh kawasan ini lagi sekali saya merayu supaya perhatian diberi dengan sewajarnya.

Saya dengan ini, Tuan Pengerusi, menyokong Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bagi tahun 1984.

**Tuan Pengerusi:** Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menjawab bagi pihak Menteri.

*5.28 ptg.*

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin):** Tuan Pengerusi, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengambil bahagian dan berucap di dalam membahaskan belanjawan yang dipinta oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Izinkan saya menjawab bukan kesemua tetapi beberapa soalan yang telah dikemukakan. Saya tidak dapat menjawab keseluruhannya bukan pula bermakna perkara-perkara yang saya tidak jawab itu tidak dianggap penting, atau kurang penting, tetapi perkara-perkara yang saya tidak sentuh itu memang dianggap penting dan, insya Allah, akan diambil tindakan yang sewajarnya.

Izinkan saya, Tuan Pengerusi, untuk memulakan dengan memberi sedikit pandangan berhubung dengan perkara yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka berhubung dengan projek hydro-elektrik di Kenyir di Ulu Terengganu.

Sukalah saya menegaskan di sini bahawa projek itu tidak ada kena mengena dengan Dasar Pandang ke Timur. Dasar Pandang ke Timur adalah merupakan suatu dasar yang diumumkan selepas daripada pemberian kontrak projek itu kepada Syarikat yang bernama Hyundai.

Jadi, sukalah saya menyatakan di sini sekali lagi bahawa pemberian kontrak kepada syarikat yang berkenaan itu tidak ada kena mengena langsung dengan Dasar Pandang ke Timur.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, Kerajaan tetap akan mengawasi syarat-syarat yang ada di bawah kontrak yang telah diberikan kepada syarikat tersebut seperti latihan, pengambilan pekerja-pekerja daripada pekerja-pekerja tempatan dan sebagainya, segala-gala yang diperuntukkan dalam kontrak itu insya Allah akan sentiasa diawasi dan dimonitor oleh Kerajaan.

Di sini sukalah saya juga menyatakan bahawa pada awalnya memanglah ada berlaku perselisihan faham di antara dua kebudayaan dan nilai iaitu suatu nilai kebudayaan dan fahaman yang dipegang oleh orang-orang daripada Korea dan satu lagi yang dipegang oleh pekerja-pekerja tempatan di projek tersebut. Ada yang sama nilainya, ada yang lain nilainya. Yang sama nilainya tidak menimbulkan apa-apa permasalahan tetapi ada di mana berlaku fahaman yang berlainan, nilai yang berlainan, kebudayaan yang berlainan dan ini memang saya akui pada mulanya adalah menimbulkan masalah.

Di sini saya suka merakamkan ucapan terima kasih saya khusus kepada Yang Berhormat Wakil dari Ulu Terengganu yang telah memainkan peranan begitu berkesan sekali dalam cuba menyelesaikan masalah perbezaan nilai ini di mana ianya berlaku dan suka saya merakamkan di sini ucapan terima kasih Kementerian kerana dengan campurtangan beliau sebagai Wakil Rakyat kawasan Ulu Terengganu, maka banyak perkara-perkara telah dapat diselesaikan dan perkara-perkara yang mungkin akan menjadi besar telah dapat dibereskan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Pengerusi, perkara perbezaan nilai, perbezaan kebudayaan, perbezaan bahasa, malah tak faham bahasa ini adalah satu perkara yang biasa tetapi sukalah saya menyatakan di sini bahawa kedua-dua pihak malah pihak syarikat luar negeri yang berkenaan telah pun berusaha dengan sedaya upaya untuk memahami keadaan tempatan, kebudayaan tempatan dan nilai-nilai yang dipegang oleh pekerja-pekerja mereka dan hasil daripada usaha dan ikhtiar mereka untuk memahami dan mengerti nilai-nilai pekerja-pekerja tempatan tersebut telah banyak mengelakkan daripada berlakunya perkara-perkara yang kurang diingini.

Tuan Pengerusi, berhubung pula dengan soal-soal pekerjaan tentang perbezaan gaji kalau ada, tentang soal pembuangan kerja dan sebagainya, soal-soal yang berhubung dengan pekerjaan, sukalah saya menyatakan di sini bahawa kita mempunyai jentera-jentera yang sudahpun ada di mana pekerja-pekerja yang kurang puas hati di atas tindakan majikan mereka boleh merujuk perkara itu kepada dan melalui jentera-jentera ini supaya penyelesaian dan keputusan yang adil dapat diperbuat dan diambil.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*).

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat minta penjelasan. Dia beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata bahawa ada jentera-jentera untuk selesai masalah-masalah yang sudah timbul dan akan timbul di Projek Haidro Elektrik di Kenyir dan bahawa di sana banyak masalah sudah diselesaikan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa penyelesaian masalah-masalah itu bukanlah satu penyelesaian yang di mana pihak pekerja-pekerja merasa puas hati, khususnya usaha-usaha Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu ialah bagi pihak Hyundai dan sebab itu baru-baru ini, dua-tiga minggu lalu mereka ada datang untuk buat komplek, datang dari jauh daripada Terengganu oleh kerana mereka ada berjumpa pihak-pihak yang berkuasa, pergi jumpa Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu dan beliau kata tak mahu hirau lagi, dan mereka kata kalau tak mahu hirau, mereka mahu datang ke Kuala Lumpur untuk harap perkara ini boleh dibawa ke Parlimen?

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sebaiknya sendiri pergi siasat perkara ini? Saya sangat suka hati bahawa tidak ada usaha untuk nafikan dakwaan-dakwaan dan komplek-komplek tadi yang saya ada bawa tetapi adakah masalah ini sebenarnya telah diselesaikan?

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Tuan Pengerusi, saya telah cuba menyatakan tadi ada dua perbezaan masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja di sana.

Pertama ialah masalah perbezaan nilai kebudayaan, berlainan bahasa dan sebagainya. Ini memanglah tak dapat diselesaikan dan dibereskan oleh jentera-jentera yang menyelesaikan masalah-masalah berhubung dengan pekerja-pekerja.

Yang saya menyatakan tadi bahawa Ahli Yang Berhormat Wakil Rakyat dari Ulu Terengganu telah memainkan peranan yang begitu cemerlang untuk menyelesaikan masalah dari jenis perbezaan tentang nilai, fahaman, bahasa, kebudayaan dan sebagainya. Tetapi tentang satu lagi jenis masalah iaitu tentang soal pekerjaan (conditions of work) dan sebagainya apa yang tak puas hati dengan kerja-kerjanya, itu boleh dikemukakan kepada dan melalui jentera-jentera penyelesaian masalah pekerjaan yang ada di negara kita, ada pegawai buruh, ada tempat-tempat yang berkenaan di mana perkara ini merupakan tempat yang perlu disalurkan dan harus disalurkan oleh mana-mana pekerja juga yang tidak ataupun kurang puas hati atas pekerjaannya. Dan sukacita saya menyatakan di sini bahawa usaha dan ikhtiar Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu itu tidak menyebelah ke mana-mana.

Setakat yang saya tahu, setakat yang saya difahamkan bahawa beliau ada bersifat adil, cuba menyelesaikan masalah tentang nilai, fahaman yang berhubung dengan bahasa, nilai, kebudayaan. Beliau tidak menyebelah ke mana-mana, tidak menyebelah pihak pekerja ataupun pihak majikan.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*).

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat hendak habiskan dahulu atau hendak beri jalan terus. Yang Berhormat Timbalan Menteri beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Pertikaian yang timbul adalah oleh kerana begitu ramai pekerja-pekerja Korea datang ke projek itu di mana sungguhpun kerja-kerja mereka buat itu boleh dilakukan oleh pekerja-pekerja tempatan. Kenapakah pihak yang berkuasa membenarkan begitu ramai pekerja-pekerja Korea datang untuk kerja di sana apabila dilihat jenis pekerjaan itu boleh dibuat oleh

pekerja tempatan dan menafikan pekerja tempatan mendapat pekerjaan, mereka perlu pergi ke Singapura, ke luar negeri pada hal mereka boleh bekerja di tempat sendiri?

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Tuan Pengerusi, setakat yang saya tahu negeri Terengganu tidak merupakan satu negeri yang berlebihan pekerja, maknanya lebih pekerja daripada pekerjaan, malahan pekerjaan mencari pekerja di negeri Terengganu sendiri.

Saya memang akui masalah yang timbul di Projek Kenyir ini ialah masalah ramai pekerja, bukan soal ramai orang Korea tetapi ialah masalah bilangan pekerja yang ramai—beribu-ribu. Waima, kalau pekerja-pekerja itu daripada rakyat Malaysia sekalipun masalah akan timbul oleh sebab banyak bilangan pekerja di projek itu, apatah lagi ditambah dengan pekerja yang berbeza kebudayaan, berbeza nilai, berbeza bahasa dan sebagainya, malah makanan mereka pun berlainan, apatah lagi semakin bertambahlah masalahnya. Tetapi saya akui bahawa punca utama timbulnya masalah ialah kerana pekerja-pekerjanya terlampau ramai, dan ini tidak dapat dielak. Di mana-mana juga satu projek yang memerlukan beribu pekerja . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai masalah kebudayaan dan nilai yang timbul, pihak berkuasa patutlah, dengan izin, amtipate masalah yang akan timbul dan tidak memberi syarahan-syarahan kepada pekerja-pekerja Korea bahawa mereka boleh faham adat-resam orang Melayu, orang Malaysia supaya boleh mengurangkan conflict kebudayaan dan conflict nilai dan tentulah itu tanggungjawab pihak yang berkuasa. Adakah untuk semua projek yang akan datang khususnya di bawah Kementerian berkenaan yang ada

pekerja-pekerja yang ramai daripada Korea dan lain-lain tempat, satu pre-condition bahawa sebelum mereka ini ke sini, baik pun di Korea atau di sini, dengan izin, familiarisation courses yang boleh faham nilai-nilai, kebudayaan-kebudayaan supaya conflict kebudayaan, conflict nilai tidak timbul oleh kerana inilah akan timbul masalah yang begitu banyak?

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Tuan Pengerusi, sukalah saya menyatakan di sini bahawa kita hendaklah menghadapi masalah ini di dalam perspektifnya yang sebenar. Soal yang berlaku, krisis, kalau ini boleh dianggap sebagai krisis, berhubung dengan bahasa, berlainan fahaman, nilai dan sebagainya, ini tidak merupakan satu problem yang begitu besar sehinggakan projek itu terjejas ataupun perkara perlaksanaannya satu-satu projek itu tidak dapat dilaksanakan, tidak. Ianya merupakan suatu masalah tetapi satu masalah yang tidak menjejaskan secara besar-besaran pelaksanaan satu-satu projek itu.

Namun demikian memanglah diakui dan memang disadari bahawa masalah manusia dengan manusia pasti ada, bukan sahaja di antara manusia dengan manusia daripada satu keturunan malah manusia dengan manusia yang berlainan keturunan pun memanglah ada masalah kemanusiaan itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa masalah ini tidak menjejaskan projek ini. Bukankah kos ini ada tiga kali lipat-ganda daripada \$250 juta kepada \$734 juta? Antara sebabnya ialah oleh kerana begitu ramai pekerja-pekerja Korea dibawa ke Kenyir untuk kerja dan antara lain menimbulkan masalah-masalah dengan pekerja-pekerja tempatan? Itu menunjukkan bahawa ada menjejaskan pelancaran projek ini.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Saya akui bahawa ada kenaikan kos projek di Kenyir ini tetapi kenaikan kos itu bukan ada kena-mengena dengan pekerja-pekerja yang datang daripada Korea. Kenaikan kos projek itu adalah disebabkan kenaikan kos bahan-bahan binaan yang telah pun berlaku akhir-akhir ini. Itu yang menyebabkan kenaikan kos, bukan kerana pekerja-pekerja yang datang daripada Korea.

**Tuan Pengerusi:** Seorang lagi Yang Berhormat hendak minta penjelasan!

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan peranan Ahli Parlimen daripada Ulu Terengganu berkenaan masalah pekerja-pekerja tempatan dengan pekerja-pekerja Korea, bolehkah saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa usaha beliau itu telah . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kena beri penjelasan, tidak boleh minta penjelasan daripada dia mengikut peraturan perbahasan di sini.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Saya pun boleh beri penjelasan, Tuan Pengerusi.

Hasil daripada campurtangan beliau dalam pergaduhan baru-baru ini beliau telah dapat mengemukakan pertemuan di antara pekerja-pekerja tempatan dengan syarikat-syarikat Hyundai sendiri dan pekerja-pekerja Hyundai sendiri dan hasil daripada perbincangan dan perundingan ini pihak Hyundai telah bersetuju dengan cadangan-cadangan dan saranan-saranan yang telah dibuat di mana beberapa orang jurutera dan pekerja Hyundai telah dihantar balik ke Korea.

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak benarkan penjelasan itu. Hanya penjelasan daripada yang bercakap sahaja boleh diberi. Sila teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Jawapan saya kepada penjelasan itu ya, ya memang benar. Inilah yang saya telah menyatakan tadi bahawa peranan Yang Berhormat dari Ulu Trengganu telah pun dapat banyak menyelesaikan masalah. Malah saya telah merakamkan ucapan terima kasih Kementerian kepada beliau di atas usahanya yang begitu baik dan sekali lagi saya suka menegaskan di sini dalam soal ia menyelesaikan satu masalah itu ia tidak berbelah ke manamana. Ia tidak berbelah kepada pihak pekerja, ia tidak berbelah kepada pihak syarikat tetapi cuba menyelesaikan masalah dengan seberapa adil yang boleh dan saya ucapkan terima kasih di atas usahanya itu.

*(Dua Ahli Yang Berhormat bangun).*

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap. Yang itu bangun dahulu.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Saya ingin bertanya, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak benarkan pertanyaan. Yang Berhormat boleh memberi penjelasan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tentang kenaikan kos ini, setahu saya ada tuntutan daripada Korea. Tetapi kalau satu-satu projek yang dituntut dengan kos itu tidak mesti pihak LLN membayarnya, jadi setahu saya ada tuntutan tetapi LLN tidak bercadang untuk membayar kerana kos yang diminta itu adalah tidak daripada permintaan daripada LLN.

Yang kedua, bahawa berapa kali Wakil daripada DAP menyelesaikan masalahnya? Saya tahu oleh kerana Wakil dari Ulu Terengganu ini setahu saya tiap-tiap minggu dia balik dan pernah menimbulkan dalam Parlimen ini perkara ini berkenaan dengan pekerjaan, drivernya dan berbagai masalahnya. Tetapi berapa kali Wakil daripada Kota Melaka, Wakil DAP sampai ke tempat itu? Saya sudah dua kali, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Saya ingat eloklah jangan teruskan perkara berkenaan dengan Wakil dari Ulu Terengganu itu dengan kerana kita tidak ada masa. Sila teruskan.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Jadi tidak payahlah saya . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Sudah cukuplah!

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Saya minta maaf kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan dari Pasir Puteh, kerana saya tidak dapat menjawabnya kerana hendak mengelakkan daripada masalah kekurangan masa.

Tuan Pengerusi, eloklah beredar sekarang daripada perkara itu kepada suatu yang lain pula iaitu berhubung dengan soal mini-hydro yang banyak telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah berucap sebentar tadi. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa projek mini-hydro ini adalah merupakan suatu punca mendapatkan tenaga elektrik. Beberapa tahun dahulu oleh kerana kenaikan harga minyak dengan secara melambung maka projek mini-hydro iaitu suatu projek yang mendapatkan kuasa elektrik melalui air merupakan suatu cara yang lebih murah daripada menggunakan minyak. Maka dengan hal demikian, Kementerian saya telah pun berusaha dan memulakan beberapa projek mini-hydro untuk

mengurangkan kos perbelanjaan penjana kuasa elektrik tetapi akhir-akhir ini harga minyak sudah pun turun dan projek mini-hydro ini tidaklah merupakan satu projek yang lebih murah lagi daripada penjana kuasa elektrik melalui penggunaan minyak ataupun bahan-bahan yang lain. Lagipun akhir-akhir ini negara kita menghadapi masalah kekurangan wang, maka bilangan mini-hydro terpaksa dikurangkan dari segi pembinaan.

Sehubungan dengan ini, Tuan Pengerusi, sukalah saya menyatakan oleh kerana mini-hydro ini merupakan satu projek untuk sumber tenaga elektrik di samping sumber-sumber yang lain maka lazimnya ia dibina ataupun projek ini diletakkan, di "site"kan berhampiran dengan National Grid supaya kuasa elektrik yang dijanakan oleh mini-hydro ini dapat disambung melalui National Electricity Grid kita dan dipergunakan oleh pengguna-pengguna di seluruh negara tetapi memanglah ada di tempat-tempat di mana mini-hydro ini dibina khas untuk sekumpulan kampung sahaja dan tidak disambungkan dengan National Electricity Grid kita yang ada.

Tuan Pengerusi, dari segi projek mini-hydro ini 22 rancangan ada peruntukannya tetapi 82 rancangan cuma ada wang token sebanyak \$10 sahaja maka adalah diharapkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keempat ini maka sedikit bantuan kewangan dapat diberikan kepada Kementerian supaya kalau tidak seluruh pun sebahagian daripada 82 rancangan mini projek akan dapat dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, saya pergi pula kepada Yang Berhormat dari Ulu Muda yang telah membangkitkan berbagai-bagai perkara. Saya cuma dapat menyentuh satu perkara di sini sahaja berhubung dengan kekurangan posman. Saya akui bahawa Jabatan

Pos memang menghadapi kekurangan posman dan berhasrat besar sangat untuk menambahkan bilangan pekerja-pekerja pos kita untuk membaiki lagi khidmat mereka daripada yang ada sekarang tetapi malangnya sepertimana Yang Berhormat dari Ulu Muda sedia maklum dalam Anggaran Belanjawan ini bilangan pekerja Jabatan Pos tidak ada pertambahan seorang pun, ini adalah disebabkan kita semua sedia maklum. Oleh hal yang demikian, saya mohon maaf sekiranya kekurangan posman terutamanya sekali di kawasan Yang Berhormat tidak dapat diatasi.

Berhubung dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Seremban yang meminta supaya Kerajaan menyasiat suatu punca tenaga lagi iaitu daripada matahari (solar electrification). Sukalah saya menyatakan di sini bahawa Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos memang ada pengkajian dan penyiasatan atas soal ini dan suatu projek solar electrification sedang berjalan di Pulau Langkawi dan masih lagi berjalan dan kita sedang mengkajinya tetapi daripada maklumat-maklumat yang dapat diperolehi setakat ini bahawa perbelanjaannya adalah agak besar dan mungkin ianya merupakan satu projek cost prohibitive dari segi menggunakan tenaga matahari untuk memberi bekalan elektrik kepada pengguna-pengguna.

Tetapi dalam suatu lagi projek yang juga sedang berjalan sekarang iaitu menggunakan sekam padi. Sukalah saya menyatakan ini nampaknya daripada petanda-petanda yang ada amat menggalakkan tetapi penajaan kuasa elektrik menggunakan sekam padi ini cuma boleh ditempatkan di mana ada sekam, di mana senang diperolehi sekam padi. Kalau dibuat di tempat berjauhan daripada

terdapatnya sekam padi ini maka projek itu mungkin merupakan satu projek yang agak tidak viable lagi.

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini Yang Berhormat dari Seremban telah menyatakan bahawa bayaran elektrik kita begitu mahal, suka saya menyatakan di sini bahawa dari segi perbandingan (comparative) elektrik kita tidaklah begitu mahal dan sehubungan dengan itu suka saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan memberi subsidi yang begitu banyak dari segi pembekalan elektrik untuk pengguna-pengguna terutama sekali pengguna elektrik di luar bandar.

Tuan Pengerusi, izinkan saya merujuk kepada Butiran 4100, Pecahan (2) yang menunjukkan subsidi kepada Lembaga Letrik Negara sebanyak lebih daripada \$60 juta, subsidi kepada pelesen-pelesen awam, subsidi ke atas kerugian stesen diesel dan stesen elektrik luar bandar dan diskaun sebanyak 20% ke atas penggunaan elektrik oleh industri besar. Ini harus kita sedar bahawa Kerajaan telah pun memberi subsidi yang begitu besar kepada pengguna-pengguna terutama pengguna-pengguna di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya amat berdukacita kerana mendengar ucapan Yang Berhormat dari Seremban seolah-olah menyatakan bahawa Jabatan Pos kita begitu terkebelakang, begitu jauh tinggal ke belakang dalam era moden ini. Saya fikir beliau agak ketinggalan masa di dalam perkara ini dan tidak mengikuti perkembangan Jabatan Pos dan juga Jabatan Telekom negara kita ini. Kita perlu sahaja melihat Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur di Projek Daya Bumi dan saya syorkan Yang Berhormat dari Seremban, kalau ada masa, untuk berhenti sebentar dan melawat Pejabat Pos kita di situ dan beliau akan dapat melihat betapa modennya Pejabat Pos kita itu malah

boleh dikatakan merupakan satu-satunya Pejabat Pos yang termoden di rantau kita ini. Dan baharu sahaja di Dewan yang mulia ini sebelum Yang Berhormat dari Seremban menjadi anggota Dewan ini kita telah meluluskan satu undang-undang untuk memperkenalkan suatu khidmat yang baharu (facsimile) yang merupakan satu lagi khidmat yang menggunakan teknologi moden bagi kemudahan rakyat keseluruhannya. Dan beliau juga menanyakan tentang soal perbelanjaan sebanyak \$650 juta berhubung dengan Jabatan Telekom.

Perkara ini juga telah dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, sukalah saya menyatakan bahawa setakat ini telefon kita cuma ada 700,000 keseluruhannya daripada zaman dahulu hingga sekarang, line kita cuma sebanyak 700,000 sahaja. Dalam masa dua tahun Kementerian bercadang dan Kerajaan telah mempersetujui untuk meningkatkan bilangan ini daripada 700,000 kepada 1.4 juta lines, bermakna 100% peningkatan dalam masa lebih kurang dua tahun dan perbelanjaannya akan menelan belanja sebanyak lebih daripada \$2 billion, maka inilah sebahagian daripada \$2 billion diperlukan untuk menjadikan bilangan telefon kita dalam masa dua tahun sahaja sebanyak 1.4 juta lines. Insya Allah, penghujung tahun 1985 seseorang yang memohon di Malaysia kita ini cuma menunggu lebih kurang sebulan dan harapan kita ialah tidak ada penunggu lagi (no waiting list). Pada penghujung tahun 1985 tidak ada lagi sesiapa yang akan menunggu untuk mendapatkan telefon di negara kita ini, insya Allah.

Kementerian yakin dan percaya dengan kelulusan bantuan kewangan daripada Kerajaan, insya Allah, kita akan dapat melaksanakan hasrat dan cita-cita Kerajaan ini supaya pada

penghujung tahun 1985 tiada lagi senarai penunggu untuk mendapat telefon di negara kita.

Memanglah pada hari ini masalahnya banyak sepertimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Padang Rengas, dari Sungai Besi, dari Batu Pahat yang menyatakan kadangkala bila kita telefon ada suara lain di dalam telefon ini. Ini memang diakui kerana alat-alat telefon kita yang ada sekarang ini sudah overburdened, telah lebih dibebankan. Oleh hal yang demikian apabila sampai ke masa peak period di mana orang ramai menggunakannya maka itulah berlaku cross line. Kadangkala kita dengar orang bercakap dalam kita hendak menelefon itu kerana line-line kita di waktu peak periodnya adalah lebih dibebankan daripada tanggungannya. Tetapi pada waktu biasa lebih-lebih lagi di waktu orang kurang menggunakan telefon, tiada berlaku masalah cross line ini.

Walau bagaimana pun, insya Allah, pada tahun 1985 kelak cross line ini adalah merupakan cerita yang lama, sejarah sahaja. Insya Allah, tidak akan berlaku lagi. Saya akulah perkara-perkara seperti cross line tadi, tidak dapat hendak menghubungi orang lain di setengah-setengah tempat, ini semua memang ada berlaku di tempat kita. Tetapi, insya Allah, dengan perbelanjaan lebih daripada \$2 billion dalam masa dua tahun ini segala-gala masalah ini akan dapat diatasi dan akan menjadi sejarah semata-mata di dalam perkhidmatan telefon kita.

Tuan Pengerusi, berapa minit lagi boleh diberi kepada saya?

**Tuan Pengerusi:** Lima minit.

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Oleh kerana banyak sebenarnya yang hendak

dijawab, kerana Yang Berhormat-Yang Berhormat banyak menyebutkan masalah-masalahnya, tetapi saya yakin dan saya percaya Yang Berhormat-Yang Berhormat tidaklah memerlukan saya menjawab sepertimana yang telah saya nyatakan tadi, semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan telah pun saya catat dan pegawai-pegawai daripada Kementerian pun ada mencatat segala-galanya dan apa jua yang disarankan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan ini telah pun diambil perhatian dan, insya Allah, akan diambil tindakan dengan seberapa cepat yang boleh. Masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Larut pun, insya Allah, sudah pun diambil perhatian. Cuma dalam masa yang tinggal tiga minit sahaja lagi, saya hendak bercakap satu perkara sahaja lagi berhubung dengan masalah Telefonis yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batu Pahat berhubung dengan mengapa Telefonis wanita terpaksa bekerja malam.

Saya cuba menjawabnya dengan seberapa cepat yang boleh. Sebagaimana yang diketahui umum Jabatan Telekom Malaysia memberi perkhidmatan 24 jam sehari dan dengan itu Telefonis-telefonis berkhidmat 24 jam sehari mengikut shift.

Memandangkan kepada kedudukan sosial di negeri ini sudah jadi amalan Jabatan Telekom sejak daripada pemerintahan Inggeris lagi Telefonis lelaki dikehendaki berkhidmat di waktu malam dari 6 petang hingga 7 pagi dan Telefonis wanita berkhidmat di waktu siang dari 7 pagi hingga 6 petang. Oleh kerana perbezaan syarat perkhidmatan ini maka Telefonis lelaki yang berkhidmat di waktu malam dari pukul 10.00 malam hingga 6.00 pagi dibayar elaun gelap (dark allowance). Amalan ini telah berjalan sebegitu lama sehingga . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada permintaan mengatakan tidak cukup korum.

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Oleh kerana masa sudah tinggal dua minit lagi . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ini tidak cukup korum. Ada sebutan tidak cukup korum. Minta bilang.

*(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir).*

**Tuan Pengerusi:** Sekarang sudah ada 44, sudah cukup korum. Sila teruskan.

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Terima kasih.

**Tuan Daud bin Dato Haji Taha:** Tuan Pengerusi, saya rasa dalam korum ini cuma ada seorang sahaja Ahli DAP, yang lain semuanya cukup. Tidak ada kerja lainkah DAP?

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak benarkan penjelasan. Sila duduk. Saya minta Timbalan Menteri menjawab.

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Tuan Pengerusi, DAP seorang pun hendak kacau dalam korum ini.

Amalan elaun gelap tadi telah pun dibatalkan. Pembatalan elaun ini adalah selaras dengan keputusan Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai perubahan gaji pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam dan badan-badan berkanun.

Sejak dari tarikh itu pihak Jabatan Telekom Malaysia telah menerima beberapa rayuan daripada Telefonis lelaki dan juga perwakilan daripada Kesatuan Sekerja Telekom yang memohon supaya perkara ini diberi pertimbangan semula. Beberapa rayuan telah dibuat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam tetapi tidak berhasil oleh kerana penarikan balik

elaun ini adalah juga melibatkan perkhidmatan-perkhidmatan lain selain daripada Telekom. Sebaliknya Jabatan Perkhidmatan Awam bercadang supaya kerja campuran diadakan. Tetapi cadangan ini tidak dipersetujui oleh Jabatan Telekom Malaysia.

Kedudukan ini memuncak apabila Yang Berhormat Menteri mengadakan dialog dengan Telefonis-telefonis di ibu pejabat, Jabatan Telekom Malaysia. Dengan itu Yang Berhormat Menteri mengatakan Kementerian mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini. Satu mesyuarat telah diadakan dengan Jabatan Telekom Malaysia. Mesyuarat telah memutuskan bahawa bagi langkah-langkah sementara waktu, waktu bertugas hendaklah bergilir antara lelaki dan wanita tanpa dicampur-adukan, sekiranya keputusan itu tidak dapat dilaksanakan JTM dikehendaki mengaki suatu cara mana Telefonis wanita dan lelaki bekerja bersama-sama tetapi tempat bekerja dipisahkan supaya ada ruangan tertentu dikhaskan untuk wanita dan lelaki.

Sistem menghadkan Telefonis wanita sahaja bertugas di waktu malam tidak dapat dilaksanakan oleh kerana kekurangan Telefonis lelaki. Selain daripada itu Telefonis wanita mengikut skim yang sama tidak dikehendaki bertugas di waktu malam. JTM selanjutnya mencadangkan supaya pada masa akan datang Telefonis wanita sahaja akan diambil bekerja dengan JTM. Bagi Telefonis lelaki yang masih berkhidmat, mereka diserapkan ke dalam perkhidmatan Pegawai Kerani Rendah. Beberapa jawatan Kerani tingkatan biasa ditukarkan menjadi Kerani Rendah. Perkara ini sekali lagi dirujuk kepada JPA tetapi JPA sekali lagi telah menolak permohonan ini dengan alasan-alasan yang menasabah.

Selanjutnya JPA mencadangkan supaya kerja giliran sepanjang malam diaturkan dengan cara tidak hanya dihadkan kepada telefonis lelaki sahaja bahkan merangkumi juga telefonis wanita. Cara ini dianggap menasabah kerana tanggagaji telefonis lelaki dan wanita adalah sama dan mereka menjalankan tugas-tugas yang serupa. Kementerian telah pun mengarahkan JPM supaya melaksanakan cadangan yang dibuat oleh JPA itu.

Berhubung dengan keselamatan telefonis wanita semasa pergi dan pulang bertugas malam, Kementerian saya berpendapat masalah ini boleh diatasi dengan Jabatan Telekom mengadakan pengangkutan bagi mengangkut dan menghantar mereka.

Berkenaan dengan masalah suasana bekerja pula, Jabatan Telekom mungkin dapat mengatasinya dengan mengadakan bilik telefonis yang berasingan iaitu satu bagi telefonis wanita dan satu lagi bagi telefonis lelaki. Tindakan sekarang sedang diambil untuk melaksanakan cadangan tersebut mengadakan telefonis wanita berkhidmat di waktu malam dan di mana perlu diadakan shift yang berasingan daripada telefonis lelaki. Cadangan tersebut, Tuan Pengerusi, akan dikuatkuasakan mulai dari 1hb Januari, 1984 bermula dengan semua ibu sawat di Kuala Lumpur dan Kuantan. Peraturan ini akan diluaskan ke tempat-tempat lain dari semasa ke semasa.

Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$66,981,000 untuk Maksud B. 59; \$10 untuk Maksud B. 60 dan \$148,620,800 untuk Maksud B. 61 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$66,981,000 untuk Maksud B. 59; \$10 untuk Maksud B. 60 dan \$148,620,800 untuk Maksud B. 61 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$657,230,150 yang disebutkan dalam Maksud P. 59; \$650,000,000 untuk Maksud P. 60 dan \$14,509,040 untuk Maksud P. 61 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$657,230,150 untuk Maksud P. 59; \$650,000,000 untuk Maksud P. 60 dan \$14,509,040 untuk Maksud P. 61 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1984

*Maksud B. 62 (Jadual)—*

*Maksud P. 62 (Anggaran Pembangunan, 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B. 62 dan Maksud P. 62 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Labis.

6.12 ptg.

**Tuan Bahari bin Haron (Labis):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B. 62 muka surat 613, Butiran 1100, Program (2) Perkhidmatan Pencegahan dan Pemulihan.

Tuan Pengerusi, saya menarik perhatian Dewan ini kepada laporan-laporan dalam akhbar mengenai penganiayaan kanak-kanak ataupun dengan izin "child abuse" dan masalah ini menjadi buruk disebabkan oleh tidak ada perhatian berat ataupun

kurang perhatian berat yang sepatutnya diberikan mengenai masalah ini oleh kerana kadangkala pihak-pihak tertentu mensifatkan masalah ini sebagai masalah keluarga di mana campurtangan daripada pihak-pihak tertentu dianggap sebagai campurtangan dalam masalah keluarga. Jadi saya berharap pihak Kementerian dapat memberikan perhatian yang berat dalam perkara ini, kalau perlu diadakan undang-undang yang lebih setimpal dengan jenayah yang dilakukan terhadap kanak-kanak ini haruslah diadakan undang-undang yang semestinya.

Perkara yang kedua yang ingin saya sentuh dalam Program (1) ialah mengenai nasib orang-orang tua yang kebanyakannya tidak lagi dapat memberikan sumbangan-sumbangan yang produktif kepada negara dan kebanyakan anak-anak hari ini lebih suka melihat orang tua mereka duduk di Rumah-rumah Kebajikan, di Rumah-rumah Orang Tua sehingga menjadikan satu bebanan berat kepada pihak Kerajaan. Apa yang perlu kita lakukan pada pendapat saya ialah diwajibkan anak-anak supaya menanggung orang-orang tua mereka, kalau perlu diadakan undang-undang seperti yang telah dijalankan kalau tidak salah saya di negara Singapura di mana anak-anak yang mempunyai ibu dan bapa yang telah meningkat umur mereka diwajibkan supaya bertanggungjawab ke atas kebajikan, ke atas kehidupan ibu bapa mereka.

Tuan Pengerusi, Program (b) Perkhidmatan Orang Cacat. Ini juga merupakan satu perkara penting yang harus diberikan pandangan yang berat kerana sungguh pun terdapat mereka yang dilahirkan cacat tetapi sebagaimana kita ketahui potensi mereka untuk menyumbangkan terhadap produktiviti negara adalah besar, misalnya, orang-orang buta dapat kita ajar dan latih mereka memberikan khidmat bakti mereka kepada negara. Begitu juga mereka

yang cacat anggota-anggota yang lain juga dapat kita latih mereka itu di dalam berbagai-bagai lapangan dan berbagai-bagai bidang supaya mereka dapat berdikari dan tidak bergantung kepada masyarakat umum untuk hidup.

Jadi itulah sahaja, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan saya menyokong atas Maksud Bekalan ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

6.17 ptg.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad (Tumpat):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bismillahir-rahmanir-rahim.

**Tuan Pengerusi:** Bismillahir-rahmanir-rahim itu kata dahulu, barulah terima kasih.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Kadang-kadang, Tuan Pengerusi, perlu disebut dahulu.

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap pendek sahaja berkenaan dengan B. 62 muka surat 615 Program Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak yang berhubung dengan Perkhidmatan Orang-orang Tua.

Tuan Pengerusi, telah menjadi suatu tradisi, amalan dan tanggungjawab kepada kita orang-orang Islam dan orang-orang Timur ini di mana anak-anak adalah bertanggungjawab menjaga ibu bapanya sebagaimana ibu bapa menjaga anak-anak mereka. Kalau kita melihat kepada tradisi ini terasanya Rumah-rumah Orang Tua tidak perlu wujud tetapi nampaknya Rumah-rumah Orang Tua ini perlu wujud kerana tradisi dan budaya yang seumpama itu telah mulai luntur, mulai berkecai dan hampir tidak dihormati lagi.

Dalam hubungan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong sahabat saya dari Labis yang baru bercakap sebentar tadi, yang mencadangkan supaya diwajibkan anak-anak memberi suatu tanggungan yang wajib kepada ibu bapanya melalui undang-undang.

Dalam hubungan ini saya ingin menambah satu lagi memohon dapat kiranya pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat supaya dan budi bicara yang ada di Kementerian yang berkenaan dapat berunding dan berkira dengan pihak Kementerian Kewangan iaitu Perbendaharaan supaya potongan tanggungan ibu bapa itu hendaklah dijadikan sebagai potongan yang dilakukan kepada isteri dan anak-anak.

Dalam potongan cukai pendapatan (income tax) pekerja-pekerja kita di Malaysia ini nampak sangat seolah-olah kita melupakan suatu tanggungjawab yang besar yang mesti dipikul oleh setiap orang iaitu terhadap ibu bapa dan kita, kita meletakkan tanggungjawab nafkah ini hanya kepada isteri dan anak-anak semata-mata dengan melupakan langsung soal ibu bapa.

Sekiranya potongan tanggungan itu ada di dalam senarai pemotongan cukai pendapatan maka sudah tentu menampakkan penglibatan kita dalam perkara-perkara yang seumpama ini dan saya mohon supaya Kementerian Kebajikan Masyarakat dapat menggunakan budi bicaranya untuk menyelesaikan perkara ini.

Yang kedua, dalam hubungan yang sama Negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah yang pada suatu masa dahulu lahir pondok-pondok yang banyak. Institusi pondok di Kelantan dalam tahun 50an dan 60an boleh dikatakan hampir setiap mukim ada institusi pondok itu di mana ada pelajar-pelajarnya, ada

orang-orang kelamin dan ada orang-orang tuanya yang hidup secara berkumpul di dalam satu kawasan dan di tengah itu ada rumah tok guru dan ada madrasah. Hari ini institusi pondok itu masih kekal, masih ada cuma yang tidak ada pelajar-pelajarnya. Dan institusi pondok hari ini lebih merupakan satu tempat di mana masyarakat kita yang berada di luar bandar di tempat itu melakukan bersembahyang jemaah setiap lima kali dan belajar fardhu 'ain.

Di dalam masalah menyelesaikan kebijakan orang-orang tua ini, saya rasa menubuhkan rumah orang tua terutama sekali rumah-rumah orang tua Islam dalam suasana bentuk yang ada hari ini dalam meletakkan mereka macam di suatu asrama yang tidak mempunyai suatu kerja kebijakan dan amal soleh yang benar-benar menepati kehendak Islam, merasakan suatu kerugian dan kekeciwaan yang besar kepada orang-orang tua berkenaan. Rasanya adalah elok kalaulah institusi-institusi pondok yang seumpama ini atau pondok-pondok yang sudah ada itu diberi bantuan dan diperbaiki, diletakkan orang-orang tua kita di situ yang tidak mempunyai keluarga.

Ramai orang-orang tua kita yang tidak mempunyai keluarga rasa tidak patut diletakkan di rumah-rumah orang tua yang ada dalam bentuk sekarang, patut dibuat dalam bentuk institusi pondok itu di mana mereka ini di samping mendapat bantuan daripada Jabatan Kebijakan Masyarakat, mereka juga dapat menunaikan amalan-amalannya dengan sempurna di madrasah dan di pondok yang sudah pun wujud di situ. Dan pihak Kementerian dapat memberi bantuan sagu hati bulanan \$30-\$40 atau \$50 dan tidak perlu menyediakan masakan, tidak perlu menyediakan tukang masak, tukang dobi dan sebagainya, kerana cara hidup mereka di institusi pondok itu mempunyai satu tradisi yang tersendiri

dalam bentuk kejasama, gotong-royong dan bermesyuarah, bermuafakat—ada. Dan kalau benda-benda ini dapat dibuat maka kita dapat beberapa keuntungan. Selain daripada menghidupkan institusi yang sudah ada, kita juga dapat membantu orang-orang tua kita dalam kerja-kerja amal ibadat mereka.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan orang tua ini juga saya nampak bantuan-bantuan yang diberi kepada orang-orang yang benar-benar susah dan orang-orang tua di negeri-negeri, bantuan yang diberi itu hanya agak sulit dan saya sentiasa nafikan kalau orang kata bahawa ini hanya sebagai melepaskan batuk di tangga. Tetapi untuk hendak membuktikan bahawa ini tidak sebagai melepaskan batuk di tangga pun agak sulit; kerana pemberian yang tangga pun agak sulit; kerana pemberian yang diberikan itu agak tidak begitu mencukupi dan kadang-kadang menyebabkan mereka ini keluar meminta sedekah. Tetapi apabila keluar meminta sedekah timbul pula kena tangkap dan sebagainya. Perkara ini boleh selesai segala-galanya kalau institusi pondok sebagaimana yang saya cadangkan itu dapat diselesaikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

*6.28 ptg.*

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Alhamdulillah kepada Tuhan seru sekalian alam. Salawat dan Salam kepada Junjungan Nabi Besar Muhammad s.a.w. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Bekalan B. 62, Kementerian Kebijakan Masyarakat, Butiran 1400, Program (1) Pentadbiran Am.

Memandangkan kepada peruntukan sebanyak \$4,898,110 bahawa peruntukan ini tidak juga dikatakan

sedikit, boleh dikatakan patut, sebab \$44 juta ini kalau kena digunakan, dibahagi atau kena caranya boleh mencukupi dan boleh memadai. Tetapi kalau tidak kena disalurkan walaupun lebih lagi daripada itu sampai \$400 juta sekalipun boleh jadi tidak cukup.

Memandangkan kepada kemiskinan dan kefakiran dalam negara kita hari ini masih ada, kefakiran dan kemiskinan 30% ataupun 35% khasnya terdiri daripada bumiputra, maka apakah cara-cara rasa saya untuk mengatasi perkara ini supaya peruntukan ini agar dapat dicukupkan.

Sebagaimana apa yang ada sekarang rasa saya wang ini boleh dinamakan sebagai wang hangus, ataupun peruntukan hangus sebab peruntukan ini akan habis begitu sahaja dan tidak akan balik lagi duitnya. Maka tidakkah Kementerian Kebajikan Masyarakat memikirkan apakah caranya supaya daripada jumlah peruntukan yang diberi tiap-tiap tahun agar dapat diperkembangkan dengan secara yang dibolehkan oleh peraturan dan undang-undang seperti Kementerian menubuhkan satu yayasan dinamakan Yayasan Kebajikan Masyarakat, misalnya. Itu sekiranya dibolehkan atau diizinkan oleh undang-undang atau pentadbir, sebab apabila ditubuhkan Yayasan barulah peruntukan ini dapat dibesarkan, dapat dirollingkan. Kalau tidak peruntukan ini akan hangus begitu sahaja.

Masalahnya yayasan ini boleh memperkembangkan dari peruntukan ini dan diserahkan kepada tokoh-tokoh pakar perniagaan yang bijak untuk mentadbirkan yayasan yang tersebut supaya wang peruntukan itu dapat diniagakan seperti membeli harta untuk dijadikan modal dasarnya.

Lagi pula dapat diperkembangkan dari jumlah wang yang diberi peruntukan itu boleh menjadi

perkembangan yang lebih besar faedahnya iaitu untuk meningkatkan daripada peuntukan yang sedia ada dan dapat diperluaskan lagi daripada kedudukan dan perjalanan yang telah berjalan selama ini.

Banyak didapati estet-estet yang hendak dijual yayasan boleh beli, projek-projek yang hendak diwujudkan oleh yayasan diselenggarakan, jadi diperkembangkan wang ini tentulah Kementerian sendiri tidak dibenarkan berniaga itu sebab ditubuhkan yayasan. Peluang-peluang laburan banyak, bolehlah yayasan ini melaburkan, maka dari perkembangan wang ini dapat meningkatkan mutu dan perkembangan yang lebih daripada kedudukan yang ada. Maka dari keuntungan-keuntungan yang didapati itu dapatlah dipertingkatkan pembahagian-pembahagian yang lebih istimewa kepada fakir-fakir miskin yang patut diberi oleh pihak Kerajaan, tidaklah sebagaimana apa yang ada sekarang.

Apa yang ada sekarang ini hanya setengah-setengah dari fakir miskin yang menerima bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya sekadar sugu hati yang tidak dapat sekali-kali menampung hidup mereka dengan kehidupan yang mencukupi misal kata orang fakir miskin menerima \$60 sebulan, yang \$60 sebulan itu sebenarnya ini ada di antara fakir miskin dia tidak dapat kerja langsung mengharapkan \$60 itulah, ada pula isteri. Jadi \$60 sebulan itu yang dapat \$60 tinggi pun tinggilah itu, memang tidak cukup, maka terpaksa minta sedekah sebagaimana apa yang disebutkan oleh wakil daripada Tumpat tadi memang benar banyak yang pergi minta sedekah, tetapi tidaklah secara macam dahulu-dahulu kerana dia takut kena tangkap, ada setengahnya pergi minta sedekah di Thailand.

Saya jumpa sendiri orang pergi minta sedekah di Thailand iaitu orang buta. Saya bertanya kenapa pergi minta sedekah di Thailand? Katanya kerana di sini kena tangkap. Jadi apabila sahaja misal kata di Thailand berjumpa fakir miskin kita amat malu kerana sepatutnya orang-orang fakir miskin daripada Thailandlah datang minta sedekah di negeri kita, bukan kita pergi minta sedekah di negerinya kerana kedudukan negara kita, kemajuan dan sebagainya boleh dikatakan negara kita adalah lebih daripada mereka.

**Tuan Pengerusi:** Macamana dia pergi ke Thailand itu?

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Dia pergi minta sedekah.

**Tuan Pengerusi:** Ya, macamana dia pergi.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Dia pergi berjalan.

**Tuan Pengerusi:** Jalan kaki?

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tidak, dia naik bas, naik keretapi.

**Tuan Pengerusi:** Naik keretapi?

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Duit banyak, naik bas, naik keretapi.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Orang yang saya jumpa ini ialah orang daripada Kelantan iaitu sempadan Besut. Ini betul-betul.

**Tuan Pengerusi:** Betul-betul dia punya profesion sebagai peminta sedekah. (*Ketawa*).

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Ini kesemuanya disebabkan tidak mencukupi.

Saya pun bertanya adakah tidak dapat bantuan daripada kebajikan masyarakat? Dia kata ada. Berapa sebulan? \$60 sebulan—tidak cukup

\$60 sebulan. Dia ada isteri dan saya berkata pergilah jumpa kepada Yang Berhormat Wakil Pasir Puteh, minta maaf, minta surat rekomen daripada dia dan katakan saya cakap, katakan padanya tidak cukup, barangkali sudah ada jumpa agaknya orang itu pada Yang Berhormat Wakil Pasir Puteh. Maka dalam cadangan saya ini ialah tidak lain, tidak bukan untuk meningkatkan lagi kedudukan peruntukan yang diberi oleh Kerajaan dalam peruntukan kebajikan masyarakat ini. Dan lagi ada baiknya supaya pengelola-pengelola yang menjalankan tugas ini tidaklah bergantung kepada kakitangan Kerajaan semata-mata, dan dengan adanya secara yayasan ini dapatlah memberi sebenar-benarnya perhatian terhadap tujuan matlamat yang dimaksudkan oleh Kerajaan. Saya berpendapat hari orang ini, orang-orang fakir miskin masih banyak di negara kita dan ada di antaranya meminta sedekah dan ada di antaranya menjual bakul di tepi-tepi jalan. Inipun satu.

Saya percaya pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat ada menyediakan latihan-latihan ini termasuk dalam Butiran 1400 juga Program (3), ceraihan (*b*), Latihan dan Kemajuan Kerjaya. Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak boleh dinafikan bahawa ada membuat latihan-latihan kepada orang-orang cacat, misalnya menganyam bakul, raga dan sebagainya. Tetapi oleh kerana tidak ada satu yang merupai yayasan dan sebagainya untuk menyambut apa yang dianyamkan oleh orang-orang cacat tadi, jadi tidak ada siapa yang menyambut membelinya dan terpaksa mereka menganyam, mereka pergi jual sendiri. Di bandar-bandar kita tengok orang-orang buta dengan tongkat mereka gantung bakul, raga selayut di tubuh badan sekelilingnya pergi ke rumah-rumah orang menjual bakul-bakulnya, raga-raganya. Ini rasa saya

disebabkan tidak ada sambutan pembeli yang khas, jadi sepatutnya apa yang diusahakan oleh orang-orang cacat tadi, ada pihak yang menerima, jadi tidak payahlah mereka jaja sendiri dan boleh dieksportkan ke luar negeri apabila banyak. Maka apabila sahaja dieksportkan maknanya pembuatan mereka itu boleh maju dan diusahakan lebih luas lagi, daripada itulah boleh meningkatkan pendapatan mereka dan mereka boleh hidup sebagaimana orang lain juga. Itulah yang saya katakan, kalau hendak mengharapkan itu kepada bantuan ataupun peruntukan yang Kerajaan beri bagaimana boleh mencukupi, rakyat ramai, duit sedikit, maka inilah satu daripada caranya, insya Allah akan dicapai ke matlamat yang lebih baik dan berkesan lagi.

Satu lagi saya ingin menyebutkan di sini tentang muka surat 621, Maksud P. 62, Butiran 1 (v) Program Rumah Orang-orang Tua, Terengganu.

Sebagaimana apa yang disebutkan oleh dua Wakil tadi dari Tumpat dan Labis tentang maknanya rumah-rumah orang tua ini tidak mustahak diadakan atau dikekalkan dan sebagainya, pada pihak saya, saya rasa lebih baik dikekalkan . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Pada pendengaran saya mereka meminta memperluaskan lagi tempat itu, tentang pondok-pondok pun mereka hendak juga rumah-rumah orang tua itu, bukan mereka bercadang batalkan.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Barangkali saya silap dengar.

Saya hendak sebutkan di sini ialah cara-cara membuat ataupun mengadakan rumah-rumah orang tua sebagaimana apa yang telah ada sekarang ialah satu sambutan yang mendapat kepujian dari pihak rakyat, khususnya orang-orang miskin. Maka rasa saya ada lebih baik lagi cara-cara ini kalau di Terengganu khususnya, cara yang ada sekarang dibuat rumah itu

sebuah-sebuah, kemudian di antara orang-orang miskin ini pula ada yang berdengki; si polan dapat, si polan tak dapat, membawakan marah fasal si polan dapat, yang dia tak dapat; sayapun miskin juga, saya pun susah katanya. Maka rasa saya sebelum diberi bantuan untuk membuat rumah ini terlebih dahulu pihak penyiasat-penyiasat itu dapat siasat dalam kampung itu ada berapa orang yang semacam. betullah, misalnya.

Kalau misalan 10 orang, jadi kesepuluh orang itu dapat diberi semua atau tak beri semua, tak apa juga. Kalau beri, beri semua dalam kampung itu; kalau tak beri, tak beri semua yang setaraf secara umpama kefakirannya yang semacam itu, sebab beri sebiji ini membawa kepada yang lain-lain marah. Jadi seorang sahaja puji kepada Kerajaan, yang lain marah belaka fasal tak dapat.

Samalah misal kata subsidi bilik air diberi oleh Kerajaan; orang kata, orang itu sahaja pandai buang air di bilik air yang Kerajaan beri, saya tak pandai? Itu langkah berdengki. Jadi untuk hendak mengelakkan itu, tengoklah berapa orang yang dapat diberi semua ataupun tidak. Maka rasa saya rumah itu semolek-moleknya dapat dibuat secara teres, belanja pun sedikit dan boleh pula kumpulan orang tua-tua tadi boleh duduk dekat-dekat, tidaklah sana seorang, sini seorang dan sebagainya. Kalau sana seorang, sini seorang, sakit demam susah juga.

Maka rasa saya sekadar itu sahajalah yang dapat saya memberi pandangan pada petang ini dan saya terus menyokong peruntukan Maksud Bekalan 62, Kementerian Kebajikan Masyarakat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Matang.

6.44 ptg.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang):** Tuan Pengerusi, saya bangun bagi menyokong Maksud Bekalan 62, Kementerian Kebajikan Masyarakat, Butiran 1100, Progam 1, 2 (a), 2 (b) dan 2 (c) serta Program 3 (a), 3 (b), muka surat 613.

**Tuan Pengerusi:** Jangan banyak sangat, itu banyak sangat!

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Ya, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Teruk! (Ketawa).

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tetapi cakap sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi, di sini berhubung dengan peruntukan bagi Kementerian Kebajikan Masyarakat ini di dalam keadaan ataupun buat masa ini dalam kemeseletan ekonomi ini memang kita sedar bahawa peruntukan-peruntukan itu kalau kita lihat dalam peruntukan lain-lain Kementerian kita tengok Kementerian Kebajikan Masyarakat ini walaupun kita sedar peruntutannya sedikit, tetapi seharusnya bagi saya peruntutannya hendaklah diperbanyakkan lebih sedikit oleh kerana memandangkan keadaan-keadaan masyarakat yang kita kata masyarakat yang dhaif, masyarakat yang miskin yang terdapat di dalam rumah orang tua-tua di bawah peruntukan Kementerian Kebajikan Masyarakat ini. Satu daripadanya apa yang kita lihat, apa yang kita sedar bahawa apakah hakikat Kementerian ini berhubung dengan masalah orang-orang yang miskin yang mana tidak mempunyai kaum keluarga, yang mana mereka ini terdiri daripada orang-orang tua yang tidak mampu untuk mencari nafkah untuk dirinya sendiri.

Di sini, Tuan Pengerusi, saya rasa Kementerian ini sepatutnya mestilah

mengambil satu ketetapan ataupun mengambil satu keputusan yang benar-benar, yang bersungguh-sungguh untuk memberi pertolongan yang sebenar-benar pertolongan kepada mereka ini.

Oleh kerana saya selalu melawat ke rumah-rumah kebajikan di bawah kelolaan Kementerian Kebajikan Masyarakat ini, apa yang saya lihat, apa yang saya tengok berhubung dengan masalah kedudukan mereka tentang susunan tempat tinggal mereka, tempat duduk mereka. Kalau kita sekali imbas kita kata berpatutan, memang sesuai, tetapi pendapat saya, apa salahnya yang mana mereka ini kebanyakan mereka yang terdiri daripada umur 50 tahun ke atas yang mana mereka inipun manusia biasa yang ingin menikmati kehidupan yang sempurna sebagaimana masyarakat-masyarakat lain yang mahu hidup senang, hidup mewah dalam keadaan yang sempurna. Mengapa kita sebagai Kerajaan yang mahu melihat keadaan masyarakat dalam negara ini hidup sempurna, mengapa kita tidak memperbaiki keadaan tempat tidur kepada orang-orang tua ini.

Sebab mereka ini apa yang saya tinjau, apa yang saya lihat, apa yang saya bertanya dalam masalah mereka, masalah keluarga, ada setengahnya pula seorang tua yang pada satu ketika bukan susah sangat. Dia tidak ada anak, dia memelihara seorang anak angkat, anak angkat itu perempuan. Sudah besar, sudah diberi pelajaran, sudah kahwin dengan seorang anggota Police Force, bila sudah diberi kahwin, sudah diberi cukup semua, anak angkat ini anak angkat yang tidak mengenang budi, tidak mahu menerima emak angkatnya tinggal bersama-sama. Maka terpaksalah orang tua ini meminta pertolongan. Tidak ada kampung halaman, tidak ada rumah, tidak ada keluarga lain, terpaksalah pada satu ketika meminta bantuan dan pertolongan daripada

orang yang tertentu dan akhirnya orang tua ini dengan pertolongan Kementerian Kebajikan Masyarakat menghantar ke Rumah Orang-orang Tua.

Di sini kalau kita dengar rintihan-rintihan ataupun rayuan-rayuan daripada orang-orang ini tentulah kita rasa sedih dan sayu, sebab itu kita minta kalau dapat Kementerian ini supaya menyediakan sama ada orang ini terdiri daripada orang Melayu, orang Cina ataupun orang India, sebab mereka ini apabila meninggal dunia tidak ada tempat hendak dibawa.

Di tempat saya di Taiping kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. yang mana tanah perkuburan orang-orang Islam misalnya diterima, tetapi apa salahnya kalau Kementerian ini, saya mencadangkan kerana kadang-kadang pihak ini pun payah juga, kita sediakan satu kawasan, menyediakan lebih kurang 3, 4 ekar, kita khaskan yang mana orang tidak ada keluarga, yang tidak mahu diterima oleh kaum keluarganya buatkan khas untuk orang Islam, ini orang Christian, ini orang Buddha, kita buat seperti ini, kita buat satu kawasan yang mana mayat orang tua-tua yang meninggal di Rumah Kebajikan ini, yang mana tak mahu diterima oleh keluarganya ataupun yang tak ada keluarganya kita siapkan satu tempat. Apabila kita kebumikan, yang Islam ikut secara Islam, orang Christian secara Christian, yang Buddha ikut secara Buddha, begitulah seterusnya.

Saya masih ingat di dalam sejarah Islam kita pun tahu bahawa dunia ini tak boleh semua orang senang, sebab dalam satu cerita di zaman pemerintahan Umayyah yang mana pada satu ketika di zaman pemerintahan Umayyah . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Di bawah Butiran apa Umayyah itu?

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Kita mengenangkan balik.

**Tuan Pengerusi:** Saya ingat kita sudah larut, minta pendekkan, ringkaskan.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Ya, terima kasih. Jadi, saya hendak cerita sedikit sahaja sebagai ingatan kita yang mana pada satu ketika negara di bawah pemerintahan Umayyah itu rakyat semuanya mewah belaka.

Jadi, timbul satu masalah juga bila sudah semua orang senang. Bila semua orang sudah senang, mewah, tak ada siapa pula hendak pergi menangkap ikan—orang sudah kaya, tak ada orang yang hendak pergi tolong angkat tahi, tak ada siapa pula hendak pergi menanam sayur, tak ada siapa lagi hendak buat kerja yang berat-berat, semua orang sudah senang. Itu menjadi satu masalah juga. Tetapi maksud kita bukan bererti kita hendak semua orang Melayu ini kaya-raya, sebab kalau kita terlampau kaya, kita senang, mewah, kita lupa kepada Allah, sebab kita sudah senang, mereka lupa semua. Sekarang kita lihat sudah dapat senang-lenang, kaya-raya, lupa kepada Allah s.w.t., mereka jadi dunia kebendaan.

Tuan Pengerusi, maksud saya ini Menteri Kebajikan Masyarakat selaku ibu kepada orang-orang yang susah itu. Kalau orang lelaki sebagai bapa kepada Kementerian ini yang mana niat kita dengan seikhlas-ikhlas untuk mencari satu jalan untuk memberi pertolongan yang seadil-adil, yang sebaik-baik supaya tiap-tiap kebajikan yang kita buat di dunia ini insya Allah Tuhan akan memberi manfaat kepada kita sama ada di dunia dan juga di akhirat.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu berhubung dengan masalah bantuan-bantuan kebajikan kepada orang-orang fakir miskin yakni bukan orang yang tinggal dalam Rumah Orang-orang Tua. Dalam masalah ini kita pun sedar bahawa peruntukan-peruntukan itu setengahnya diberi oleh pihak Kerajaan Negeri, jadi saya minta supaya Kementerian ini menyusun satu program yang lengkap supaya peruntukan-peruntukan ataupun bantuan-bantuan kepada fakir-fakir miskin ini jangan ada kalanya, ada masa dapat \$20, \$25 sebulan, kemudian ada satu masa pula dipotong tinggal \$10, ada yang sampai \$5, \$6 sebulan pun ada, hendak makan apa. Kalau Kerajaan bayar \$6 sebulan, beras yang paling murah, beras hancur itupun hampir-hampir \$3 segantang. Macamana, apa benda yang hendak beri bantuan itu. Jadi, apa salahnya kita cari jalan supaya orang-orang yang betul-betul dhaif ini kalau dia tidak ada rumah, kita ambil mereka ini, letakkan dalam Rumah Orang-orang Tua, Rumah Kebajikan Masyarakat dan bangunan-bangunan itu biarlah sempurna, janganlah rumah mereka ini mentang-mentang kata mereka ini orang yang sudah tak laku oleh masyarakat hendak tunggu masa sahaja biarlah mereka itu hidup sempurna sebagai masyarakat kita yang hidup senang. Sebab selalunya apabila kita senang, kita lupa kepada orang yang susah, kita lupa kepada mereka ini, kita buat cuai sahaja, kata orang lebih kurang.

Tuan Pengerusi, oleh kerana masa tidak mengizinkan maka dengan ini saya menyokong peruntukan perbekalan bagi Kementerian Kebajikan Masyarakat bagi tahun 1984.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Padang Rengas, minta jangan panjang dan minta jangan ulangkan

yang telah pun diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain-lain. Selepas itu, saya akan meminta Yang Berhormat Menteri menjawab.

*7.00 mlm.*

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Pengerusi, saya cuma satu sahaja hendak bercakap berkenaan dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat ini berhubung dengan Bekalan 62, muka surat 614, Program 4 Perkhidmatan Perancangan dan Pembangunan.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini di atas perkhidmatannya kepada rakyat-rakyat yang memerlukan bantuan dan pertolongan Kerajaan dan sehingga ini tidak banyak sangatlah rungutan, sunggutan jika dibandingkan dengan masa-masa yang lampau, bermakna perhatian telah diberi oleh Kementerian ini kepada rayuan-rayuan daripada orang ramai.

Cuma saya berharap supaya perkhidmatan Kementerian ini dapat dipertingkatkan lagi dan dapat diperbaiki dari semasa ke semasa terutama di dalam program perkhidmatan perancangan dan pembangunan ini. Misalnya, katalah berkenaan dengan perkhidmatan kepada orang-orang cacat tadi. Hari ini Kerajaan telah mengadakan Pusat-pusat Latihan Kemahiran kepada orang-orang cacat, misalnya, kata orang buta. Setelah mereka mendapat pengetahuan ini mereka ini pun keluarlah untuk menjaja barang-barangnya, malangnya si buta ini ruang atau scope kawasan pasarannya terlalu terhad kerana dia buta. Dia berjalan di kawasan, itu sahaja dan benda itu yang dia buat tidak banyak jenisnya, jadi kalau seorang itu sudah membeli bakul sampah barangkali lima, enam bulan lagi pun dia tidak beli lagilah bakul sampah. Tetapi si buta pergi juga menjaja bakul

sampah. Jadi ini bukan sahaja mengecewakan orang-orang buta yang sudah mendapat kemahiran ini tetapi juga akan menyusahkan dia selain daripada penat berjalan tetapi kehidupannya tidak juga terbela.

Apa yang saya ingin sarankan supaya Pusat Latihan ini mempelbagaikan jenis-jenis latihannya sama ada dalam hal anyam-menganyam, sulam-menyulam, jahit-menjahit, ukir-mengukir dan bermacam-macam lagi dan barang-barang dan bahan-bahan itu bolehlah menggunakan bahan-bahan tempatan seperti rotan, buluh, kayu-kayu yang sudah lama atau pun mengkuang, lidi kelapa dan bermacam-macam lagi. Setelah mereka ini diberi latihan patutlah pihak perancang ini merancangkan pula supaya menjamin pasaran bahan-bahan yang dibuat itu. Iaitu dengan mengadakan satu bengkel yang khusus yang dikendalikan sendiri oleh pegawai-pegawai di Kementerian ini untuk mengambil barang-barang yang dibuat di pusat latihan ini kemudian mereka hendaklah berusaha memasarkan sama ada mengadakan hubungan dengan pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di bawah Karyaneka ini untuk dipasarkan. Jadi tidaklah kita menyiksa si buta yang kita beri pengetahuan ini berjalan ke hulu hilir membawa barang-barang yang tidak laku. Sedangkan orang-orang yang celik pun terasa seksanya, itu kalau barang tidak laku, apatah pula lagi si buta. Jadi saya rasa patut sangat difikirkan supaya orang-orang ini akan diberi umpamanya sebagai upahan atau pun bekerja dengan bengkel yang saya maksudkan tadi.

Jadi kiralah kadar peratus berapa harga dan berapa percent yang hendak diberi kepada pekerja sebagai komisen. Jadi pekerja ini tetap hanya sebagai tenaga pengeluar barang-barang di bengkel itu. Mereka tidak payah lagi berjalan ke hulu hilir

hendak menjaja barang-barang ini kerana sudah ada orang yang mengurus pasarannya. Itu dari segi berkenaan orang-orang cacat. Dan dengan yang demikian, saya rasa ini boleh menjamin pendapatannya, pendeknya tidak ada kerja lain, mereka bekerja dan kita bayar upah tiap-tiap bulan.

Perkara yang kedua berhubung dengan masalah perkhidmatan kepada akhlak. Hari ini kita nampak pihak Kementerian ini telah mengadakan sekolah pemulihan kepada budak-budak yang rosak akhlaknya dilatih dan dibimbing supaya menjadi manusia berguna. Ini memang baik dan mendapat sanjungan daripada masyarakat terhadap hasil-hasilnya di mana orang-orang yang tidak baik akhlaknya setelah mendapat latihan dan bimbingan telah dapat hidup di dalam masyarakat yang biasa dan mereka dapat mencari kehidupan dengan sempurna. Saya berharap supaya pegawai-pegawai di dalam Bahagian Perkhidmatan Akhlak ini diluaskan bidang tugasnya iaitu tidak sahaja ditumpukan kepada orang-orang yang sudah ternyata rosak akhlaknya, kita juga perlu mencegah dengan cara menuju kepada sasaran seperti penjaga ibu bapa di mana satu program-program khusus patut dibuat di peringkat-peringkat daerah supaya diadakan ceramah atau pun membuat risalah-risalah berjumpa dengan persatuan ibu bapa sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah. Kerana orang-orang ini begitu banyak sekali pengalaman setelah mereka dapat berdampingan dengan orang-orang yang telah rosak akhlak dari berbagai-bagai aspek. Jadi tabiat yang ada kepada seorang yang rosak akhlaknya itu sudah tentu juga akan berlaku kepada orang-orang yang lain. Jadi mereka bolehlah membimbing masyarakat yang belum lagi terlibat dengan kerosakan akhlak itu.

Jadi dengan cara yang demikian bermakna pihak Kementerian ini sedang berusaha ke arah merapatkan hubungan dengan masyarakat untuk membantu pegawai-pegawai ini menjaga anak-anak mereka, kerana saya yakin walau bagaimanapun bijak dan banyak duit sekali pun di Kementerian ini kalau harapan pegawai ini sahaja hendak mencegah akhlak tentu tidak berjaya, melainkan mestilah ada kerjasama, daripada ibu bapa. Jadi dengan adanya ingat-mengingat, nasihat-menasihat daripada pegawai yang lebih berpengalaman ini, kepada persatuan-persatuan ibu bapa mereka akan dapat membantu Kementerian ini untuk mengawal anak-anak masing-masing daripada melakukan perbuatan yang tidak diinginkan.

Selain daripada itu patut juga program-program diatitkan oleh pegawai-pegawai ini melawat ke sekolah-sekolah, kalau tidak banyak pun tiga bulan sekali, enam bulan sekali membuat ceramah-ceramah di sekolah-sekolah, sebaik-baiknya kalau boleh di masa waktu sekolah telah habis peperiksaan SRP umpamanya, budak-budak itu tidak ada kerja apa-apa lagi, jadi pihak pendidikan masyarakat mengaturkan program dari satu sekolah ke satu sekolah membuat ceramah berhubung dengan soal-soal akhlak ini, kerana mereka banyak pengalaman. Jadi dengan cara seperti ini bermakna di samping kita berusaha mengawal apa yang sudah berlaku memperbaiki akhlak yang buruk, kita juga berusaha untuk mencegah daripada berlakunya kanak-kanak dengan perbuatan yang tidak baik itu. Dengan langkah yang seperti ini bermakna Kementerian ini akan sentiasa mendapat kerjasama bukan sahaja daripada ibu bapa murid-murid malah, daripada murid-murid itu sendiri.

Kita boleh terangkan bahawa kanak-kanak kalau sudah rosak, rekodnya tidak baik dan masa

depannya gelap. Ini bermakna membantu dan bekerjasama dengan guru-guru di sekolah itu untuk membimbing anak-anak menuju ke arah yang baik.

Jadi itulah sahaja, Tuan Pengerusi, pandangan saya bagi menyokong peruntukan Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Sudah habiskah?

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Ya, bagi menyokong cadangan . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ada Ahli Yang Berhormat yang bangun, hendak minta jalankah? Minta jalankah atau on a point of order?

**Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** On a point of order.

**Tuan Pengerusi:** On a point of order ya, sebut.

**Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, Tertib Mesyuarat 41 (e). Saya ingin bertanya bolehkah Ahli-ahli tidur dalam mesyuarat semasa ada orang bercakap. Tetapi ahli itu sudah sedar, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada peraturan yang kata tidak boleh (*Ketawa*). Sudah habiskah?

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Hendak simpulkan sahaja lagi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Hendak simpulkan, ya, simpul jangan kuat-kuat sangat.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong peruntukan kepada Kemeterian di bawah Bekalan 62 dan P. 62. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.09 mlm.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu inginlah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian membahaskan peruntukan yang diberi kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat. Kerana masa telah agak lanjut, saya tidaklah bercadang untuk menjawab satu persatu kerana masalah-masalah yang ditimbulkan lebih kurang sama keadaannya.

Walau bagaimanapun, saya sukalah menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa masalah tadi bahawa masalah-masalah yang ditimbulkan itu telah pun dicatatkan dan akan diberi perhatian dan di mana-mana yang patut kita akan melaksanakan.

Tuan Pengerusi, saya sukalah menjelaskan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labis iaitu berkenaan dengan "child abuse" ataupun penganiayaan kepada kanak-kanak. Di sini sukalah saya menerangkan memanglah kes-kes "child abuse" biasa kita dengar dalam akhbar-akhbar dan Kementerian saya sentiasa memberikan perhatian yang berat dalam perkara ini. Walau bagaimanapun, memang benarlah kerumitan yang dihadapi adalah kebanyakan perkara mendera ataupun menyiksa kanak-kanak itu adalah dilaksanakan oleh kaum keluarganya sendiri. Walau bagaimanapun, Kementerian saya tentulah sangat berharap kepada pihak masyarakat untuk memberikan aduan-aduan sekiranya berlaku perkara penganiayaan kepada kanak-kanak ini. Dan juga apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu supaya dapatlah dikaji undang-undang ini, maka Kementerian saya menyambut baik cadangan ini dan sekiranya perlu

undang-undang yang berkenaan dengan penyiksaan terhadap kanak-kanak itu akan dikaji semula sekiranya perlu kita akan perketatkan lagi undang-undang ini.

Yang keduanya adalah berkenaan cadangan untuk mengadakan undang-undang mewajibkan anak menanggung nafkah orang tua mereka ataupun ibu-bapa mereka. Maka di sini saya memang mengucapkan terima kasih di atas pandangan yang baik daripada Ahli Yang Berhormat itu dan walau bagaimanapun Kementerian saya berpendapat untuk mengadakan undang-undang seperti ini perlulah dikaji implikasi selanjutnya dan mungkin ada lebih baik lagi kalau kita kembali kepada ajaran ataupun cara-cara hidup kita iaitu anak-anak perlulah membantu orang tua mereka. Mungkin undang-undang seperti ini tidak begitu perlu. Saya juga suka menyebutkan di sini bahawa satu masa dulu Kerajaan Singapura pun ada bercadang untuk mengadakan undang-undang seperti ini tetapi masih belum dilaksanakan. Ini mungkin menimbang banyak kerumitan yang mungkin timbul sekiranya undang-undang seperti ini dikuatkuasakan.

Walaupun bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan seperti ini. Kalau dapat dilaksanakan tentulah agaknya tidak perlu begitu banyak rumah orang tua didirikan.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ada menyarankan supaya diadakan institusi pondok. Di sini juga Kementerian saya mengalu-alukan pendapat seperti ini iaitu lebih sesuai lagi. Sebenarnya pihak Kementerian telah ada cadangan untuk mengadakan rumah secara pondok ini tetapi oleh kerana ekonomi tidak begitu mengizinkan maka rancangan ini terpaksa ditangguhkan. Walau bagaimanapun, pihak Majlis Kebajikan Pusat (Central Welfare Council) ada menyelenggarakan

banyak rumah kebajikan dan ini juga barangkali satu perkara yang boleh diminta Majlis Kebajikan Pusat untuk mengambil cadangan Ahli Yang Berhormat itu dan melaksanakannya.

Satu lagi yang dicadangkan ialah supaya "tax relief" diberi kepada mereka yang menyara orang tuanya. Ini adalah satu rancangan yang baik dan pihak Kementerian saya akan cuba merundingkan perkara ini dengan pihak Perbendaharaan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus ada juga membangkitkan masalah supaya diwujudkan Yayasan Kebajikan Masyarakat. Yang sebenarnya di bawah naungan Kementerian saya, Yayasan Kebajikan Negara telah pun wujud tetapi kerana di peringkat awal kewangannya yang dapat diikuti belumlah begitu memuaskan.

Saya tidaklah hendak mengulas tentang cerita beliau ada seorang pengemis yang pergi sampai mengemis ke negeri Siam. Kalau pula Kementerian saya tidak mengadakan undang-undang pengemis yang agak ketat, maka di Dewan ini juga beberapa tahun yang lalu bergemalah suara supaya pengemis itu ditangkap. Jadi tak tahulah yang mana satu yang hendak dilaksanakan adakah hendak biarkan pengemis berkeliaran atau hendak biarkan pengemis itu ditangkap. Walau bagaimanapun, pandangan Ahli Yang Berhormat itu kita memberi perhatian yang berat.

Satu lagi yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah rumah orang tua di Terengganu. Sebenarnya, rumah itu adalah di bawah kelolaan Kerajaan Negeri, bukan di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Ahli Yang Berhormat dari Matang menyebutkan juga supaya diadakan "Tanah Kubur" untuk orang-orang tua di kawasan rumah orang tua-tua. Cadangan ini bolehlah ditimbangan.

Satu lagi yang saya ingin tegaskan di sini iaitu bantuan sangat sedikit yang diberi kepada fakir-miskin. Ini ialah bantuan am, bantuan kewangan ini bukanlah datang daripada Kementerian Kebajikan Masyarakat tetapi ialah dari peruntukan Kerajaan Negeri. Sebab itulah jumlah yang diberi kita berbeza daripada satu negeri ke satu negeri. Walau pun Kementerian saya mengadakan satu skel ataupun mencadangkan jumlah yang berpatutan tetapi keadaan kewangan di negeri-negeri juga diambil kira. Oleh sebab itulah ada negeri-negeri yang memberi peruntukan yang agak lebih sedikit daripada negeri lain dan barangkali juga ada di setengah negeri itu semakin banyak Kerajaan Negeri memperuntukkan bantuan kewangan ini, semakin panjang pula senarai mereka yang hendak menerima bantuan itu. Maka akhirnya rancangan untuk hendak menambah lebih banyak lagi peruntukan yang diberikan itu tidak dapat dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Rengas telah mengesyorkan supaya perkhidmatan pemulihan akhlak diluaskan juga untuk pegawai-pegawai memberi ceramah kepada ibu bapa supaya dapatlah dicegah anak-anak mereka itu daripada terjerumus kepada perkara-perkara yang tidak baik. Cadangan ini adalah satu cadangan yang baik dan kita akan laksanakan sekiranya keadaan mengizinkan.

Jadi rasa saya, Tuan Pengerusi, itu sahajalah perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya menyatakan penghargaan saya di atas pandangan-pandangan yang telah diberikan. Setakat itulah sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$44,693,300 untuk Maksud B. 62 di bawah Kementerian

Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$44,693,300 untuk Maksud B. 62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$204,810 yang disebutkan dalam Maksud P. 62 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$204,810 untuk Maksud P. 62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1984.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi pihak Parlimen, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada penderma-penderma darah pada hari ini. Sambutan adalah sangat-sangat menggalakkan. Kita tidak boleh membayangkan betapa besarnya pertolongan kita itu kepada orang-orang yang berkehendakkan darah dan boleh jadi kita telah pun dapat menyelamatkan beberapa nyawa. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.20 malam.*